



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)

SOAL JAWAB Fiqh COVID-19

Bersama

YB Senator Datuk Dr. Zulkifli
Mohamad Al-Bakri



ISI KANDUNGAN



Mukadimah	01
Sejarah, Kronologi dan Statistik Terkini	03
Panduan dalam Menghadapi Wabak	11
Saranan dan Cadangan	31
Fiqh COVID-19	39
Isu Solat Jumaat dan Solat Jemaah	
S: Apakah hukum solat Jumaat dalam suasana wabak COVID-19?	42
S: Apakah hukum mengikut arahan pemerintah untuk tidak melaksanakan solat Jumaat?	49
S: Apakah hukum melakukan solat Jumaat di rumah?	51
S: Bagaimanakah kedudukan solat Zohor di awal waktu pada hari Jumaat? Benarkah ia tidak sah?	52
S: Apakah hukum meninggalkan solat Jumaat tiga kali berturut-turut dalam suasana wabak COVID-19?	54
S: Masih terdapat segelintir pihak yang berkeras mahu menunaikan solat Jumaat dalam suasana wabak COVID-19 sedang menular ini. Alasan mereka kerana terdapat hadith yang menyebut bahawa: Sesiapa yang tidak menunaikan solat Jumaat sebanyak tiga kali, maka ia termasuk dalam golongan munafik. Mohon penjelasan.	57

- S: Apakah hukum solat berjemaah dengan dijarakkan satu meter antara satu jemaah dengan jemaah yang lain? 62
-
- S: Bagaimana ingin menjawab kepada sesetengah pihak yang tidak bersetuju dan merasa tidak selesa apabila solat berjemaah tidak dapat dilakukan disebabkan penutupan masjid? 66
-
- S: Adakah dibolehkan melaksanakan Qunut Nazilah dalam menghadapi wabak COVID-19? 69

Isu Penutupan Masjid

71

- S: Adakah amalan menutup masjid atau surau ini pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW atau sahabat? 71
-
- S: Apabila masjid ditutup sehingga tidak dapat datang untuk berjemaah, adakah dengan berjemaah di rumah, pahalanya sama seperti berjemaah di masjid? 75
-
- S: Untuk memastikan solat berjemaah terus diadakan, bolehkah diikhtikarkan untuk dilakukan penggiliran solat berjemaah di masjid? 78

Laungan Azan

79

- S: Bagaimanakah lafaz azan semasa Perintah Kawalan Pergerakan? Adakah boleh ditambah dengan lafaz '*solatlah di rumah kamu*'? 79
-
- S: Apakah hukum bacaan al-Quran diperdengarkan sebelum azan dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan susulan wabak Covid-19 yang sedang melanda? 83

Isu Bersuci dan Solat

96

- S: Bolehkah solat dengan memakai *face mask* (penutup hidung dan mulut) dalam suasana COVID-19 ini? 96



- S: Apakah hukum menggunakan *hand sanitizer* (bahan pencuci tangan) ketika melakukan solat? Adakah ia dikira najis kerana ada alkohol di dalamnya? 98
-
- S: Bagaimanakah tatacara mengangkat hadas bagi mereka yang masih dalam proses pemeriksaan kesihatan iaitu *Patient Under Investigation* (PUI) bagi mengelakkan risiko penyebaran virus? Bolehkah mereka sekadar bertayammum? 99
-
- S: Bagaimanakah cara berwuduk bagi pesakit COVID-19 yang tidak mampu untuk ke tempat wuduk seperti pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan sepanjang masa. Adakah boleh menggunakan *spray air*? 102

Kenduri Kahwin

- S: Bagaimanakah majlis akad nikah diadakan dalam suasana wabak Covid-19 sedang merebak serta adanya Perintah Kawalan Pergerakan? 103
-
- S: Bolehkah meneruskan majlis pernikahan atau perlu ditangguhkan terlebih dahulu? Ini kerana ada yang sudah menempah hotel, katering, membuat jemputan dan sebagainya. 104
-
- S: Adakah sah akad nikah sekiranya jurunika tidak berjabat tangan dengan pengantin lelaki semasa akad nikah bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19? 105
-
- S: Apakah hukum pasangan pengantin bernikah melalui *video call* atau *video conference* (sidang video)? Ini disebabkan oleh kekangan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan. 107

Hukum Bersalaman

- S: Apakah hukum saling bersalaman dalam keadaan virus COVID-19 sedang berkembang-biak? 109

Mentaati Pemerintah dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

- S: Dalam menghadapi COVID-19, apakah pemahaman asas dalam isu ketaatan kepada pemimpin dalam usaha mengelakkan kemudaratan yang lebih besar kepada masyarakat? 113
- S: Apa nasihat Datuk berkenaan mereka yang sedang berkira-kira untuk pergi ke kelas agama, kelas mengaji al-Quran untuk mendapatkan ilmu agama, tetapi tidak dapat melakukannya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini sedangkan itu juga penting. 117
- S: Apakah hukum seseorang membeli barangan dengan banyak atau disebut sebagai 'pembelian panik' dengan beralaskan Perintah Kawalan Pergerakan yang lama sedangkan bekalan terhad? 119
- S: Apakah nasihat Datuk berkenaan aktiviti yang umat Islam perlu lakukan di rumah dalam tempoh kuarantin ini? 121

Solat Jamak kepada Petugas Barisan Hadapan (*Frontliner*)

- S: Terdapat petugas dan doktor yang mengendalikan pesakit COVID-19 menggunakan sut baju khas. Mungkin juga mereka tidak cukup masa untuk solat. Bolehkah mereka menunaikan solat secara jamak? 124

Pengurusan Jenazah

- S: Berkaitan isu pengurusan jenazah pesakit COVID-19, adakah memadai dengan tayammum tanpa perlu dimandikan?



Apakah yang patut difahami tentang pengurusan jenazah yang paling asas dalam isu wabak COVID-19 ini?	128
S: Jika kita mendapat berita berkenaan kematian ahli keluarga atau orang kampung yang meninggal kerana COVID-19, adakah salah jika kita tidak pergi menziarahi jenazah?	133
S: Orang yang mati dengan sebab wabak COVID-19, adakah dianggap sebagai syahid? Bagaimana pula dengan rakan-rakan Jemaah Tabligh.	135

Infaq kepada Tabung COVID-19

S: Apakah hukum memberikan Infaq pada Tabung COVID-19?	140
S: Bagaimanakah keutamaan pengagihan dilakukan menerusi tabung-tabung bantuan seperti <i>Musa'adah</i> COVID-19 dan tabung-tabung masjid dalam membantu mereka yang terjejas kerana wabak ini?	146

Panduan Menghadapi Wabak

S: Apakah garis panduan yang diletakkan Islam dalam menangani wabak-wabak seperti COVID-19 ini?	151
S: Bagaimanakah kita melihat dalam isu COVID-19 ini, bahawa usaha itu mesti juga diiringi dengan doa, dan doa itu mesti juga dengan usaha yang bersungguh-sungguh?	153
S: Apakah nasihat Datuk kepada individu atau keluarga yang menghidap penyakit wabak COVID-19 ini?	156



Mendapatkan Berita dari Sumber Sahih

- S: Apabila merujuk kepada berita di media sosial, kadang-kadang kita tidak pasti sumbernya sahih ataupun tidak. Tetapi ramai yang terus menyebarkannya dan berkongsi dengan orang ramai. Dalam situasi COVID-19 ini, serta dalam keadaan begitu menekan sekarang ini, apakah tanggungjawab yang perlu kita lakukan sebagai umat Islam terhadap apa jua berita yang disebarikan dalam media sosial? 158


Isu-isu Lain Berkaitan Covid-19

- S: Adakah sah membayar zakat secara *online*? Ini kerana kekangan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan. 161
- S: Apakah hukum puasa bagi orang yang terpaksa menjalani ujian saringan perubatan Covid-19 seperti *nose swab test*? Adakah ia membatalkan puasa? 165
- S: Apakah hukum seseorang yang menyimpan makanan melebihi keperluan dan apakah hukum peniaga yang menaikkan harga barang dalam suasana Covid-19 ini? 169
- S: Bolehkah kita berhimpun secara beramai-ramai untuk melakukan munajat agar dihilangkan wabak dalam suasana Covid-19 ini? 171

Doa Menghadapi Wabak 175

Penutup 191

MUKADIMAH



A lhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke Hari Kesudahan.

Pada penghujung Disember 2019, satu dunia dikejutkan dengan penularan virus COVID-19 yang dipercayai berpunca dari bandar Wuhan yang terletak di Wilayah Hubei, China. World Health Organization (WHO) kemudiannya telah melancarkan Global 2019-nCoV Clinical Data pada 28 Januari 2020, bagi membenarkan negara-negara ahli untuk menyumbang data klinikal bagi menyampaikan maklum balas klinikal kesihatan awam.

Pada 11 Mac 2020, WHO telah menukar status wabak tersebut daripada tahap apadematik kepada pandemik. Ini menggambarkan bahawa bahayanya telah menjangkau kepada hampir seluruh dunia. Sehingga 15 Mei 2020, keseluruhan jumlah kes semakin meningkat dan dilihat telah melebihi angka 4 juta. Manakala kadar kematian mencatatkan sebanyak lebih daripada 400 ribu (setakat ini) di seluruh dunia.


Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengalami peningkatan jangkitan dan kadar kematian sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penyebaran wabak COVID-19. Tindakan pantas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membendung virus ini daripada terus merebak juga patut diberi pengiktirafan dan sokongan.

Kami bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku ini dapat diterbitkan tepat pada masanya. Dalam buku **Soal Jawab Fiqh COVID-19 bersama YB Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri** ini, ia menghimpunkan pelbagai soalan-soalan lazim yang sering dikemukakan kepada kami berkaitan hukum dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dalam suasana wabak COVID-19 yang sedang menular ini.

Semoga dengan penerbitan buku ini, ia dapat menjadi rujukan dan panduan yang berguna kepada masyarakat amnya, dan kepada petugas-petugas *frontliner* khususnya dalam melaksanakan tugas menangani wabak COVID-19 ini.

Penerbit.

SEJARAH, KRONOLOGI DAN STATISTIK TERKINI




Kami mulakan dengan mengemukakan secara ringkas berkenaan takrif, sejarah, kronologi dan statistik terkini berkaitan penularan wabak COVID-19 ini. Mudah-mudahan ia dapat memberi satu gambaran kepada kita tentang bagaimana terjadinya penularan wabak ini serta betapa bahayanya wabak yang sudah mencapai tahap pandemik ini.

Takrif Coronavirus

Secara umumnya, *Coronavirus* (CoV) adalah suatu keluarga besar virus yang menyebabkan pelbagai jenis penyakit yang meliputi demam selesema sehinggalah penyakit serius seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory Coronavirus* (MERS-CoV).

Coronavirus baharu iaitu *Novel Coronavirus* (2019-nCoV) adalah mana-mana *strain* baharu virus tersebut yang sebelum ini tidak pernah dikenalpasti atau dikesan pada badan manusia.¹

1. Lihat: <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-infografik>



Keluarga Coronavirus

2019-nCoV merupakan salah satu ahli daripada Keluarga Coronaviridae, yang boleh diklasifikasi di bawah sub-keluarga Orthocoronaviridae. Virus-virus ini adalah daripada keluarga yang sama seperti virus SARS (*Severe Acute Respiratory Syndrome*) dan MERS-CoV (*Middle Eastern Respiratory Syndrome*). Dalam keluarga ini, terdapat juga ahli-ahli yang lain, namun gejala yang dihasilkan adalah lebih ringan, maksudnya mereka mampu juga menyebabkan selesema yang biasa dialami sepanjang tahun. Secara klasifikasi genetik, Coronavirus boleh dibahagi kepada alfa, beta, gamma, dan delta. Virus yang dahsyat seperti SARS-CoV, MERS-CoV dan 2019-Novel Coronavirus diletakkan di dalam satu kumpulan.

Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menamakan wabak ini dengan COVID-19 sebagai singkatan Co untuk Corona, Vi untuk virus dan D untuk penyakit. Dan 19 merujuk kepada mula berlaku pada 2019.

Sejarah

Coronavirus adalah kumpulan virus yang menyebarkan penyakit kepada mamalia, termasuk manusia, dan burung. Ia ditemui pertama kali pada tahun 1960, coronavirus mendapat namanya daripada bentuknya yang seakan-akan mempunyai mahkota, oleh itu ia dinamakan sebagai corona yang membawa maksud mahkota atau *crown*.

Coronavirus adalah salah satu keluarga virus yang besar dan kebanyakannya hidup dalam haiwan seperti unta, lembu, kucing dan juga kelawar.

Kronologi Penyakit Covid-19

Novel coronavirus (nCoV) atau Covid-19 adalah virus yang telah dikenalpasti menyebabkan wabak yang melibatkan saluran pernafasan dimana ia pertama kali dikesan di Wuhan, China pada 31 Disember 2019.

Kes pertama coronavirus dikesan di Wuhan apabila seorang pekerja Pasar Borong Makanan Laut Huanan yang menjual

pelbagai jenis hidupan laut, haiwan dan burung jatuh sakit akibat sejenis *pneumonia*. Pesakit mengalami gejala-gejala seperti selesema atau “flu” dan dikuarantin sementara punca selesema itu dikenalpasti. Keesokan harinya, lokasi utama virus itu disebarkan telah dikenalpasti iaitu melalui sebuah pasar makanan laut. Sejak hari itu, operasi pasar tersebut telah ditutup.



Pasar Laut Huanan, Wuhan.

Pada mulanya, kebanyakan daripada pesakit tersebut dikatakan mempunyai kaitan dengan makanan laut dan haiwan yang dijual di Pasar Makanan Laut Wuhan.

Akan tetapi bilangan pesakit telah meningkat dan kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai sejarah pergi ke pasar tersebut dan ini menunjukkan terdapat jangkitan yang berlaku sesama manusia (*human to human transmission*).

Kajian yang telah dijalankan terhadap haiwan-haiwan yang dijual di pasar tersebut berserta sampel covid-19 yang diperolehi menunjukkan satu kemungkinan bahawa ia berasal daripada virus yang terdapat di dalam ular atau kelawar.

Menurut kajian yang dijalankan oleh World Health Organization (WHO), sehingga kini kadar atau kebolehan virus ini merebak diantara manusia masih lagi belum diketahui dan masih di dalam siasatan.²

Bagaimana Wabak Ini Boleh berjangkit?

Covid-19 boleh berjangkit melalui cara-cara berikut: ³

- **Melalui cecair yang dikeluarkan dengan cara bersin atau batuk daripada individu yang dijangkiti.**
- **Melakukan sentuhan secara langsung (tanpa lapik) dengan individu yang dijangkiti.**
- **Menyentuh tempat yang tercemar dengan jangkitan virus tersebut.**



2. Lihat: [http://www.moh.gov.my/moh/press_releases/Kenyataan%20Akhbar%20DG%20COVID-19%20\(4%20MAC%202020\).pdf](http://www.moh.gov.my/moh/press_releases/Kenyataan%20Akhbar%20DG%20COVID-19%20(4%20MAC%202020).pdf); Coronavirus: Simptom, Punca dan Rawatan, https://pku.upm.edu.my/article/coronavirus_simptom_punca_dan_rawatan-55053, 27/1/2020

3. Lihat: <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>

Gejala dan Komplikasi

Pesakit boleh menunjukkan gejala am seperti demam, sakit otot dan keletihan. Manakala batuk berkahak dan sakit kepala adalah jarang, batuk darah dan cirit-birit juga sekali-sekala. Ia boleh mengambil masa seminggu sebelum orang yang dijangkiti merasa cukup sakit untuk mendapatkan rawatan. Malah, jika masalah ini tidak dirawat, ia boleh menyebabkan beberapa komplikasi lain dan akhirnya mengundang kematian. Komplikasi yang mungkin timbul daripada jangkitan ini adalah seperti berikut:

• Pneumonia

Pneumonia merupakan jangkitan yang membawa kepada masalah keradangan paru-paru. Gejala radang paru-paru berlaku apabila inflammasi terjadi kerana sistem imun badan cuba melawan jangkitan virus. Keradangan ini mengganggu aliran pertukaran gas di paru-paru dan akhirnya menyebabkan kesukaran bernafas. Pneumonia yang teruk boleh menyebabkan kerosakan yang lebih besar kepada paru-paru dan menyebabkan paru-paru terdedah kepada jangkitan lain seperti kuman.

• Sindrom Penyakit Pernafasan Akut (ARDS)

Dalam kes yang lebih teruk, pesakit mungkin mengalami ARDS (*Acute Respiratory Distress Syndrome*). Ini adalah keadaan yang mengancam nyawa yang menyebabkan tahap oksigen yang rendah dalam darah



dan akhirnya menyebabkan kegagalan pada kebanyakan organ. Pesakit dengan keadaan ini biasanya memerlukan pengudaraan mekanikal dan sokongan pernafasan di ICU (Unit Rawatan Rapi).

• Masalah Buah Pinggang

Kerosakan kepada organ utama terutamanya buah pinggang mungkin berlaku akibat daripada kesan jangkitan teruk atau kekurangan oksigen yang disalurkan ke seluruh tubuh badan. Organ penting tidak dapat bertahan lama tanpa bekalan oksigen yang mencukupi dan berterusan. Walaupun dengan rawatan intensif dan penggunaan *ventilator*, kerosakan teruk pada paru-paru menyebabkan bekalan oksigen yang sampai ke paru-paru menjadi rendah. Kerosakan pada mana-mana organ utama ini boleh menjadi sangat serius dan memerlukan rawatan tambahan. Kerosakan organ secara meluas biasanya menyebabkan risiko kematian yang lebih tinggi.

• Sepsis (Jangkitan Darah)

Pesakit yang dijangkiti oleh coronavirus mungkin mati akibat daripada kejutan septik. Ia adalah satu keadaan yang berpotensi untuk membawa maut. Ia berlaku apabila jangkitan virus tersebar ke seluruh tubuh terutamanya ke dalam aliran darah. Sebagai tindak balas kepadanya, saluran darah akan mula meluas dan gagal mengekalkan integriti strukturnya. Hal ini kemudiannya akan membawa kepada tekanan darah rendah dan akhirnya mengurangkan saluran oksigen pada tisu, dan akhirnya menyebabkan tisu mati.⁴

4. Lihat: <https://www.doctoroncall.com.my/pengenal-an-coronavirus/komplikasi#show>

Statistik Terkini COVID-19

Pertama: Statistik terkini COVID-19 di seluruh dunia sehingga 15 Mei 2020 yang dikeluarkan oleh World Health Organization (WHO).


Jumlah Keseluruhan Kes	Jumlah Keseluruhan Kematian	Jumlah Keseluruhan Sembuh	Jumlah Negara Yang Terlibat
4,437,442	302,025	1,585,286	187

Kedua: Statistik terkini COVID-19 di Malaysia sehingga 15 Mei 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ⁵

Status Kes	Jumlah
Kes disahkan positif	6,819
Kes disahkan negatif (<i>sehingga 11 Mei 2020</i>)	259,322
Kes pulih	5,351
Kes kematian	112

5. Lihat: <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>

PANDUAN DALAM MENGHADAPI WABAK



Kami garapkan di sini beberapa panduan dan nasihat utama kepada rakyat Malaysia khususnya bagi umat Islam dalam menghadapi wabak COVID-19 ini. Mudah-mudahan ia memberi manfaat kepada kita dalam mengharungi ujian ini dengan penuh kesabaran.

Pertama: **UJIAN PASTI MENDATANG**

Benarlah firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
 وَالْأَنْفُسِ وَالشَّمْرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا
 أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musib) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar – (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu musibah (kesusahan) mereka mengucapkan: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.

Surah Al-Baqarah (155-156)

Pada ayat ini, Allah SWT memberi khabar bahawa Dia menguji hamba-hamba-Nya yang beriman dengan beberapa ujian di saat mereka berada dalam keadaan suka dan duka, dan kesemua mereka akan mendapat pahala jika mereka bersabar terhadapnya. Mereka kemudiannya mengucapkan lafaz *istirja'* bukti sebagai seorang yang sabar dan syukur. (Lihat **Tafsir al-Maraghi**, 1/467)

Justeru, senjata yang ampuh bagi umat Islam adalah sentiasa berhati-hati, menggunakan kebijaksanaan untuk mengatasi rintangan dan cabaran, di samping doa dan tawakkal kepada-Nya.

Kedua: **MENGUCAPKAN ISTIRJA'**

Begitulah petunjuk yang telah diberikan melalui wahyu yang mana apabila berlakunya musibah (kematian) maka antara ciri-ciri mereka yang bersabar dengan musibah tersebut adalah mereka mengucapkan *istirja'* iaitu ucapan:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: *“Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.*

Ummu Salamah R.Anha berkata bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ تُصِيبُهُ مُصِيبَةٌ، فَيَقُولُ مَا أَمَرَهُ اللَّهُ: إِيَّا لِلَّهِ
 وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، اللَّهُمَّ أَجْزِنِي فِي مُصِيبَتِي، وَأَخْلِفْ
 لِي خَيْرًا مِنْهَا، إِلَّا أَخْلَفَ اللَّهُ لَهُ خَيْرًا مِنْهَا

Maksudnya: “Tidaklah seorang mukmin tertimpa musibah lalu ia membaca apa yang telah diperintahkan oleh Allah, ‘Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan akan kembali kepada Allah. Ya Allah, berilah kami pabala kerana musibah ini dan tukarlah bagiku dengan yang lebih baik daripadanya.’ melainkan Allah menukar baginya dengan yang lebih baik”.

Riwayat Muslim (918)



Maka jelaslah melalui hadith ini bahawa setiap orang yang beriman digalakkan untuk menyebut lafaz *istirja'* ketika mana ditimpa musibah sama ada musibah tersebut kecil ataupun besar. Imam al-Nawawi menyebut sunat melafazkannya kerana Rasulullah SAW disuruh melafazkannya dan ayat al-Quran juga menunjukkan hal yang sama begitu juga *ijma'* muslimin. (Lihat **al-Minhaj Syarh Sahih Muslim**, 6/220)

Imam al-Qurtubi pula menyatakan dalam tafsirnya, musibah ialah setiap perkara yang menimpa manusia dan menyakiti mereka. (Lihat **Tafsir al-Qurtubi**, 2/175) Perlu difahami di sini bahawa lafaz *istirja'* ini bukan hanya disunatkan untuk dilafazkan pada waktu berlakunya sesebuah kematian namun ia umum pada setiap perkara atau kejadian yang menimpa manusia apatah lagi menyakiti mereka.

Daripada 'Ikrimah R.A bahawasanya pelita Rasulullah SAW terpadam pada satu malam. Lantas Baginda mengucapkan:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ. فَقِيلَ: أَمْصِيْبَةٌ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: نَعَمْ، كُلُّ مَا آذَى الْمُؤْمِنَ فَهُوَ مَصِيْبَةٌ.

Maksudnya: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali". Kemudian dikatakan kepadanya: 'Adakah ini dianggap suatu musibah wabai Rasulullah?' Jawab Baginda: 'Ya. Setiap perkara yang menyakiti orang yang beriman maka ia merupakan musibah.' (Lihat **Tafsir al-Qurtubi**, 2/175) dan sabit maknanya dalam al-Sahih.

Justeru itu, disunatkan ke atas setiap Muslim untuk mengucapkan lafaz *istirja'* pada setiap musibah ataupun dugaan yang menimpa diri mereka. Ini kerana ada beberapa hikmah di sebaliknya termasuklah pengakuan terhadap ke-Esaan Allah SWT, kepercayaan pada Hari Akhirat (tempat kembalinya manusia), berserah diri dengan ketentuan Ilahi serta berharap akan ganjaran di sisi-Nya. (Lihat ***al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah***, 3/281)

Ketiga: **JANGAN SESEKALI MENAKUTKAN ORANG LAIN DENGAN HEBAHAN YANG TIDAK TEPAT.**

Firman Allah SWT:

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدْعَاؤُهُ بِهٖ وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى
 الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ
 وَلَوْ لَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَاتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: “Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus mengbebalkannya; padahal kalau mereka kembalikan sabaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada - “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketabui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihanNya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut Syaitan kecuali sedikit sabaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu).”

Surah al-Nisa' (83)

Hal ini bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السَّلَاحَ فَلَيْسَ مِنَّا

Maksudnya: *“Sesiapa yang membawa senjata untuk menakutkan kami, maka dia bukan daripada kalangan kami.”*

Riwayat al-Bukhari (6874)

Imam al-Nawawi menyatakan bahawa hadith ini di sisi ahli ilmu memberi maksud perbuatan membawa senjata untuk menakutkan orang ramai bukanlah daripada petunjuk dan amalan kami. (Lihat **al-Minhaj Syarh Sahih Muslim**, 1/109)

Begitu juga sabda Rasulullah SAW:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَرُوعَ مُسْلِمًا

Maksudnya: *“Tidak halal bagi seorang Muslim menakutkan orang Muslim yang lain.”*

Riwayat Abu Daud (5004)

Termasuk juga dalam ertikata menakutkan orang adalah dengan menyebarkan maklumat palsu yang menyebabkan masyarakat berasa panik, takut dan bimbang. Begitu juga sebaran

maklumat yang menggerunkan tanpa usul periksa sedangkan hakikat sebenarnya adalah berlainan. Dengan sebab itulah kami selalu katakan:

إِنْ كُنْتَ نَاقِلًا فَالصَّحَّةُ، أَوْ مُدَّعِيًا فَالِدَلِيلُ

Maksudnya: *“Jika sekiranya menukilkan sesuatu, maka sabkan terlebih dahulu. Atau jika membuat sesuatu dakwaan, maka bendaklah mengemukakan bukti.” (Lihat Dhawabit al-Ma’rifah, blm. 368)*

Tahniah sekali lagi kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kerana telah menghimpunkan senarai berita-berita palsu berhubung wabak COVID-19.⁶



6. Lihat: <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/10156695650196237>

Keempat: **MENGAMBIL ASBAB KERANA IA TERMASUK DALAM HAKIKAT TAWAKKAL**

Menjadi *sunnatullah* agar kita berusaha dan mencari sebab bagi melaksanakan sesuatu atau mengenal sebarang bentuk penyakit seterusnya dengan itu dapat mencari ramuan serta rawatan untuk penyakit tersebut.

Benarlah hadith Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu al-Darda' R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوُوا، وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan penawarnya. Dia jadikan setiap penyakit ada penawarnya. Maka bendaklah kamu berusaha merawat tetapi jangan merawat dengan bahan yang haram.*”

Riwayat Abu Daud (3874)

Syeikh ‘Abd al-‘Azim Abadi menyatakan: “(إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ) iaitu Allah menjadikannya penyakit dan memberikan penawarnya juga. (لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ) iaitu daripada yang halal. (Lihat ‘**Aun al-Ma’bud**, 10/ 251)

Dalam konteks COVID-19, kita digalakkan untuk berjaga-jaga dan menjaga kesihatan diri dengan mengikuti segala bentuk panduan daripada KKM.

Kelima: **MEMAHAMI NAS DENGAN SEBAIKNYA**

Daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لا عَدْوَى

Maksudnya: *"Tidak ada penyakit yang berjangkit."*

Riwayat al-Bukhari (5770)

Apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW dalam hadith ini adalah bahawa penyakit berjangkit itu tidak dapat menular dengan sendirinya. Akan tetapi Allah SWT yang menjadikan penularan penyakit itu dengan sebab-sebabnya. Antaranya disebabkan bergaulnya orang yang sakit dengan orang yang sihat serta sebab-sebab lain yang boleh menyebabkan penularan penyakit. Inilah salah satu pendapat ulama' dalam memahami hadith ini dan pendapat ini juga dikuatkan oleh Ibn Solah. (Lihat **Ulum al-Hadith**, hlm. 257) Hadith tersebut tidak bererti bahawa penyakit berjangkit tidak wujud.



Keenam: **MEMELIHARA KESIHATAN MELALUI KEBERSIHAN ADALAH PERINTAH SYARAK.**


Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengasabi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasabi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

Surah al-Baqarah (222)

Syeikh Ali al-Sobuni berkata: “Sesungguhnya Allah amat mencintai orang yang bertaubat dari dosa dan membersihkan diri daripada perbuatan yang tercela dan juga daripada kekotoran.” (Lihat **Safwah al-Tafasir**, 1/127)



Firman Allah SWT:

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ
 أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ
 يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

Maksudnya: “Janganlah engkau sembayang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa’ yang engkau bina wahai Mubammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembayang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasibi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zabir dan batin).”

Surah al-Taubah (108)

Ayat ini menunjukkan betapa Allah SWT memuji golongan yang menjaga kebersihan.

Ketujuh: KAEDAH PENCEGAHAN

Bagi mengelakkan penyakit berjangkit, banyak kaedah pencegahan yang disarankan oleh pakar yang berautoriti. Dalam Islam, Rasulullah SAW telah memberikan asas pencegahan yang baik melalui udara (*airbone*), titisan (*droplet*) mahupun sentuhan (*contact*).

Daripada Ibn 'Abbas R.Anhuma:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ يُتَنَفَّسَ فِي الْإِنَاءِ
أَوْ يُنْفَخَ فِيهِ

Maksudnya: “*Babawasanya Nabi SAW melarang untuk bernafas dalam bejana atau meniupnya.*”

Riwayat al-Tirmizi (1888)

Daripada Abu Hurairah R.A:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا عَطَسَ غَطَّى وَجْهَهُ
بِيَدِهِ أَوْ بِثَوْبِهِ وَغَضَّ بِهَا صَوْتَهُ

Maksudnya: “*Babawasanya apabila Nabi SAW bersin, baginda menutup wajah dengan tangannya atau kainnya sambil merendabkan suaranya.*”

Riwayat al-Tirmizi (2745)

Katanya hadith ini hasan sahih

Praktikal pada zaman ini adalah dengan memakai *face mask* (penutup muka) bagi menghalang air liur, kahak dan hingus si pemakai dari tersebar ke udara ketika batuk atau bersin.



Daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحِّ

Maksudnya: *“Pesakit yang berpenyakit berjangkit tidak boleh mendatangi orang yang sibat.”*

Riwayat al-Bukhari (5771)

Al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani berkata: “Padanya penguat kepada tegahan daripada membawa atau menyebarkan penyakit.”
 (Lihat **Fath al-Bari**, 10/242)

Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ
 بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya: *“Jika kamu mendengar penyakit taun melanda di suatu kawasan, janganlah kamu masuk ke kawasan tersebut. Dan jika kamu berada di kawasan tersebut, janganlah kamu keluar dari situ.”*

Riwayat al-Bukhari (5728)

Hadith ini menunjukkan bahawa pemerintah boleh mengambil tindakan kuarantin terhadap rakyatnya agar penyakit atau wabak tidak tersebar. ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf R.A pernah menyebutkan



Bersama Sheikh Muhammad Awwamah.

hadith ini kepada Khalifah 'Umar bin al-Khattab ketika beliau bercadang pergi ke Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana. Mendengar hadith ini, Amirul Mukminin 'Umar al-Khattab membatalkan hasratnya. (Lihat **al-Bidayah wa al-Nihayah**, 3/5)

Dalam perbincangan kami dengan al-Allamah al-Muhaddith Syekh Muhammad 'Awwamah di Istanbul, Turki pada hari Isnin 27 Januari 2020 berkenaan dengan maksud taun dalam hadith, ia memberi makna kepada sebarang bentuk wabak atau penyakit umum yang melanda pada satu-satu tempat. Justeru, ia juga terpakai kepada penyakit COVID-19.

Hadith-hadith di atas ini menyimpulkan tiga hikmah terbesar bagi mencegah penularan penyakit berjangkit iaitu:

- Tidak berada di tempat yang berisiko tinggi
- Menjaga kebersihan diri
- Keperluan kuarantin bagi pesakit yang menghidap penyakit berjangkit

Kelapan: **TABAYYUN SETIAP BERITA YANG DIPEROLEH**

Terdapat kaedah masyhur yang berdasarkan nas Ilahi, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا
 قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya: “Wabai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejabilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Surah al-Hujurat (6)

Syeikh Ali al-Sobuni berkata: “Jika datang kepada kamu seorang lelaki fasiq yang mana dia tidak boleh dipercayai dengan kebenaran dan keadilannya, dengan apa yang diberitakan, maka hendaklah kamu menyemak akan kesahihan berita. Ini



supaya kamu tidak mengenakan hukuman atau musibah kepada satu-satu kaum sedangkan kamu jahil tentang hakikat sebenar. Ketika itu, jadilah kamu menyesal tak sudah atas perbuatan kamu. (Lihat **Safwah al-Tafasir**, 3/216)

Ibn Kathir berkata: “Allah SWT memerintahkan agar kita benar-benar menyemak berita daripada orang fasiq dengan berwaspada supaya tidak berlaku sebarang pendustaan dan kekeliruan. Kebanyakan ahli tafsir menyebut turunnya ayat ini kepada al-Walid bin ‘Uqbah bin Abi Mu’it ketika menjadi utusan Rasulullah SAW untuk memungut zakat daripada Bani Mustaliq.” (Lihat **Tafsir al-Quran al-‘Azim**, 4/264)

Berdasarkan huraian di atas, dapat difahami bahawa antara adab-adab *tabayyun* adalah mengelakkan diri daripada mendengar sesuatu berita yang belum dapat dipastikan kesahihannya oleh pihak yang berautoriti.

Sebab itulah dalam surah al-Hujurat juga, prinsip *tabayyun* diseiringkan dengan ayat yang menuntut umat bersangka baik dan tidak mudah menjatuhkan hukum atau kesimpulan sebagaimana yang disebut pada ayat ke-12 dalam surah yang sama: “Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa.”

Umat Islam hendaklah menjadi pembawa berita gembira dan bukan menakutkan orang ramai dengan berita palsu dan analisis yang bukan daripada ahlinya. Inilah yang diajar oleh Nabi SAW. Sebagai contohnya, apabila Baginda SAW menziarahi orang sakit, makanya Baginda SAW akan memberi semangat kepadanya dengan berkata:

لَا بَأْسَ طَهُورٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Maksudnya: *“Tidak mengapa, semoga suci (sembuh) dengan kebendak Allah SWT.”*

Riwayat al-Bukhari (5656)

Berkata al-Hafiz Ibn Hajar: (طَهُورٌ): bermaksud mudah-mudahan Allah SWT membersihkan dosa-dosamu.” (Lihat **Fath al-Bari**, 10/124)

Berkata Syeikh Mulla ‘Ali al-Qari: “(طَهُورٌ): ertinya tidak ada rasa berat dengan sakit ini, kerana ia akan menjadi penghapus dosa-dosa.” (Lihat **Mirqah al-Mafatih**, 2/1123)



Begitu juga, boleh jadi apa sahaja yang kita ulas dan kongsi di media sosial bukanlah sesuatu yang benar, sebaliknya hanya khabar angin yang kita dengar dan peroleh daripada sumber yang tidak berautoriti. Benarlah sabda Nabi SAW, daripada Hafs bin ‘Asim:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Maksudnya: “Cukuplah seorang itu dianggap berdusta apabila dia bercakap segala apa yang dia dengar.”

Riwayat Muslim (7)

Imam al-Nawawi berkata: “Di sini menunjukkan bahawa larangan daripada bercakap setiap apa yang dia dengar kerana boleh jadi apa didengarinya itu adalah benar dan berkemungkinan juga perkara dusta. Justeru, apabila dia berbicara setiap apa yang dia dengar, maka sesungguhnya dia telah mendustakan dengan berita-berita yang tidak dipastikan kebenarannya.” (Lihat **al-Minhaj Syarh Sahih Muslim**, 1/75)

Oleh itu, marilah sama-sama kita menginsafi diri supaya janganlah kita menjadi penyebab ke arah ketidakbaikan atau dengan kenyataan dan hebahan kita membawa kepada keadaan yang panik dan kebimbangan yang melampau.

JUNJUNG KASIH ATAS TITAH KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Kami menjunjung kasih titah KDYMM Tuanku Agong berhubung wabak COVID-19. Kebawah Duli yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah menitahkan kesemua masjid di seluruh negara mengadakan solat hajat dan doa selamat memohon ihsan Allah SWT supaya memelihara rakyat daripada sebarang penyakit yang tidak diingini.



Kecaknaan Seri Paduka Baginda yang menyeru seluruh rakyat untuk memperbanyakkan doa agar Malaysia dan dunia dilindungi daripada wabak berkenaan menzahirkan sikap Seri Paduka Baginda yang amat prihatin akan masalah negara.

Kesimpulan

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak KKM perlu diberi sokongan penuh. Sebarang bentuk nasihat daripada pihak berautoriti hendaklah dipatuhi oleh masyarakat.

Semua lapisan masyarakat perlu bersama-sama menjadi ejen bagi membanteras berita palsu berkaitan wabak COVID-19. Tanamkan disiplin dalam diri untuk menyelidik terlebih dahulu setiap berita yang diperolehi di media sosial. Lazimilah solat hajat dan doa munajat kepada Allah SWT dengan doa yang *ma'thur* sebagaimana yang telah dibacakan oleh Rasulullah SAW.

Saya berdoa kepada Allah SWT agar kabus wabak ini akan berlalu pergi dan digantikan dengan sinar kesihatan yang terbaik untuk seluruh masyarakat di Malaysia dan juga di tempat lain agar wabak tidak lagi merebak. Amin. Akhir kalam, kami titipkan doa seperti berikut:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ، اللَّهُمَّ إِنِّي
 أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ ، فِي دِينِي ، وَدُنْيَايَ ، وَأَهْلِي ، وَمَالِي
 ، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي ، وَأَمِنْ رَوْعَاتِي ، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ
 بَيْنَ يَدَيْ ، وَمِنْ خَلْفِي ، وَعَنْ يَمِينِي ، وَعَنْ شِمَالِي ، وَمِنْ
 فَوْقِي ، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pada-Mu keampunan dan keselamatan (‘afiah) di dunia dan akhirat. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pada-Mu keampunan dan keselamatan (‘afiah) dalam agamaku, dunia, keluarga dan hartaku. Ya Allah, tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di hatiku. Ya Allah, jagalah aku; dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atasku, serta aku memohon perlindungan dengan keagungan-Mu agar tidak disambar dari bawahku.”

Riwayat Abu Daud (5074)

SARANAN DAN CADANGAN

Kami nyatakan juga di sini beberapa saranan dan cadangan dalam menghadapi wabak ini. Mudah-mudahan ia dapat memberi satu panduan dan juga rujukan kepada orang ramai bagi mengambil langkah pencegahan dalam usaha menghindari jangkitan. Kami kemukakan pendapat kami seperti berikut:

- **Kewajiban pesakit untuk menerima rawatan seperti yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sama ada mereka yang dirawat di wad-wad atau dikuarantin di rumah.**
- **Mereka yang positif hendaklah tidak bergaul dan menghadiri sebarang majlis atau tempat perhimpunan agar jangkitan dan wabak tersebut tidak merebak kepada orang lain.**
- **Wajib menahan diri daripada melancong ke tempat yang mempunyai wabak COVID-19 ini seperti di Wuhan, China dan tempat-tempat lain yang telah ditetapkan oleh WHO atau Kementerian Kesihatan Malaysia.**

- Peraturan dan saranan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah dipatuhi.



<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>

Pandangan ini adalah berdasarkan beberapa dalil dan hujah. Antaranya:

Firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: *“Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan...”*

Surah al-Baqarah (195)

Imam Al-Baghawi menjelaskan bahawa setiap perkara yang membawa kepada kebinasaan dalam agama mahupun dunia, maka ia termasuk dalam makna ayat ini. (Lihat **Ma'alim al-Tanzil**, 1/367)

Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ

Maksudnya: "...Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri..."

Surah al-Nisa' (29)

Menurut al-Jassas, ayat ini mengandungi larangan daripada melakukan pembunuhan sama ada terhadap orang lain atau terhadap diri sendiri. (Lihat **Ahkam al-Quran**, 3/127).

Syeikh al-Maraghi berkata: Janganlah seseorang membunuh temannya. Gaya bahasa ini menanamkan kesan yang kuat bagi melarang perbuatan tersebut, selain menyedarkan betapa perlunya saling menolong, saling menanggung beban dan bersatu hati. Dalam sebuah hadith dinyatakan: "*Kaum muslimin laksana satu tubuh.*" Seorang yang membunuh orang lain akan dikenakan qisas atau hukum balas dan tindakan dirinya itu seolah-olah membunuh dirinya sendiri.

Oleh itu, al-Quran mengajarkan kepada kita bahawa tindakan jahat kepada orang lain sama dengan berbuat jahat kepada diri sendiri dan kepada sesama manusia, dan bukan hanya terhadap

saudara seagama atau sebangsa, atau sehaluan fahaman politik.
 (Lihat **Tafsir al-Maraghi**, 3/1170)


- Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman :

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدَّعَوْا بِهِ وَلَوْ رَدُّوهُ
 إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ
 مِنْهُمْ

Maksudnya: “Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus mengbebabbkannya; padahal kalau mereka kembalikan sabaja bal itu kepada Rasulullah dan kepada - “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah bal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka...”

Surah al-Nisa' (83)

Ayat ini menceritakan berkenaan bantahan dan penolakan terhadap orang yang tergesa-gesa dalam pelbagai perkara yang didengari sebelum memastikan kebenarannya, lalu dia menyampaikan berita, menyiarkannya dan menyebarkan kepada orang ramai sedangkan berkemungkinan perkara itu tidak benar. (Lihat **Tafsir al-Quran al-Azim**, 5/360)



- Di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahwa Nabi SAW bersabda:

وَفَرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفَرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: *“Larilah daripada penyakit berjangkit seperti mana kamu lari daripada singa.”*

Riwayat al-Bukhari (5707)

Al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitabnya, **Fath al-Bari** (10/159) berkata: ‘Iyadh menyebut bahawa telah khilaf pelbagai *athar* berkenaan pesakit kusta. Apa yang datang daripada Jabir R.A bahawa Nabi SAW pernah makan bersama pesakit kusta dan baginda menyebut: “نِعْمَةٌ بِاللَّهِ وَتَوَكُّلاً عَلَيْهِ” (Bergantung harap kepada Allah dan tawakkal kepada-Nya). Katanya (Iyadh) lagi: Saidina Umar dan sebahagian ulama salaf berpendapat bahawa hadith makan bersama itu dengan melihat bahawa perintah tersebut agar dijauhinya (pesakit kusta) telah dimansuhkan. Mereka yang berpendapat sedemikian termasuklah ‘Isa bin Dinar daripada kalangan ulama’ Maliki. Katanya lagi: Yang sahah dan dipegang oleh kebanyakan ulama serta diikuti bahawa tidak berlaku *nasakh* bahkan hendaklah menghimpunkan dua hadith dengan cara hadith perintah menjauhkannya dan lari daripadanya dengan maksud sunat dan sebagai *ihtiyat* (berhati-hati). Sedangkan hadith Rasulullah SAW makan bersama pesakit kusta memberi maksud hukumnya adalah harus.


- Begitu juga ijma' daripada para ulama yang sepakat akan kaedah :

الضَّرَرُ يُزَالُ

Maksudnya: *"Kemudaratan perlu dibilangkan."*

Termasuk juga di dalam kaedah ini iaitu menjauhkan diri dari tempat-tempat yang dijangkiti virus sebagai langkah menjaga nyawa.

Begitu juga qiyas kepada larangan Nabi SAW daripada menghadiri solat jemaah bagi orang yang memakan bawang putih dan bawang merah kerana boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada para jemaah. Kalau makanan yang berbau pun Nabi SAW larang untuk hadir menyertai solat berjemaah apatah lagi mereka yang dijangkiti virus ataupun yang disyaki menghidapi virus tersebut.



SARANAN DAN CADANGAN

Pertama: KEPADA PIHAK BERKUASA

Antaranya:

- **Laksanakan saringan awal di pintu-pintu masuk sempadan sama ada di lapangan terbang,**

pelabuhan dan lain-lain dengan menyediakan pegawai perubatan untuk mengesan simptom-simptom. Sediakan kaunter khas bagi setiap negara yang berisiko tinggi. Alhamdulillah, langkah seperti ini telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

- **Membuat sekatan masuk sementara semua pelawat dari negara yang berpotensi besar dan mempunyai rekod.**
- **Memperbanyak produk *hand sanitiser* dan penutup hidung dan mulut di seluruh farmasi. Mengedarkan secara percuma barangan berikut atau dengan harga yang amat murah dan berpatutan.**
- **Bekerjasama dengan hospital swasta meningkatkan lagi tenaga kerja dalam memantau dan menangani isu COVID-19.**
- **Beri bantuan kepada Kementerian Kesihatan terutamanya peralatan seperti *ventilator*, pakaian untuk petugas, serta tambahan kakitangan dalam menghadapi wabak seperti ini.**



Kedua : KEPADA ORANG RAMAI

Antaranya:

- **Mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.**

- **Mana-mana individu yang baru pulang dari negara yang diisytiharkan COVID-19 perlu mengambil inisiatif sendiri dengan melakukan *self-quarantine* dalam tempoh 14 hari.**

- **Mereka yang baru pulang dari luar negara (tempat yang diisytiharkan kawasan COVID-19) dan sekiranya bergejala dalam tempoh 14 hari, hendaklah mendapatkan rawatan dengan segera. Hendaklah memaklumkan sejarah perjalanan tersebut kepada pengamal perubatan.**

- **Kurangkan aktiviti luar dan elakkan diri dari tempat-tempat perkumpulan orang ramai seperti pasar, pasaraya dan lain-lain.**

- **Menjaga kebersihan diri, pakaian, tempat dan sebagainya.**

- **Barangan dari negara yang direkodkan, sebagai langkah pencegahan, menggunakan tisu yang dibasahkan dengan losyen, *hand sanitiser* atau sabun dan lap barangan yang baru diterima.**

- **Kerap kali membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer* sebelum menyentuh anggota badan yang sensitif seperti mata dan mulut.**

- **Elak dari makan sebarang produk haiwan yang mentah atau tidak dimasak dengan sempurna.**

- **Sentiasa membawa bersama penutup hidung dan mulut serta bahan pencuci tangan iaitu *hand sanitizer*.**

- **Menutup mulut dan hidung apabila batuk dan bersin menggunakan tisu. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.**

- **Memakai penutup mulut dan hidung apabila terpaksa berhubung atau berurusan dengan orang lain.**

- **Meletakkan tangan ke dada sebagai ganti kepada bersalaman untuk mengelakkan risiko jangkitan yang tidak diduga.**



- **Sentiasa tenang dalam menghadapi situasi dan mengikut arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa.**

- **Jangan menyebarkan sebarang berita palsu agar tidak menimbulkan ketidaksenangan dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.**

- **Jangan mengeluarkan sebarang *ijtihad* atau pendapat sendiri berkenaan dengan hukum-hakam agama melainkan apa yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti.**

KESIMPULAN

Kami kemukakan sepotong doa berkenaan dengan harapan dan munajat kita kepada Allah SWT agar dihindarkan daripada wabak COVID-19 serta penyakit yang kronik dan berjangkit. Antaranya:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ
سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya: “Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.”

Riwayat Abu Daud (1554), Ahmad (13027),
al-Nasa'ie (5493) dan Abu Ya'la (2897)

Kami mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan jutaan terima kasih “جزاكم الله خير الجزاء” kepada Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam merawat dan membantu pesakit COVID-19. Antaranya pegawai perubatan, pakar-pakar perubatan, jururawat, *attendant*, pemandu ambulans dan lain-lain lagi yang bertungkus-lumus berhadapan dengan pesakit. Mereka adalah pejuang yang tidak didendang. Terima kasih.

Kami mengharapkan agar orang ramai dapat bersama-sama mengambil langkah proaktif dalam menangani isu wabak COVID-19 ini. Antara cara yang paling mudah adalah dengan kerap kali membasuh tangan serta membersihkan tubuh badan. Semoga titipan ini memberi suntikan semangat kepada kita untuk sama-sama mengikut garis panduan yang telah dikemukakan. Amin.



FIQH COVID-19

Isu Solat Jumaat dan Solat Jemaah

S: Apakah hukum solat Jumaat dalam suasana wabak COVID-19?

J: Pertama sekali, untuk melaksanakan solat Jumaat, ia perlulah dilihat kepada tempat – yakni dalam bentuk kawasan yang besar – sama ada sesuatu kawasan atau negara itu selamat daripada wabak COVID-19 ataupun tidak. Pada masa kini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah pun mengisytiharkan bahawa penyebaran wabak COVID-19 di seluruh dunia telah mencapai paras pandemik.⁷

Dalam keadaan pesakit baru yang semakin bertambah dan angka kematian yang semakin meningkat, begitu juga keadaan seseorang jemaah yang tidak dapat dipastikan sama ada dijangkiti ataupun tidak, maka dalam keadaan ini kita hendaklah mematuhi arahan pihak berwajib. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa, penularan wabak COVID-19 ini ternyata mencetuskan satu ketakutan dan kebimbangan yang tinggi. Justeru, satu perbincangan telah diadakan menerusi Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 15 Mac 2020 dan kesemua telah bersetuju dengan penangguhan aktiviti masjid dan

7. Lihat: <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik>

surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah, berdasarkan pertimbangan terhadap mudarat yang amat besar.

Pada 25 Mac 2020, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa sehingga 14 April 2020. Ini berdasarkan perkembangan semasa peningkatan kes-kes positif COVID-19. Justeru, penangguhan aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah turut dilanjutkan sehingga berakhirnya tempoh PKP.⁸

Dalam keadaan seperti ini, ia diputuskan atas dasar keber-tanggungjawaban pemerintah berdasarkan kaedah:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya: “*Polisi pemerintah itu bendaklah berasaskan maslahat terhadap rakyat.*”. (Lihat *al-Asybah wa al-Nazair*, hlm. 121)

Para ulama’ menetapkan bahawa segala tindakan yang ditetapkan pihak pemerintah wajib didasari dengan maslahat dan kebaikan untuk masyarakat umum seluruhnya iaitu rakyat yang berada di bawah tadbir urusnya. Sekiranya tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan dan objektif yang asal, maka tindakan tersebut dianggap tidak sah dan tidak terpakai dari sudut syarak. (Lihat ***Mausu’ah al-Qawa’id al-Fiqhiyyah***, 2/308)

8. Lihat: Kenyataan Media pada 25 Mac 2020. <https://www.facebook.com/drzulkifialbakri/photos/a.654471384616667/3197121547018292/?type=3&theater>

Justeru, dalam isu ini, jika dilihat dari segi maqasid syariah, *hifz al-din* (memelihara agama) sememangnya *aula* (diutamakan). Namun, pada saat yang sama, kita juga perlu melihat kepada *hifz al-nafs* (memelihara nyawa). Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah R.A, Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَكَلَ ثُومًا أَوْ بَصَلًا ، فَلْيَعْتَزِلْنَا ، أَوْ قَالَ : فَلْيَعْتَزِلْ
 مَسْجِدَنَا ، وَلْيَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang makan bawang putih atau merah (yang tidak dimasak dan kuat baunya) maka jauhilah kami – atau disebut: Jauhilah masjid-masjid kami dan duduklah di rumahnya sabaja.”

Riwayat al-Bukhari (808) dan Muslim (564)

Ibn Rajab menjelaskan: “Jika seseorang memakan bawang, maka dia dimakruhkan memasuki masjid. Adapun yang zahir dari kenyataan Imam Ahmad, bahawa orang yang demikian adalah haram (hadir ke masjid). Beliau menyebut bahawa jika seseorang makan bawang, kemudian sengaja hadir di masjid, maka dia berdosa.” (Lihat **Fath al-Bari oleh Ibn Rajab**, 5/288)

Dalam hal ini, adakah dengan sebab makan bawang itu, akan boleh menyebabkan kematian pada orang lain? Jawapannya tidak. Ianya hanya bau mulut. Jika Nabi SAW bercakap seperti itu, ia adalah dalam masalah *tahsiniyyat*. Ini termasuklah seperti menggunakan berus gigi dan ubat gigi, berkumur, menggunakan *listerine* dan seumpamanya. Maka dalam masalah *tahsiniyyat*

pun jika hendak pergi solat berjemaah, Nabi SAW tidak benarkan, dan diminta supaya dibersihkan terlebih dahulu. Maka, jika datang dalam bentuk *hajjiyyat* (keperluan), sudah tentu perkara ini patut lebih *aula* (diutamakan) lagi.

Pada masa sekarang, boleh dikatakan dari segi kesihatannya, ia termasuk dalam tahap *daruriyyat*. Ini kerana kesan apabila bercampur gaul dan berada berdekatan dengan suspek positif COVID-19, maka ia akan membawa kepada keadaan yang cukup parah. Justeru, pada ketika itu, kita katakan bahawa kaedah “ لاَ ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ ” (*tidak boleh memberi mudarat dan tidak boleh membalas mudarat dengan kemudaratan*) adalah terpakai.

Oleh itu, atas asas inilah, arahan yang dikemukakan oleh pihak yang berwajib dan disokong oleh pendapat agamawan khususnya dari badan-badan berautoriti, dan juga kebijaksanaan pemerintah negeri-negeri di Malaysia, jelas menunjukkan kepada kita bahawa langkah yang dikemukakan itu adalah tepat. Isu ini telah pun membabitkan hampir seluruh dunia termasuk negara-negara Islam yang lain seperti negara-negara Arab yang terkenal kuatnya pegangan Islam. Mereka turut menyatakan hakikat yang sama, termasuklah negara jiran kita, Indonesia melalui badan Nahdatul Ulama mereka.


Dalam isu solat Jumaat ini, kami nyatakan juga di sini pandangan daripada beberapa Badan Fatwa Berautoriti di peringkat antarabangsa, antaranya:

- **Majlis Fatwa Syar'i UAE:** Haram hukumnya bagi sesiapa yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti virus tersebut untuk berada di tempat yang umum atau pergi ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat, berjemaah mahupun solat hari raya. Wajib juga untuk mengambil segala langkah pencegahan.
- **Hai'ah Kibar Ulama' Al-Azhar Al-Syarif:** Harus di sisi syarak untuk menghentikan solat Jumaat dan solat berjemaah di semua kawasan berikutan penularan wabak COVID-19. Harus juga di sisi syarak bagi negara (*daulah*) untuk menghentikan dalam tempoh sementara bagi solat Jumaat dan solat berjemaah kerana ia akan membawa kepada menular dan tersebarnya virus yang berbahaya ini.⁹
- **Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait:** Solat dan khutbah Jumaat hendaklah ditangguhkan disebabkan oleh wabak COVID-19 yang melanda negara. Hal ini melihat kepada bahawa perhimpunan beramai-ramai akan membawa risiko jangkitan kepada lebih ramai orang. Ia sebagai satu langkah proaktif, berjaga-jaga dan inisiatif daripada pihak pemerintah bagi menghalang wabak itu daripada terus merebak di dalam negara. Justeru, gugurlah kewajipan solat Jumaat di negara ini, begitu juga dengan solat berjemaah, serta hendaklah

9. Lihat: <https://bit.ly/2QjKWOC>

diganti dengan solat Zohor. Disamping itu, orang ramai dihalang daripada memasuki masjid untuk melindungi diri mereka daripada dijangkiti wabak.¹⁰

Syeikh Ali al-Qaradaghi, Setiausaha Kesatuan Ulama Islam Sedunia turut mengeluarkan kenyataan yang antaranya menyebut bahawa harus untuk meninggalkan solat Jumaat dan solat berjemaah dalam keadaan virus yang sedang tersebar disebabkan oleh takut dijangkiti virus tersebut. Beliau menyebut keharusan tersebut perlulah dengan syarat bahawa ketakutan penyebaran itu benar-benar yakin berlaku dan bukanlah pada sangkaan semata mata.



Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW :

مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يُجِبْهُ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ قَالُوا يَا
 رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْعُذْرُ قَالَ خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Maksudnya: “Barangsiapa yang mendengar azan tetapi dia tidak menjawabnya (yakni datang menunaikannya) maka tidak ada solat baginya melainkan kerana keuzuran. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah keuzuran itu? Baginda menjawab: ketakutan dan kesakitan.”

Riwayat Abu Daud (551) dan Ibn Majah (793)

Dan ketakutan itu ada tiga jenis. Iaitu takut ke atas diri sendiri, takut ke atas harta benda, dan juga takut ke atas ahli keluarga. Justeru, berdasarkan apa yang telah disebutkan, maka dibolehkan untuk meninggalkan solat Jumaat dan juga solat berjemaah ketika tersebarnya wabak (seperti COVID-19) kerana ia merupakan suatu yang mendatangkan ketakutan.

Akan tetapi ia dengan syarat ketakutan itu hendaklah suatu yang telah ditahqiqkan yakni dipastikan bukan semata-mata berdasarkan *waham* (sangkaan). Ini kerana meninggalkan yang wajib tidak dibenarkan kecuali setelah *ghalabah zhan* (sangkaan yang kuat), ataupun disebabkan arahan daripada *ulil amri* (pemerintah) dan juga ahli *ikhtisas* (golongan yang pakar).¹¹

Syeikh Muhammad al-Zuhaili turut menyebut, “Dan setiap keuzuran yang sama tahap kesusahannya dengan kesusahan akibat sakit, dianggap juga sebagai uzur yang dikiaskan dengan sakit yang dinaskan ke atasnya. Justeru, tidak wajib Jumaat ke atas orang yang berasa takut ke atas dirinya atau hartanya.” (Lihat ***al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syafie***, 1/497)

Justeru, berdasarkan kepada nas dan pandangan ulama’, kami nyatakan bahawa dalam situasi semasa iaitu dengan berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan wabak Covid-19, maka solat Jumaat hendaklah ditiadakan, sebaliknya wajib diganti dengan solat Zohor di rumah masing-masing.

11. Lihat laman web Al-Ittihad al-’Alami Li ‘Ulama al-Muslimin, “فتوى مفصلة حول الأحكام المتعلقة بانتشار المرض ” الوبائي فايروس كورونا المستجد (كوفيد19-) [http://iumsonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=11019]

S: Apakah hukum mengikut arahan pemerintah untuk tidak melaksanakan solat Jumaat?

J: Ketika dalam keadaan menularnya wabak COVID-19 seperti ini, mentaati arahan pemerintah adalah suatu perkara yang penting. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
 الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: “Wabai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”

Surah al-Nisa' (59)

Syeikh al-Maraghi menyebut, *ulil amri* (pemerintah) berkuasa di atas urusan kemaslahatan yang tidak terdapat nas di dalam agama. Mentaati mereka ini (*ulil amri*) hukumnya adalah wajib. (Lihat **Tafsir al-Maraghi**, 3/1242)

Dalam isu ini, keputusan yang dibuat adalah berdasarkan maslahat yang telah dilihat jauh ke hadapan. Hal ini kerana pemerintah berhak mengadakan apa-apa polisi dan peraturan bagi menjaga kemaslahatan rakyat. Kaedah Fiqh menyebut:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالمَصْلَحَةِ

Maksudnya: "Polisi pemerintah itu bendaklah berasaskan maslahat terhadap rakyat. (Lihat *al-Asybab wa al-Nazair li al-Suyuti*, hlm. 121)

Di sini jelas bahawa larangan terhadap sebarang aktiviti mass gathering (perhimpunan ramai), termasuklah solat Jumaat sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan adalah demi kemaslahatan rakyat iaitu mengekang atau membendung penularan wabak Covid-19. Perkara ini juga bertepatan dengan kaedah yang menyebut:

دَرْءُ المَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ المَصَالِحِ

Maksudnya: "Menolak mafsadah (keburukan) adalah lebih utama berbanding mendatangkan kebaikan." (Lihat *al-Asybab wa al-Nazair li al-Suyuti*, hlm. 87)



Justeru, dalam keadaan seperti ini, hendaklah kita mematuhi arahan yang dikeluarkan tersebut. Mentaati pemerintah dalam perkara ini adalah wajib dan sesiapa yang mengingkarinya adalah berdosa kerana perbuatannya itu bukan sahaja mendedahkan dirinya kepada kemudaratan tetapi turut melibatkan orang lain.

S: Apakah hukum melakukan solat Jumaat di rumah?

J: Pendapat yang dikeluarkan oleh pemerintah dan badan berautoriti, semua umat Islam hendaklah melaksanakan sembahyang Zohor di rumah. Dalam suasana kita yang bermazhab Syafie, maka hendaklah kita turut meraikan pendapat ini. Jika melihat kepada syarat-syaratnya, ia hendaklah dilakukan di masjid atau suatu tempat yang telah ditetapkan oleh pemerintah, dengan jumlah yang tertentu seperti 40 orang mengikut qaul yang muktamad serta syarat-syarat yang lain.

Hal ini sepertimana dinyatakan oleh ulama' mazhab Syafie di mana mereka meletakkan syarat bilangan minima jemaah solat Jumaat ialah seramai 40 orang atau lebih. Ini juga adalah merupakan pendapat 'Ubaidullah bin Abdullah bin 'Utbah, dan salah satu riwayat Umar bin Abdul Aziz. (Lihat ***al-Majmu' Syarh al-Muhazzab***, 4/503; ***al-Umm***, 1/219; dan ***al-Raudh al-Murbi'***, hlm. 151)

Empat puluh orang lelaki tersebut mestilah memenuhi syarat wajib Jumaat (أهل الجمعة) iaitu lelaki, baligh dan bermastautin. (Lihat ***al-Fiqh al-Manhaji***, 1/202) Juga bilangan 40 orang itu hendaklah

berkekalan dari awal hingga akhir Jumaat. (Lihat **Matla' al-Badrain**, disusun oleh PMWP, 1/160-163). Antara hujah mereka ialah riwayat daripada 'Abd al-Rahman bin Ka'ab bin Malik yang menyebutkan bahawa jumlah jemaah solat Jumaat yang pertama di Madinah ialah 40 orang lelaki. Riwayat al-Daraqutni (1585)

Meskipun seseorang itu ingin menunaikan solat Jumaat di rumahnya dengan mengambil pendapat ulama mazhab Hanafi pada soal bilangan minima jemaah solat, harus diingat ulama mazhab Hanafi juga telah meletakkan syarat sah solat Jumaat ialah mendapat keizinan pemerintah. Juga mendapat keizinan am untuk melaksanakan solat Jumaat. (Lihat **Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Mu'asirah**, 2/250)

Justeru, saya syorkan agar lakukanlah solat Zohor di rumah supaya tidak menimbulkan khilaf dan kekeliruan. Itulah jalan yang terbaik.

S: Bagaimanakah kedudukan solat Zohor di awal waktu pada hari Jumaat? Benarkah ia tidak sah?

J: Secara umumnya, memang terdapat tegahan daripada menunaikan solat Zohor sebagai ganti solat Jumaat di awal waktu. Di dalam kitab *al-Taqrirat al-Sadidah*, dinyatakan: "Tidak sah bagi orang yang tidak diberikan keuzuran untuk bertakbiratulihram bagi solat Zuhur sebelum imam solat Jumaat memberi salam." (Lihat **al-Taqrirat al-Sadidah**, hlm. 325)

Namun, dalam isu tiada solat Jumaat semasa Perintah Kawalan Pergerakan ini, tegahan tersebut adalah tidak terpakai. Ini disebabkan *'illah* atau sebab tegahan daripada solat Zohor tersebut hanya berlaku kepada mereka yang tiada sebarang keuzuran bagi menghadiri Jumaat. Sebaliknya, jika wujudnya keuzuran seperti bimbang wujudnya ancaman, takut pada bahaya mendatang dan sakit, maka larangan tersebut tidak terpakai.

Syeikh Muhammad al-Zuhaili dalam kitabnya, ***al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie*** (1/497) menjelaskan bahawa setiap keuzuran yang sama tahap kesusahan sepertimana kesukaran orang yang sakit, maka itulah keuzuran secara qiyas terhadap keadaan sakit yang dinaskan ke atasnya. Oleh itu, tidak wajib Jumaat bagi orang yang takut bahaya terhadap dirinya atau hartanya sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَمِعَ النَّدَاءَ فَلَمْ يُجِبْهُ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ قَالُوا
 يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْعُذْرُ قَالَ خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang mendengar azan tetapi dia tidak menjawabnya (yakni datang menunaikannya) maka tidak ada solat baginya melainkan kerana keuzuran. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah keuzuran itu? Baginda menjawab: ketakutan dan sakit.”*

Riwayat Abu Daud (551) dan Ibn Majah (793)

Termasuk dalam bentuk kezuran adalah sepertimana yang berlaku waktu ini iaitu penularan wabak COVID-19 yang boleh membawa maut. Maka ia dikira sebagai satu kezuran kerana wujudnya bahaya yang boleh mengancam nyawa.

Justeru, dalam isu di atas, mereka yang berada di rumah dan tidak melaksanakan solat Jumaat disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan serta penangguhan solat Jumaat di masjid dan surau, maka hukum menunaikan solat Zohor pada awal waktu sebagai ganti solat Jumaat tersebut adalah sah. Mereka tidak tertakluk kepada hukum makruh atau haram kerana termasuk dalam golongan yang mendapat uzur untuk tidak pergi melaksanakan solat Jumaat di samping tiada solat Jumaat dilaksanakan di tempat tersebut.

S: Apakah hukum meninggalkan solat Jumaat tiga kali berturut-turut dalam suasana wabak COVID-19?

J: Jika diteliti di dalam hadith, sememangnya terdapat ancaman bagi mereka yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut. Dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمُعٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan tiga kali solat Jumaat kerana mengambil mudah akannya, nescaya Allah akan mengunci jantung hatinya.”

Riwayat Abu Daud (1052)

Manakala dalam sebuah riwayat yang lain daripada Jabir bin Abdullah R.A beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثًا مِنْ غَيْرِ ضُرُورَةٍ طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa sebarang darurat maka Allah akan mengunci mati jantung hatinya.”

Riwayat al-Nasa’ie (1370)

Mulla ‘Ali al-Qari dalam menjelaskan hadith ini menukilkan satu pendapat ulama’ yang menyatakan bahawa mereka meninggalkannya kerana mengambil mudah. Manakala al-‘Aini pula menyebut: “Perkataan ”تَهَاؤُنًا هَا” bermaksud meninggalkannya disebabkan sikap malas dan culas dalam melaksanakannya.” (Lihat **Mirqat al-Mafatih**, 3/1024)

Justeru, hadith dalam riwayat-riwayat ini jelas menunjukkan ancaman yang dinyatakan adalah terhadap mereka yang meninggalkan solat Jumaat disebabkan meremehkannya, mengambil mudah pelaksanaannya serta dalam keadaan tidak wujud sebarang darurat.

Oleh itu, maksud hadith di atas adalah mereka yang meninggalkan tanpa adanya darurat dan tanpa keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Adapun jika ada keuzuran dan juga darurat, yang menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan solat Jumaat, maka mereka tidak termasuk dalam ancaman seperti yang dinyatakan di dalam hadith.

Dalam hadith lain menyebut bahawa mereka akan diganjaran dengan ganjaran pahala yang sama. Nabi SAW bersabda:

إِذَا مَرَضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ مَا كَانَ يَعْمَلُ
مُقِيمًا صَحِيحًا

Maksudnya: “Apabila seseorang hamba itu sakit atau bermusafir, akan ditulis buat dirinya ganjaran sama seperti yang diamalkannya semasa bermukim atau sibat.”

Riwayat al-Bukhari (2996)

Oleh itu, berdasarkan nas dan kenyataan di atas, jika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan ini akan dilanjutkan sehingga menyebabkan seseorang terpaksa meninggalkan Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut, maka mereka tidaklah termasuk dalam ancaman hadith sepertimana keterangan yang telah disebutkan.



S: Masih terdapat segelintir pihak yang berkeras mahu menunaikan solat Jumaat dalam suasana wabak COVID-19 sedang menular ini. Alasan mereka kerana terdapat hadith yang menyebut bahawa sesiapa yang tidak menunaikan solat Jumaat sebanyak tiga kali, maka ia termasuk dalam golongan munafik. Mohon penjelasan.

J: Kami ingin tegaskan, bahawa apa yang didakwa ini adalah suatu kesalahfahaman yang jelas. Benar terdapat hadith sedemikian tetapi ia perlu dibaca secara menyeluruh. Antaranya apa yang diriwayatkan oleh Abu al-Ja'di al-Dhamriy R.A bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثًا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ وَجَعَلَ قَلْبَهُ
 فَهُوَ قَلْبُ الْمُنَافِقِ

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan Jumaat tiga kali nescaya Allah akan mengecap hatinya, dan (Allah) menjadikan hatinya itu seperti hati orang munafik.”

Riwayat al-Tirmizi (500), al-Nasa'ie (8813)
 dan Ibn Khuzaimah (1858)

Namun demikian, dalam lafaz yang lain ada menjelaskan sebab ia dicop sebagai munafik seperti sabda Rasulullah SAW:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang meninggalkan solat Jumaat tiga kali kerana *meringan-ringankannya*, Allah akan mengunci hatinya.”

Riwayat al-Tirmizi (500)

Perkataan “ تَهَاوُنًا ” (kerana **meringan-ringankannya**) jelas menunjukkan sifat kemalasan dan tidak menghadiri Jumaat tanpa uzur dan sebarang sebab. Syeikh Mulla ‘Ali al-Qari menjelaskan bahawa ia bermaksud meninggalkannya kerana mengambil mudah. Manakala al-‘Aini pula menyebut: Erti perkataan “ تَهَاوُنًا ” adalah meninggalkannya disebabkan sikap malas dan culas dalam melaksanakannya. (Lihat **Mirqat al-Mafatih**, 3/1024)

Manakala dalam riwayat Jabir bin Abdullah R.A, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَرَكَ الْجُمُعَةَ ثَلَاثًا مِنْ غَيْرِ ضُرُورَةٍ طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa sebarang darurat maka Allah akan mengunci mati jantung hatinya.

Riwayat al-Nasa’ie (1370)

Maksud hadith ini adalah meninggalkan dengan sengaja tanpa darurat atau sebarang uzur Syar'ie. Sedangkan isu yang melanda ini juga termasuk dalam bab keuzuran. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَمِعَ النَّدَاءَ فَلَمْ يُجِبْهُ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ ، قَالُوا
 يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْعُذْرُ ؟ قَالَ : خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang mendengar azan tetapi dia tidak menjawabnya (yakni datang menunaikannya) maka tidak ada solat baginya melainkan kerana uzur. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah keuzuran itu? Baginda menjawab: ketakutan dan sakit.”*

Riwayat Abu Daud (551)
 dan Ibn Majah (793)

Perkataan ‘*al-maradh*’ adalah penyakit bagi individu dan untuk masalah perseorangan. Akan tetapi dalam isu COVID-19 ini, ia adalah satu wabak penyakit berjangkit. Justeru, ia lebih bersifat *masalah ‘ammah* (kemaslahatan umum) yang kita disuruh untuk kuarantin dan duduk di rumah (*stay at home*), maka ia perlu lebih lagi diutamakan.

Perkara ini juga sudah dibincangkan bersama pihak-pihak seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga pakar-pakar berkenaan isu ini. Ini selaras dengan satu kaedah yang menyebut:

الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرْعٌ عَنْ تَصَوُّرِهِ

Maksudnya: “Membukuk suatu perkara adalah cabang daripada gambaran mengenainya.” (Lihat *Mausu’ab al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*, 4/411).

Begitu juga Nas Ilahi turut menyebut:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetabui.”

Surah al-Nahl (43)

Ahl al-Zikr dalam isu ini adalah pakar perubatan dan kesihatan termasuk yang berkaitan isu ini seperti pakar kawalan penyakit berjangkit.

Maka, kami katakan golongan yang dicap sebagai munafik itu adalah mereka yang meninggalkan tiga kali Jumaat dengan **sengaja tanpa sebarang keuzuran**. Sedangkan situasi yang berlaku sekarang adalah umat Islam sedang berada dalam keadaan darurat kesihatan disebabkan penularan wabak penyakit berjangkit Covid-19.

Justeru, kami dengan rendah diri merayu agar seluruh umat Islam di negara ini kekal meletakkan kepatuhan yang tinggi terhadap arahan kerajaan dan fatwa pihak berkuasa agama. Sesungguhnya kita semua mahu segera keluar daripada kemelut pandemik ini, namun ia memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak terutama diri kita sendiri.



“ **Justeru, kami dengan rendah diri merayu agar seluruh umat Islam di negara ini kekal meletakkan kepatuhan yang tinggi terhadap arahan kerajaan dan fatwa pihak berkuasa agama.**

S: Apakah hukum solat berjemaah dengan dijarakkan satu meter antara satu jemaah dengan jemaah yang lain?

J: Isu solat secara berjemaah ini sepertimana yang kita tahu, ia tidak dibenarkan untuk diadakan di masjid, surau atau di tempat awam bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Sebaliknya kita diarahkan untuk solat di tempat tinggal masing-masing. Ini jelas dari segi perundangan apabila kerajaan telah memutuskannya supaya tidak dilaksanakan. Begitu juga sepertimana keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 15 Mac 2020.

Berkenaan dengan saf pula, sekiranya diteliti, nas hadith telah menyebut dengan dua sebutan. Pertama, kalimah yang digunakan adalah:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ

Maksudnya: *“Luruskanlah saf-saf kamu.”*

Riwayat al-Bukhari (723)
dan Muslim (433)

Maksudnya, hendaklah kamu menyamakan saf-saf kamu. Ini bermakna saf pertama hendaklah berada dalam keadaan sebaris. Begitu juga dengan saf kedua dan seterusnya.

Kedua, nas hadith menyebut dengan lafaz:

أَتَمُّوا صُفُوفَكُمْ

Maksudnya: *“Sempurnakanlah saf-saf kamu.”*

Riwayat Ahmad (14112) dan Ibn Hibban (545)

Maksudnya di sini, jika saf itu kurang atau lompong, maka hendaklah kita sempurnakannya dengan mengisi kelompangan tersebut.

Ini dalam keadaan yang biasa yakni tanpa sebarang keuzuran. Tetapi jika di luar kebiasaan disebabkan uzur atau wabak dan seumpamanya, maka kita mengambil nas Ilahi yang menyebut:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: *“Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu..”*

Surah al-Taghabun (16)

Syeikh Abd al-Rahman al-Sa'di menjelaskan: “Ayat ini menunjukkan bahawa semua kewajipan syarak yang tidak mampu ditanggung oleh hamba, maka akan gugur jika dia tidak mampu. Dia mampu untuk melaksanakan sebahagian daripada

kewajiban itu, tetapi tidak mampu pada sebahagian yang lain, maka dia melaksanakan pada apa yang dia mampu sahaja, dan gugur pada perkara yang dia tidak mampu, seperti mana sabda Nabi SAW: Jika kalian diperintahkan dengan suatu perintah maka laksanakanlah berdasarkan kemampuan kalian.” (Lihat **Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan**, 1/237)

Bayangkan, jika dalam isu memakan bawang hingga menyebabkan mulut berbau, maka Nabi SAW melarang daripada menghampiri masjid. Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَكَلَ ثَوْمًا أَوْ بَصَلًا ، فَلْيَعْتَزِلْنَا ، أَوْ قَالَ : فَلْيَعْتَزِلْ
 مَسْجِدَنَا ، وَلْيَتَعَدَّ فِي بَيْتِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang makan bawang putih atau merah (yang tidak dimasak dan kuat baunya) maka jauhilah kami – atau disebut – : Jauhilah masjid-masjid kami dan duduklah di rumahnya sahaja.”

Riwayat al-Bukhari (808) dan Muslim (564)

Imam al-Nawawi menjelaskan hadith di atas, katanya: “Larangan ini adalah larangan untuk menghadiri masjid, bukan larangan untuk makan bawang merah atau bawang putih atau sejenisnya.” (Lihat **al-Minhaj Syarh Sahih Muslim**, 4/48)



..... Credit: Harian Metro

Maksud dalam hadith ini, salah satu daripada maknanya adalah disebabkan bau mulut. Jika difikirkan, bau ini tidaklah sampai membawa kepada kematian.

Akan tetapi, dalam isu COVID-19 ini, lendir dari batuk atau apa yang keluar dari air liur menjadi sebahagian daripada asbab yang boleh menyebabkan jangkitan sehingga boleh membawa kepada kematian. Maka sewajarnya dijarakkan antara satu jemaah dengan jemaah yang lain sehingga satu meter.

Disebabkan itu juga, pemerintah telah mengeluarkan arahan supaya cara yang paling baik adalah kita solat di rumah bersama keluarga kita di mana kita sendiri tahu keadaan keluarga kita semuanya. Inilah semangat yang sebenar dalam isu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di mana kita menyebut supaya dilakukan sembahyang di rumah kediaman masing-masing.

S: Bagaimana ingin menjawab kepada sesetengah pihak yang tidak bersetuju dan merasa tidak selesa apabila solat jemaah tidak dapat dilakukan disebabkan penutupan masjid?

J: Isu penularan wabak COVID-19 pada masa kini bukan hanya bersifat di Malaysia sahaja, bahkan ia telah merebak ke hampir seluruh dunia dan angkanya telah melebihi 150 negara yang telah terbabit. Justeru, kami dapati sudah terlalu ramai para ulama' yang mengulasnya dari segi permasalahan hukum berkaitan COVID-19 ini. Antaranya Fadilatu al-Syeikh Dr Muhammad Shauqi 'Allam, Mufti Besar Mesir yang menyatakan bahawa sebarang tindakan atau langkah yang diambil oleh kerajaan, maka ia hendaklah dipatuhi. Ini kerana apabila *Walyyul Amr* mengeluarkan satu perintah, maka sudah tentu ia demi kemaslahatan untuk rakyat keseluruhannya. Kaedah fiqh yang masyhur menyebut:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya: "Polisi dan tindakan pemerintah terhadap rakyatnya mestilah tertakluk kepada maslahat. (Lihat *al-Asybah wa al-Nazair li al-Suyuti*, hlm. 121)

Justeru, apabila kita melihat kepada laporan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, begitu juga dari badan-badan berautoriti, salah satu daripada cara pencegahannya adalah dengan mengelakkan diri daripada sebarang aktiviti perhimpunan dan perkumpulan secara beramai-ramai. Oleh itu, pada 15 Mac 2020, isu berkenaan

“ **Melihat perkembangan semasa peningkatan kes-kes positif COVID-19, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 25 Mac 2020 telah mengumumkan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April 2020.**



Sumber gambar: https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2020/04/FW1040867_PTJ03_02042020_GLC_BN202004019082-lpr-1024x682.jpg

solat berjemaah di masjid termasuk isu solat Jumaat telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Hasilnya, kesemua ahli bersetuju dengan penangguhan aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah, berdasarkan pertimbangan terhadap mudarat yang amat besar.

Melihat perkembangan semasa peningkatan kes-kes positif COVID-19, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 25 Mac 2020 telah mengumumkan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April 2020. Berdasarkan hal ini, maka penangguhan aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah tersebut turut dilanjutkan sehingga berakhirnya tempoh PKP.

Justeru, bagi merealisasikan *ruh* semangat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini, kita hendaklah mematuhi juga bersandarkan kepada kaedah fiqh, kemudahan mesti dihilangkan (الصَّرْدُ يُرَأَى) iaitu dengan cara berada di rumah. Justeru, solatlah secara berjemaah di rumah bersama anak dan isteri mengikut kadar dan keadaan yang sebaiknya.



S: Adakah dibolehkan melaksanakan Qunut Nazilah dalam menghadapi wabak COVID-19?

J: Qunut Nazilah ini dilakukan apabila berlakunya bala atau ancaman. Nabi Muhammad SAW pernah melaksanakan Qunut Nazilah selama sebulan dalam peristiwa Ri'lin dan Zakwan sepertimana dalam hadith yang masyhur.

Para ulama' menyatakan bahawa Qunut Nazilah turut dibolehkan apabila berlakunya penyakit, wabak atau bencana ke atas umat Islam. Imam al-Nawawi berkata: "Disyariatkan qunut dalam kesemua solat fardhu disebabkan *nazilah* (kejadian tertentu yang berlaku) dan bukanlah (ia dibaca) secara mutlak (yakni tanpa sebarang sebab)." (Lihat ***Minhaj al-Talibin***, 1/222)

Manakala Imam Ibn Hajar al-Haitami dalam mensyarahkan kata-kata Imam al-Nawawi di atas berkata: "Sama ada *nazilah* (kejadian yang berlaku) itu bersifat umum atau pun perkara khusus yang melibatkan masyarakat umum yang mana kemudaratanya akan melibatkan umat Islam seperti wabak dan juga taun, demikian juga hujan lebat yang memudaratkan." (Lihat ***Tuhfah al-Muhtaj***, 2/68)

Oleh itu, dalam musibah yang begitu besar seumpama ini, maka sudah tentu membaca Qunut Nazilah tidaklah menjadi kesalahan, bahkan dibolehkan.

Namun, disebabkan kekangan di mana pelaksanaan solat mesti dilaksanakan di rumah masing-masing, maka lakukanlah Qunut Nazilah di rumah masing-masing.



Terdapat beberapa cara dalam melaksanakan Qunut Nazilah, antaranya:

- **Membaca Qunut Nazilah di waktu Subuh**
- **Membaca Qunut Nazilah di waktu Subuh dan Maghrib**
- **Membaca Qunut Nazilah di setiap waktu solat**

Saya berpendapat, bagi yang ingin membaca Qunut Nazilah pada waktu Subuh sahaja, maka ia sudah memadai. Namun, bagi yang ingin menambah dengan membaca pada waktu Maghrib juga adalah dibolehkan.

Isu Penutupan Masjid

S: Adakah amalan menutup masjid atau surau ini pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW atau sahabat?

J: Jika kita membaca sejarah Nabi SAW, kita dapati bahawa pernah berlaku dalam tahun ke-5 Hijrah, yakni ketika berlakunya peperangan Khandaq atau Ahzab. Nabi SAW dan para sahabat telah menggali satu parit yang panjang, kemudian di situlah, Nabi SAW menjaga perbatasan daripada dicerobohi dan diserang oleh golongan kafir Quraisy yang bergabung dengan pelbagai qabilah yang berjumlah lebih atau hampir 10,000 orang. Pakatan tersebut dibentuk dalam misi melakukan serangan terhadap Rasulullah SAW.

Ketika itu, Nabi SAW dan para sahabatnya terus mengawasi, bertahan dan berada di situ sehingga tidak dapat mengerjakan solat. Dengan sebab itu, Nabi SAW amat marah kepada mereka kerana menyebabkan solat tidak dapat dilakukan. Akhirnya selepas itu, Nabi SAW telah *mengqadha'* semua solat tersebut. Dari situ, ia menunjukkan bahawa di kota Madinah pada masa itu berada dalam keadaan yang lompong. Ramai sahabat terpaksa bersungguh-sungguh dalam menjaga dan mempertahankannya.

Selain itu, jika kita lihat dalam sejarah Islam, turut berlaku banyak peristiwa besar antaranya ketika jatuhnya kerajaan Islam Abbasiyyah di Baghdad disebabkan serangan tentera Mongol. Maka di situ juga kita melihat satu situasi yang cukup dahsyat. Pernah juga berlaku di Jami' Umawi, seorang tokoh yang luar

biasa iaitu al-Imam al-Auza'ie dan seorang yang bernama Ali bin Abdullah yang terkenal dengan kezalimannya. Beliau telah masuk ke kota dan memenggal leher-leher manusia sehingga menjadikan Masjid *Jami' Umawi* sebagai kandang unta, kuda dan seumpamanya sehingga menafikan penggunaan masjid. Dan jika kita membaca nas Ilahi, ada disebutkan:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ

Maksudnya: *“Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah..”*

Surah al-Baqarah (114)

Namun, ia berlaku dalam banyak isu serta dalam bentuk yang pelbagai, bukan dalam satu-satu isu sahaja. Akan tetapi, apa yang berlaku sekarang ini, ia adalah satu suasana yang bersifat global dan tidak pernah berlaku lagi dalam sejarah.

Apabila disebut sifatnya yang global, maka ia hampir menyeluruh dengan maksud wabak ini adalah cukup besar, yang berada di luar jangkaan para ulama'.

Pada awal kemunculannya dahulu, ramai yang menganggap bahawa ia satu perkara yang kecil sahaja. Ramai yang beranggapan bahawa ia hanya seperti virus yang biasa seperti virus Zika dan seumpamanya. Justeru, kita cuba untuk mengeluarkan hukum

berdasarkan *Fiqh al-Ma'al* iaitu kita cuba mengandaikan hukum pada masa akan datang. Tetapi ia tidak terjadi seperti itu. Virus SARS dan Ebola juga tidak mengakibatkan kematian seramai ini. Apa yang berlaku, angka tersebut terus meningkat setiap hari. Jika dilihat setakat hari ini 2 April 2020, kematian sudah mencecah 50 orang di Malaysia. Begitu juga berlaku peningkatan di negara-negara lain di seluruh dunia seperti Itali, Amerika Syarikat, Sepanyol, Iran dan sebagainya. Apa yang hendak dinyatakan adalah suasana sudah begitu berlainan. Jangkaan para ulama' yang menganggap virus ini pada asalnya tidak menjadi begitu besar, rupa-rupanya berlainan.

Fadilat al-Syeikh Dr. Muhammad Shauqi 'Allam, seorang tokoh ulama' besar yang menjadi Mufti Besar Mesir telah memberi pandangan yang cukup jelas dalam isu ini, iaitu berkenaan keharusan menutup masjid. Begitu juga pandangan dari al-Azhar. Malah Arab Saudi sendiri di Masjid al-Haram turut mengehadkan dengan jumlah yang sedikit untuk memasukinya. Begitu juga di Masjid al-Nabawi.

Fadilat al-Syeikh
 Dr Muhammad Shauqi 'Allam



Sejujurnya, apabila peristiwa ini berlaku, dan apabila Perintah Kawalan Pergerakan akan dilaksanakan, saya telah mengambil satu keputusan yang drastik dengan mengajak para *ashab al-samahah* mufti, wakil pengarah agama dan lain-lain untuk berbincang bagi mencari satu kata putus. Perkara ini telah dilakukan pada 15 Mac 2020. Dalam perbincangan tersebut, saya inginkan dua perkara diputuskan iaitu hukum solat Jumaat dalam suasana merebaknya wabak COVID-19 dan isu berkaitan cara pengurusan jenazah mangsa COVID-19. Akhirnya, kedua-duanya berjaya mendapat kata putus dan dipersetujui bersama.

Pada masa itu, kita menjangkakan kes ini akan selesai dalam masa beberapa hari atau sekali Jumaat sahaja. Namun apa yang berlaku, kita telah didedahkan dengan data-data yang cukup membimbangkan dan mencemaskan di mana realitinya sememangnya berlaku begitu. Oleh itu, berdasarkan kepada lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, maka sekali lagi kita mengambil keputusan untuk tidak diadakan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid. Sebaliknya hendaklah solat di tempat masing-masing dengan kadar dan skala yang kecil.

Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah bagi mengambil mudarat yang lebih ringan (أَخَفَّ الضَّرَرَيْنِ). Keputusan tersebut juga dibuat berdasarkan aplikasi satu kaedah iaitu menolak sebarang bentuk kerosakan/musibah/mafsadah itu hendaklah kita dahulukan daripada kita hendak mendapat beberapa masalah. Kaedah tersebut menyebut:

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Maksudnya: *“Menolak kemudaratan itu lebih utama daripada mendapatkan maslahab.”*

Keputusan ini bukanlah bermakna kita menafikan solat berjemaah di masjid dan bukan juga disebabkan kita tidak cinta dan sayangkan masjid. Saya sendiri rindu, malah saya yakin pembaca semua termasuk sahabat-sahabat kita dari jemaah tabligh sudah pasti merindunya. Akan tetapi, ia adalah berdasarkan *masalahah ‘ammah* (kemaslahatan umum) mengikut situasi semasa.

S: Apabila masjid ditutup sehingga tidak dapat datang untuk berjemaah, adakah dengan berjemaah di rumah, pahalanya sama seperti berjemaah di masjid?

J: Dalam isu di atas, ganjaran yang sama tetap akan diperolehi bagi mereka yang sentiasa melazimi solat berjemaah di masjid, kemudian terhalang dari melakukannya disebabkan takut dijangkiti penyakit berjangkit seperti wabak COVID-19 atau dia sendiri mempunyai simptom tersebut.

Hal ini berdasarkan hadith yang menyebut bahawa perasaan takut (خوف) juga termasuk daripada salah satu keuzuran yang menghalang. Ia dijelaskan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan

daripada Ibn 'Abbas R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَمِعَ النَّدَاءَ فَلَمْ يُجِبْهُ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ ، قَالُوا
: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْعُذْرُ ؟ قَالَ : خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Maksudnya: "Barangsiapa yang mendengar azan tetapi dia tidak menjawabnya (yakni datang menunaikannya) maka tidak ada solat baginya melainkan kerana uzur. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah keuzuran itu? Baginda menjawab: ketakutan dan sakit."

Riwayat Abu Daud (551) dan
Ibn Majah (793)

Menurut Syeikh Mulla 'Ali al-Qari, perasaan takut itu termasuklah takut ke atas diri sendiri, maruah dan harta benda. Contoh lain adalah seperti takutkan kezaliman berlaku pada dirinya, hujan, kesejukan yang melampau dan juga mengelakkan diri dari kekotoran. (Lihat **Mirqat al-Mafatih**, 3/839)



Hal ini juga berpandukan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَرِضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ مَا كَانَ يَعْمَلُ
 مُقِيمًا صَحِيحًا

Maksudnya: “Apabila seseorang hamba itu sakit atau bermusafir, akan ditulis buat dirinya ganjaran sama seperti yang diamalkannya semasa bermukim atau sibat.”

Riwayat al-Bukhari (2996)

Al-Hafiz Ibn Hajar menjelaskan bahawa hadith di atas ditujukan bagi hak mereka yang melakukan ketaatan, kemudian terhalang dari melakukannya disebabkan keuzuran. Ia dalam keadaan niatnya jika tidak terdapat sebarang penghalang nescaya dia akan berterusan dalam melakukan ketaatan tersebut. (Lihat **Fath al-Bari**, 6/136)

Dalam konteks penutupan masjid kerana wujudnya halangan, maka dapat difahami bahawa sekiranya terangkat keuzuran dan halangan tersebut, sudah pasti dia akan tetap melazimi dengan menghadiri solat berjemaah di masjid.

Justeru, seseorang yang terhalang disebabkan oleh keuzuran, maka dia akan mendapat ganjaran yang sama sepertimana kelazimannya semasa keadaan biasa.

S: Untuk memastikan solat jemaah terus diadakan, bolehkah diikhtiarkan untuk dilakukan penggiliran solat jemaah di masjid?

J: Berdasarkan kepada arahan yang dikemukakan, maka sewajarnya kita mematuhi. Sebagaimana yang kami telah jelaskan – iaitu nasihat supaya bersembahyang dan berjemaah di rumah – maka insya Allah itulah yang sebaiknya buat masa ini.

Ini disebabkan beberapa perkara: Pertama, kita diwajibkan mentaati *Waliy al-Amr* ataupun pemerintah. Kedua, ia adalah atas dasar keselamatan kerana maslahatnya yang cukup besar dari segi kesihatan. Ketiga, apabila kita juga mengadakan solat berjemaah bersama keluarga (dalam tempoh ini), maka ia juga memberi kebaikan dalam kehidupan kita, insya Allah.



Laungan Azan

S: Bagaimanakah lafaz azan dilaungkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan? Adakah boleh ditambah dengan lafaz ‘solatlah di rumah kamu’?

J: Laungan azan agar melakukan solat di rumah ini adalah *thabit* dan terdapat di dalam hadith yang sahih berdasarkan kepada riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim di dalam kitab mereka. Bahkan peristiwa ini pernah berlaku di zaman Nabi SAW sebagaimana yang disebutkan di dalam beberapa riwayat.

Antaranya, daripada Ibn Umar R.Anhuma bahawa beliau telah melaungkan azan pada satu malam yang sejuk dan berangin dengan menyebut:

أَلَا صَلُّوا فِي الرَّحَالِ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُ الْمُؤَذِّنَ إِذَا كَانَتْ لَيْلَةٌ ذَاتُ بَرْدٍ وَمَطَرٍ، يَقُولُ: أَلَا صَلُّوا فِي الرَّحَالِ

Maksudnya: “Solatlah kamu di rumah kamu.” Kemudian beliau berkata: “Sesungguhnya Rasulullah SAW memerintahkan muazzin sedemikian sekiranya malam tersebut teramat sejuk dan bujan teramat lebat dengan berkata: “Solatlah kamu di rumah kamu.”

Riwayat al-Bukhari (666) dan
 Muslim (697)

Di samping itu, turut diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan juga Imam Abu Daud di dalam kitab mereka, daripada Usamah bin ‘Umair R.A, katanya:

أَنَّ يَوْمَ حُنَيْنٍ كَانَ يَوْمَ مَطَرٍ، فَأَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
 وَسَلَّمَ، مُنَادِيَهُ: أَنْ الصَّلَاةَ فِي الرَّحَالِ

Maksudnya: “*Pada hari peperangan Hunain berlaku, hujan teramat lebat. Maka Nabi SAW mengarahkan muazzin untuk melaungkan: “Solat di rumah.”*”

Riwayat Abu Daud (1057) dan Ahmad (20700). Syeikh Syu’aib al-Arna’outh menilai sanad hadith ini adalah sahih.

Di dalam al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, ada dinyatakan bahawa dibolehkan bagi muazzin ketika dalam keadaan hujan yang teramat lebat, ribut atau sejuk yang melampau untuk melaungkan “*solatlah kamu di rumah kamu*” dan ia dilaungkan selepas daripada azan. (Lihat **al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah**, 2/362) Adapun di dalam kitab Raudhah al-Talibin oleh Imam al-Nawawi, ada disebutkan bahawa sunat bagi muazzin untuk melaungkannya selepas azan “*solatlah kamu di rumah kamu*”. Sekiranya dia ingin melaungkan ketika azan maka ia dilaungkan selepas daripada *al-Haia’lah* (*hayya ‘ala al-Solah* atau *hayya ‘ala a-Falah*) tidak menjadi masalah. (Lihat **Raudhah al-Talibin**, 1/208)

Berkenaan isu laungan azan ini juga, kami telah mengeluarkan kenyataan pada 17 Mac 2020. Antara lain kami menyebut bahawa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, disyorkan kaedah azan seperti berikut:

- Azan tetap dikumandangkan seperti biasa kerana ia adalah syiar Islam.
- Lafaz ‘*hayya ‘alassolah*’ diperlahankan.
- Selepas azan, muazin atau bilal hendaklah berpesan, ‘*Solatlah di rumah atau tempat kamu,*’ dalam Bahasa Melayu kerana ia lebih difahami oleh umat Islam di Malaysia. Ini bagi meraikan beberapa hadith riwayat al-Bukhari, Muslim dan Ahmad serta Imam al-Nawawi dalam *Raudhah al-Talibin* (1/208) menghukumkan sunat bagi muazzin untuk menyebut sedemikian selepas azan.

Cadangan ini adalah untuk dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Bagi pelaksanaan di negeri-negeri lain, ia diserahkan kepada pertimbangan pihak berkuasa agama di setiap negeri.

Justeru, sekalipun arahan daripada pemerintah supaya masjid ditutup, namun azan hendaklah tetap dilaungkan oleh bilal. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan sebagai tanda syiar, selain untuk memberitahu orang ramai tentang masuknya waktu solat. Di samping itu, dengan azan tersebut, kita turut mengharapkan bahawa Allah SWT mengurniakan kepada kita akan kebaikan fadilat azan tersebut.

Begitu juga, dengan azan tersebut, kita tidak meninggalkan masjid secara langsung dengan maksud semua tidak hadir. Akan tetapi, ada juga wakil dua orang sekurang-kurangnya iaitu bilal dan imam untuk memastikan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dilaksanakan.

Cara azan tersebut sepertimana kami nyatakan adalah dengan azan seperti biasa. Kecuali semasa menyebut 'hayya 'ala al-solah', kita perlahankan sahaja. Ini kerana kita bukan ingin mengajak orang supaya datang solat di situ. Kemudian selepas azan dan berdoa, bilal membuat pengumuman dengan menyebut, misalnya: "Assalamualaikum saudara-saudara. Solatlah kamu di rumah kamu atau di tempat kamu." Itulah makna apa yang disebut 'صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ' atau 'صَلُّوا فِي رِحَالِكُمْ'. Ini kerana jika disebut dengan menggunakan lafaz Bahasa Arab ini, mungkin sebahagian orang tidak dapat memahaminya.



S: Apakah hukum bacaan al-Quran diperdengarkan sebelum azan dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan susulan wabak Covid-19 yang sedang melanda?

J: Dalam suasana seluruh dunia dilanda dengan wabak Covid-19, ditambah dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac lalu, sudah menjadi fitrah iaitu akan timbul sekelumit kebimbangan dalam diri yang bersifat manusiawi. Kebimbangan yang tidak terkawal pula kadang-kadang menyebabkan jiwa menjadi kacau. Apatah lagi jika ia kosong daripada pengisian rohani yang berupa keimanan dan ajaran agama. Firman Allah SWT:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا

Maksudnya: *“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah. Apabila ia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah.”*

Surah al-Ma’arij (19-20)

Justeru, timbul beberapa cadangan dan syor daripada pelbagai pihak sekiranya dapat mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif lagi menenangkan bagi mengisi kekosongan jiwa yang semakin terhimpit dengan keadaan semasa. Antaranya adalah dengan memperdengarkan alunan ayat-ayat suci al-Quran di corong-corong masjid dan surau setiap kali hampirnya masuk waktu solat. Sekurang-kurangnya, walaupun masjid dan surau ditutup, tetapi peranannya dalam menghidupkan suasana

keagamaan lebih-lebih lagi dalam situasi getir seperti ini dapat dirasakan oleh setiap umat Islam.

Al-Quran Sebagai Penenang Jiwa dan Penawar Penyakit

Secara prinsipnya, tidak diragukan lagi bahawa al-Quran adalah penawar dan penyembuh selain sebagai doa dan zikir yang paling mustajab. Firman Allah SWT:

وَنَزَّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ
الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambabkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.”

Surah al-Isra' (82)

Kata Imam al-Baidawi berkenaan ayat ini, “laitu yang boleh menguatkan agama mereka dan juga memberi kebaikan seperti ubat penyembuh bagi orang yang sakit.” (Lihat **Tafsir al-Baidawi**, 3/445)



Begitu juga firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي
 الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Wabai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

Surah Yunus (57)

Selain daripada menjadi penawar segala penyakit zahir dan batin serta pembawa hidayah petunjuk buat sekalian manusia, al-Quran juga menjadi salah satu daripada ubat yang paling mujarab bagi menenangkan jiwa. Firman Allah SWT:

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: “Ketabuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

Surah al-Ra'd (28)

Menurut Ibn 'Abd al-Barr, para ulama' berpendapat bahawa menjadi sunnah Nabi SAW apabila umat Islam ditimpa dengan sesuatu yang tidak baik termasuk bala bencana, untuk mereka kembali memohon pertolongan kepada Allah SWT. Ia dilakukan dengan membaca al-Quran, zikir dan doa. (Lihat **Fath al-Malik bi Tartib al-Tamhid**, 10/154)

Ini juga sebagaimana kata-kata Jundub al-Bajali:

اتَّقُوا اللَّهَ، وَاقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ نُورٌ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ، وَهُدًى
النَّهَارِ، عَلَى مَا كَانَ مِنْ جَهْدٍ وَفَاقَةٍ، فَإِذَا عَرَضَ الْبَلَاءُ
فَاجْعَلُوا أَمْوَالَكُمْ دُونَ أَنْفُسِكُمْ، فَإِذَا نَزَلَ الْبَلَاءُ
فَاجْعَلُوا أَنْفُسَكُمْ دُونَ دِينِكُمْ

Maksudnya: "Bertaqwalah kamu kepada Allah dan bacalah al-Quran! Sesungguhnya ia adalah cahaya malam yang gelap, petunjuk di siang hari, dalam keadaan kesusahan mahupun kefakiran, jika datang bencana maka letakkan harta kamu di belakang diri kamu, bila turunnya bala maka letakkan diri kamu di belakang agama kamu..."

Riwayat al-Baihaqi dalam
Syu'ab al-Iman (4965)

Berdasarkan keterangan di atas, jelas menunjukkan kedudukan al-Quran bukan sahaja sebagai hidayah petunjuk buat umat manusia, tetapi juga sebagai penawar kepada segala penyakit zahir dan batin serta penenang jiwa.

Membaca dan Mendengar Bacaan Al-Quran

Pada prinsipnya, setiap muslim dituntut untuk membaca al-Quran secara bersendirian. Di sana terdapat banyak fadilat bagi orang yang membaca al-Quran. Dalam sebuah hadith daripada `Aisyah R.Anha, Rasulullah SAW pernah bersabda:

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ
 وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

Maksudnya: “Seorang yang mahir dalam membaca al-Quran, dia akan bersama dengan malaikat yang mulia dan bagi yang membaca al-Quran namun tersangkut-sangkut dan mengalami kesusahan untuk membacanya, maka untuknya itu dua ganjaran”.

Riwayat Muslim (798) dan
 Ibn Majah (3779)

Imam al-Nawawi Rahimahullah menyebutkan bahawa dua ganjaran yang diperolehi itu adalah kerana pertamanya bagi pembacaannya itu dan yang keduanya disebabkan kepayahannya dalam membaca al-Quran. (Lihat ***Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim***, 6/85)

Namun demikian, adakalanya kita tidak membaca al-Quran sebaliknya meminta orang lain yang baik bacaannya untuk mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran. Rasulullah SAW sendiri gemar meminta para sahabat R.Anhum supaya memperdengarkan bacaan al-Quran al-Karim kepada Baginda SAW. Dalam satu hadith yang diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW meminta Abdullah Ibn Mas'ud R.A membacakan al-Quran:

«أَقْرَأْ عَلَيَّ» قُلْتُ: أَقْرَأْ عَلَيْكَ وَعَلَيْكَ أَنْزَلَ؟ قَالَ: «فَإِنِّي أَحِبُّ أَنْ أَسْمَعَهُ مِنْ غَيْرِي» فَقَرَأْتُ عَلَيْهِ سُورَةَ النَّسَاءِ، حَتَّى بَلَغْتُ: فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ عَلَى هَؤُلَاءِ شَهِيدًا [النساء: 41] قَالَ: «أَمْسِكْ» فَإِذَا عَيْنَاهُ تَذَرِفَانِ

Maksudnya: (Rasulullah SAW bersabda): “Bacakanlah kepadaku al-Quran”. Aku (Abdullah Ibn Mas’ud R.A) bertanya: “Wahai Rasulullah SAW, aku membacakan al-Quran kepada kamu padahal al-Quran diturunkan kepada kamu?” Jawab Nabi SAW, “Sesungguhnya aku suka untuk mendengarnya dari bacaan orang lain.” Kemudian aku membaca Surah al-Nisa sehingga ayat 41 dan Baginda SAW bersabda: “Cukuplah untuk sekarang.” Lalu aku berpaling kepada Baginda SAW dan aku mendapati kedua-dua mata Baginda SAW bercucuran air mata.”

Riwayat al-Bukhari (4583)

Menurut para ulama', telah menjadi amalan Rasulullah SAW untuk memerintahkan sahabat memperdengarkan bacaan kepada baginda. Saidina Umar sendiri mengarahkan seseorang membacakan al-Quran lalu beliau dan para sahabat menjadi pendengarnya. Ini kerana ia lebih memberikan kesan dari sudut penghayatan dan manfaatnya melangkaui diri sendiri serta dapat menghidupkan jiwa-jiwa yang lalai. (Lihat **Hasyiyah al-Tahtawi 'ala Mara'iq al-Falah Syarh Nur al-Idhah**, hlm.318)

Justeru, ini yang menjadi maksud di sebalik cadangan agar bacaan al-Quran diperdengarkan di corong-corong masjid dan surau dengan tujuan agar ia dapat menggerakkan jiwa-jiwa yang lalai terutama di kala masjid dan surau ditutup.

Bacaan al-Quran Sebelum Azan di Masjid dan Surau

Secara asasnya perbuatan memperdengarkan bacaan al-Quran atau zikir di masjid dan surau sebelum azan tidak dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Menurut al-Maqrizi, dalam sejarah Islam, permulaan tradisi membaca zikir di menara-menara masjid bermula pada zaman sahabat Nabi SAW bernama Maslamah bin Mukhallad al-Ansari (w.62H), menjadi gabenor Mesir kepada Khalifah Muawiyah. Beliau telah membina menara Masjid Amru bin al-'As. Ketika beriktikaf di menara tersebut, beliau telah mendengar bunyi loceng gereja ketika azan dilaungkan. Lalu Maslamah melarang membunyikan loceng gereja pada waktu azan, manakala Syarhabil pula telah memanjangkan azannya dengan zikir-zikir dan lain-lain bermula daripada sebahagian


besar waktu malam sehingga sebelum masuk waktu Subuh. (Lihat ***al-Mawa'izh wa al-I'tibar bi Zikr al-Khutat wa al-Athar***, 4/51)

Ketika Sultan Salahuddin al-Ayyubi (w.589H) menaiki takhta menjadi pemerintah, beliau telah mengeluarkan perintah kepada para tukang azan untuk membacakan kitab akidah yang dikenali sebagai *al-'Aqidah al-Mursyidah*, pada waktu malam sebelum Subuh di corong-corong tempat azan. Ia menjadi kelaziman ke atas para tukang azan untuk membacanya pada setiap kali sebelum masuk waktu Subuh di seluruh masjid di Mesir sehingga waktu ini. (Lihat ***al-Mawa'izh wa al-I'tibar bi Zikr al-Khutat wa al-Athar***, 4/51)

Antara yang menjadi amalan juga adalah pembacaan zikir-zikir di menara-menara masjid bertujuan untuk memperingatkan umat Islam pergi ke masjid pada siang Jumaat. Ia berlaku selepas tahun 700 Hijri. Ibn Kathir mengatakan, pada hari Jumaat bersamaan 6 Rabi'ul Akhir tahun 744 Hijri, menjadi tradisi dibaca zikir-zikir untuk memanggil menunaikan solat Jumaat di seluruh menara masjid di Damsyik termasuk di Masjid al-Umawi. (Lihat ***al-Mawa'izh wa al-I'tibar bi Zikr al-Khutat wa al-Athar***, 4/51)

Pengasas Kerajaan Tuluniyyah, Abu al-'Abbas Ahmad bin Tulun (w.884H) pada zamannya telah menyediakan sebuah bilik dan dua belas orang tukang azan. Setiap malam, empat orang daripada mereka akan bermalam di bilik tersebut secara bergilir-gilir. Mereka akan bertakbir, bertasbih dan bertahmid kepada Allah SWT pada setiap masa dan membaca al-Qur'an secara berlagu,

bertawassul, berqasidah dan melaungkan azan apabila masuk waktu solat. Setelah Ahmad bin Tulun meninggal dunia, anaknya Abu al-Juyush Khamarawaih telah meneruskan tradisi bapanya. (Lihat al-*Mawa'izh wa al-I'tibar bi Zikr al-Khutat wa al-Athar*, 4/51)



“
 Antara yang menjadi
 amalan juga adalah
 pembacaan zikir-zikir
 di menara-menara
 masjid bertujuan untuk
 memperingatkan umat
 Islam pergi ke masjid
 pada siang Jumaat.

Berdasarkan beberapa riwayat dan *athar* sejarah yang dinyatakan ini, jelas menunjukkan bahawa pembacaan al-Quran atau zikir sebelum masuk waktu solat menerusi menara masjid dan surau bukanlah sesuatu perkara yang asing. Malah, perkara ini masih diteruskan di sebahagian negara Islam sehingga ke hari ini seperti di Mesir.

Menurut bekas Ketua Lajnah Fatwa al-Azhar, al-marhum Syeikh 'Atiyyah Saqr, dalam isu pembacaan zikir seperti tasbeih dan *istighathah* sebelum masuk waktu solat Subuh, ia tidak termasuk perkara *bid'ah*. Dalam kitab *al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah* yang diterbitkan oleh Kementerian Wakaf Mesir (halaman 238) mengatakan bahawa ia merupakan *bid'ah hasanah* yang tiada nas yang melarangnya sebaliknya terdapat nas umum yang menganjurkannya. (Lihat **Fatawa Dar al-Ifta' al-Misriyyah**, 9/203)

Dalam laman web Dar al-Ifta' al-Misriyyah menyebut, tiada larangan untuk memperdengar bacaan al-Quran di masjid-masjid sebelum azan bahkan ia merupakan suatu perkara yang baik, menghimpunkan manusia untuk mendengar al-Quran dan menggerakkan mereka untuk menghidupkan syiar Jumaat.¹²

12. Lihat: <https://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=13079&LangID=1>

Manakala Mufti Mesir sendiri, Prof. Dr. Shauqi Ibrahim 'Allam berfatwa mengenai pembacaan al-Qur'an sebelum Subuh dengan mengatakan: *"Membaca al-Quran dan mendengarnya sebelum azan Subuh adalah perkara yang disyariatkan berdasarkan umumnya dalil yang menggalakkan bacaan al-Quran, mendengarnya dengan diam secara mutlak. Sebagaimana firman Allah, "Apabila dibacakan al-Quran maka dengarlah ia dan diamlah semoga kamu beroleh rahmat" [al-A'raf: 204], dan firman-Nya, "Dan bacalah apa yang diwahyukan kepadamu daripada Kitab Tuhanmu"[al-Kahfi: 27], dan tiada (mana-mana dalil) yang menegah daripada membaca al-Quran sebelum azan. Oleh itu menegahnya itulah yang menyalahi syarak. Sebagaimana berkumpul (untuk mendengar) al-Quran itu juga disyarkan berdasarkan dalil-dalil umum yang menggalakkan untuk berzikir dan membaca al-Quran...berdasarkan yang demikian: sesungguhnya bacaan al-Quran sebelum azan dan perkumpulan ramai untuk mendengarnya juga adalah perkara yang disyariatkan, baik, mengumpulkan manusia dengan al-Quran dan menggerakkan mereka untuk menunaikan syiar solat dan menahan diri sebagai persediaan untuk berpuasa."*¹³

Ringkasnya, Mufti Mesir berpandangan tiada dalil yang menegah pembacaan al-Quran sebelum azan, sebaliknya terdapat dalil-dalil umum yang menggalakkan pembacaan al-Quran termasuk berhimpun untuk membacanya. Kaedah syarak mengatakan perkara mutlak memberi maksud keumuman tempat, masa dan orang, maka ia tidak harus dikhususkan kecuali

13. Lihat: www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=12516&LangID=1&MuftiType=0&

قراءة القرآن قبل صلاة الفجر في المسجد

dengan dalil. Jika tidak maka ia termasuk dalam menyempitkan sesuatu yang diberi keluasan oleh syarak.

Sebagai kesimpulan, dalam suasana kita dilanda dengan wabak Covid-19 ini, disusuli dengan penutupan masjid dan surau rentetan daripada arahan PKP, maka tidak salah jika umat Islam ingin memperdengarkan alunan ayat-ayat suci al-Quran di masjid dan surau.

Bahkan hal ini telah dilaksanakan di sesetengah negara Islam seperti di Mauritania. Di sana, surat pekeliling pentadbiran dikeluarkan agar semua masjid di seluruh negara memperdengarkan bacaan al-Quran menerusi pembesar suara selama sejam. Ia bertujuan untuk memohon keberkatan dan kebergantungan kepada Allah SWT supaya mengangkat segala bala bencana, memelihara negara, umat Islam dan seluruh alam



daripada bahaya wabak Covid-19.¹⁴

Justeru, terpulang kepada pentadbiran agama Islam di negeri masing-masing untuk mengesyorkan kepada masjid dan surau bagi memperdengarkan alunan ayat-ayat suci al-Quran selama tempoh yang sesuai sebelum azan, moga-moga ia mampu menarik keberkatan dan rahmat Allah SWT ke atas kita semua di samping mempersiapkan umat Islam setiap kali hampir tibanya waktu solat.

14. Lihat: www.iqna.ir/ar/news/3475913 تعميم-بتلاوة-القرآن-عبر-مكبرات-الصوت-في-المساجد-بموريتانيا



Isu Bersuci dan Solat

S: Bolehkah solat dengan memakai *face mask* (penutup hidung dan mulut) dalam suasana COVID-19 ini?

J: Dalam isu di atas, pada asalnya, hukum menutup mulut di dalam solat tanpa sebarang sebab adalah makruh. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ السِّدْلِ فِي
الصَّلَاةِ وَأَنْ يُغَطِّيَ الرَّجُلُ فَاهُ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melarang meleretkan pakaian di dalam solat serta (melarang) seseorang lelaki itu menutup mulutnya (di dalam solat).”

Riwayat Abu Daud (643)

Dalam memahami hadith di atas, al-Khatib al-Syirbini menyatakan bahawa dimakruhkan bagi seorang lelaki solat dalam keadaan menutup mulut. (Lihat *al-Iqna'*, 1/124) Antara sebab tegahan ini adalah kerana ia boleh menghalang kesempurnaan bacaan dalam solat serta menghalang kesempurnaan dalam sujud. (Lihat *Mirqat al-Mafatih*, 2/636)

Akan tetapi, sekiranya wujud hajat dan keperluan untuk melakukannya, maka hukum menutup mulut ketika solat tersebut adalah diharuskan. Ini sepertimana dinukilkan oleh Ibn Qudamah daripada kenyataan Ibn Abd al-Bar. (Lihat **al-Mughni**, 1/432)



Justeru, kami katakan, dalam suasana menularnya wabak COVID-19 ini, maka hukum solat dengan memakai *face mask*

adalah diharuskan disebabkan hajat dan keperluan, iaitu bagi mengekang penyebaran wabak daripada menular. Hal ini kerana dengan memakai *face mask*, ia dapat menghalang air liur, kahak dan hingus si pemakai dari tersebar ke udara ketika batuk atau bersin, lalu mengelakkan daripada terjangkit kepada orang lain.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحٍّ

Maksudnya: "Pesakit yang berpenyakit berjangkit tidak boleh mendatangi orang yang sihat."

Riwayat al-Bukhari (5771)

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: “Padanya penguat kepada tegahan daripada membawa atau menyebarkan penyakit.” (Lihat **Fath al-Bari**, 10/242)

Justeru, hukum memakai *face mask* dalam suasana COVID-19 ini ketika solat adalah diharuskan.

S: Apakah hukum menggunakan *hand sanitizer* (bahan pencuci tangan) ketika menunaikan solat? Adakah ia dikira najis kerana ada alkohol di dalamnya?

J: Hukum berkaitan dengan alkohol ini telah dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7. Keputusan muzakarah antara lain menyebut bahawa: “Ubat-ubatan dan pewangi yang ada kandungan alkohol adalah harus dan dimaafkan.”

Selain itu, Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei turut menyebut bahawa: “Barangan kosmetik yang mengandungi alkohol yang dihasilkan melalui sintetik atau tiruan daripada campuran bahan kimia adalah harus menggunakannya, kerana ia bukan najis. Dengan ini juga, sah sembahyang seseorang yang



memakai baju yang telah disembur dengan minyak wangi yang mengandungi alkohol yang dihasilkan melalui sintetik atau tiruan daripada campuran bahan kimia kerana ia bukan najis.” (Lihat **Fatwa tahun 2005**, hlm. 74)

Justeru, kami berpendapat penggunaan *hand sanitizer* (pencuci tangan) yang mengandungi alkohol semasa melakukan ibadat solat adalah dibolehkan dan ia tidak dikira sebagai najis. Orang yang menggunakannya kemudian solat tanpa membasuhnya tidaklah dikira sebagai menanggung najis.

S: Bagaimanakah tatacara mengangkat hadas bagi mereka yang masih dalam proses pemeriksaan kesihatan iaitu *Patient Under Investigation (PUI)* bagi mengelakkan risiko penyebaran virus? Bolehkah mereka sekadar bertayammum?

J: Tayamum merupakan *rukhsah* (keringanan) dalam Islam kepada umatnya untuk menunaikan ibadah ketika berada di dalam keuzuran. Tayammum merupakan ganti kepada wuduk dan mandi (*janabah*). Maksud di sisi syarak pula adalah menyapukan debu tanah yang suci ke muka dan dua tapak tangan dengan niat dan cara tertentu. (Lihat **al-Fiqh al-Manhaji**, 1/92)

Firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ مَّرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِّنَ
الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا
طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ

Maksudnya: “Dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air; atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka bendaklab kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersib, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu.”

Surah al-Maidah (6)

Dalam isu di atas, berdasarkan maklumat pihak berwajib, kami menyatakan garis panduan berikut khusus bagi pesakit Covid-19 dan *Patient Under Investigation* (PUI) dalam melaksanakan ibadah bersuci. Ia boleh dibahagikan mengikut dua situasi berikut:

Situasi pertama: Bagi pesakit Covid-19 yang telah disediakan bilik khusus yang tidak dikongsi dan terdedah kepada orang ramai serta mempunyai bilik air yang khusus maka mereka boleh menggunakan air untuk berwuduk dan mengangkat hadas besar seperti biasa, tertakluk kepada nasihat pakar perubatan.



Situasi kedua: Bagi PUI yang ditempatkan di khemah khas atau tempat terbuka dan terdedah kepada orang ramai, maka mereka hendaklah melakukan *tayammum* bagi mengelakkan risiko penyebaran virus ini.

Justeru, ia sewajarnya dipatuhi bagi mengelakkan daripada berlakunya penularan wabak ini.

S: Bagaimanakah cara berwuduk bagi pesakit COVID-19 yang tidak mampu untuk ke tempat wuduk seperti pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan sepanjang masa? Adakah boleh menggunakan *spray* air?

J: Dalam isu di atas, sekiranya cukup syarat-syarat sahnya, maka wuduk dengan menggunakan *spray* air tersebut adalah sah dengan syarat pesakit tersebut berada dalam bilik kuarantin yang dikhaskan untuknya.

Antara syarat sah wuduk adalah hendaklah menggunakan air yang bersih dan mestilah mengalirkan air ke atas seluruh anggota wuduk. (Lihat ***al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah***, 43/330)

Syeikh Dr. Muhammad al-Zuhaili dalam menjelaskan syarat-syarat ini turut menyatakan, antaranya:

- **Hendaklah menggunakan air yang suci ketika berwuduk, dan disyaratkan untuk mengetahui bahawa air yang digunakan itu adalah air mutlak walaupun secara *zhan* (sangkaan)**
- **Tidak terdapat perkara yang menghalang, iaitu perkara yang menghalang air daripada terkena anggota wuduk.**
- **Mengalirkan air pada anggota yang dibasuh.**

- **Menghilangkan kekotoran dan najis pada anggota wuduk. (Lihat *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*, 1/70)**

Oleh itu, dalam isu di atas, sekiranya telah cukup syarat-syarat sahnya, maka hukum wuduk dengan menggunakan *spray* air tersebut adalah sah.

Kenduri Kahwin

S: Bagaimanakah majlis akad nikah diadakan dalam suasana wabak Covid-19 sedang merebak serta adanya Perintah Kawalan Pergerakan?

J: Dalam situasi ini, hendaklah merujuk kepada polisi kerajaan negeri dan majlis agama masing-masing. Jika badan berautoriti di satu-satu tempat telah menetapkan bahawa ia mesti ditangguhkan, maka perintah tersebut hendaklah diikuti.

Para ulama' juga menyebut bahawa kewajipan memenuhi kenduri perkahwinan akan tergugur disebabkan adanya keuzuran. Dr. Wahbah al-Zuhaili menjelaskan: "Antara keuzuran yang menggugurkan kewajipan untuk memenuhi jemputan adalah: Banyaknya kesesakan, hujan lebat, jalan lecah, sakit, dan seumpamanya." (Lihat ***al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh***, (9/6622)

Kami mengesyorkan agar majlis perkahwinan ditangguhkan kepada tarikh yang lain. Namun, jika ingin mengadakan majlis akad nikah sahaja, maka rujuklah kepada Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing berhubung ketetapan, garis panduan dan tatacaranya.

S: Bolehkah meneruskan majlis pernikahan atau perlukah ditangguhkan terlebih dahulu? Ini kerana ada yang sudah menempah hotel, katering, membuat jemputan dan sebagainya.

J: Pada hakikatnya, pernikahan ini adalah sekadar akad. Namun, yang menjadi masalah dalam situasi seperti ini adalah apabila kita ingin melaksanakan adat-adat dalam pernikahan. Justeru, perkara inilah yang kadang-kadang menimbulkan kesukaran.

Oleh itu, jika boleh dicadangkan, dalam masalah ini kita ambillah satu cara yang paling ringkas dan mudah. Dalam hadith Nabi SAW juga menyebut berkenaan pernikahan yang dibuat dengan mas kahwin yang rendah dan dibuat dengan seadanya, maka ia adalah lebih baik di samping dapat menjimatkan perbelanjaan.



Saya mengesyorkan, jika perkara itu sudah ditempah, maka rujuklah badan berautoriti di negeri masing-masing. Ini sepertimana diputuskan dalam mesyuarat Perintah Kawalan Pergerakan dalam menangani COVID-19 bahawa pelaksanaan itu hendaklah dirujuk kepada Majlis Keselamatan Negara yang memperturunkan kuasa kepada Majlis Keselamatan Negeri di mana ia dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Justeru, rujuklah badan berautoriti di tempat masing-masing. Saranan dan panduan akan diberikan sama ada boleh atau tidak berdasarkan suasana dan keadaan semasa serta mengikut kesesuaian negeri masing-masing.

S: Adakah sah akad nikah sekiranya jurunikah tidak berjabat tangan dengan pengantin lelaki semasa akad nikah bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19?

J: Dari segi hukum Islam, dalam akad nikah, tidak semestinya jurunikah wajib berjabat tangan. Namun dia perlu berhadapan dan bercakap kerana salah satu daripada rukun nikah itu adalah wujudnya *sighah*. *Sighah* bermaksud lafaz atau perbuatan yang disampaikan oleh orang yang sedang *akad* (perjanjian) serta menunjukkan keredhaannya. Para *fuqaha'* berpendapat yang terkandung di dalam *sighah* mestilah *ijab* (lafaz penawaran) dan *qabul* (lafaz penerimaan). (Lihat ***al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah***, 30/200)

Dr. Muhammad Zuhaili menjelaskan bahawa tidak terjadinya akad nikah melainkan dengan *sighah* akad nikah iaitu *ijab* dan *qabul*. (Lihat ***al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'e***, 4/53)

Sighah atau lafaz akad nikah bermaksud *ijab* dari wali dan *qabul* daripada pengantin lelaki. Contoh lafaz *ijab* ialah: “Aku kahwinkan kamu dengan anak perempuanku” atau “Aku nikahkan kamu dengan anak perempuanku.” Sementara contoh lafaz *qabul* pula ialah: “Aku terima kahwinnya anak perempuanmu” atau “Aku terima nikah anak perempuanmu” atau “aku terima nikahnya” atau “aku redha dengan menikahnya”. (Lihat ***al-Fiqh al-Manhaji***, 2/347)

Justeru, apa yang difahami di sini, mereka (wali pengantin perempuan dan pengantin lelaki) tidak perlu bersalaman. Sementelahan lagi dalam situasi menularnya wabak COVID-19 seperti ini. Apa yang penting adalah lafaz *ijab* dan *qabul* itu mesti jelas dan mesti memaknakan kehendak kahwin itu, iaitu; Aku terima, aku nikah dan seumpamanya. Jadi nikahnya tetap sah. Namun, apabila berjabat tangan dalam keadaan biasa, maka itu lebih *muakkad* dan lebih menampakkan kesungguhan.



S: Apakah hukum pasangan pengantin bernikah melalui *video call* atau *video conference* (sidang *video*)? Ini disebabkan oleh kekangan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan.

J: Pertama, sudah ada fatwa dari kalangan ulama' termasuk Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 dalam isu ini. Bahkan di Wilayah Persekutuan juga turut dibincangkan isu seperti ini walaupun sebaik-baiknya ia dilakukan di satu tempat dalam keadaan secara zahir fizikal serta ada bersama-sama tukang akad dan yang kena akad.

Apabila kita menyebut *video call* (panggilan video) seperti itu, bermakna seolah-olah pengantin lelaki berada di satu tempat, manakala pengantin perempuan di satu tempat yang lain, dan orang yang mengahwinkan pula berada di tempat yang lain. Maka berlakulah satu sidang video (*video conference*) atau *video call*.

Dalam isu ini juga, garis panduan berikut hendaklah dipatuhi dalam pelaksanaan majlis ini:

- **Memenuhi semua rukun dan syarat-syarat sah nikah menurut hukum Syarak.**
- **Tiada sebarang unsur penipuan (*al-gharar*) dan keraguan.**
- **Majlis tersebut berlangsung pada tahap *al-yaqin* (bukan *zhan*).¹⁵**

15. Lihat: juga keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97.

Selain itu, semua peraturannya juga mestilah dirujuk kepada Badan Berkuasa negeri masing-masing.

Akad nikah melalui sidang video (*video conference*) ini juga hendaklah dilakukan dalam satu majlis (*ittihad al-majlis*) agar penglibatan semuanya adalah secara langsung semasa pelaksanaan *ijab* dan *qabul*. Sekiranya telah cukup syarat-syaratnya serta selamat daripada sebarang bentuk penipuan, maka akad nikah yang dilakukan melalui cara begini adalah sah.



Justeru, kami berpendapat, bagi yang memilih untuk melakukan pernikahan melalui *video call* atau sidang video, maka ia dibolehkan dengan syarat menepati *dawabit* (garis panduan) yang telah dinyatakan.

Antara mereka yang memfatwakan dengan keharusan tersebut ialah Dr Yusuf al-Qaradhawi, Syeikh Mustafa al-Zarqa', Dr. Wahbah al-Zuhaili dan Dr. Muhammad 'Uqlah dan Dr. Abd al-Rahman al-Sind iaitu Ketua bahagian Fiqh al-Muqaran di al-Ma'had al-'Ali li al-Qadha'.

Meskipun begitu, saya mengesyorkan agar perkara ini hendaklah dirujuk kepada ahli jawatankuasa atau badan berkuasa negeri masing-masing. Jika mereka membenarkan kaedah seperti itu, maka tidaklah menjadi masalah.

Hukum Bersalaman

S: Apakah hukum saling bersalaman dalam keadaan virus COVID-19 sedang berkembang-biak?

J: Tidak dinafikan bahawa bersalaman di atas tujuan mengeratkan hubungan silaturrahim kerana Allah SWT merupakan suatu kemuliaan dan dijanjikan pengampunan dosa. Ini sepertimana hadith yang diriwayatkan oleh al-Barra' bin Azib, sabda Nabi SAW:

مَا مِنْ مُسْلِمَيْنِ يَلْتَقِيَانِ فَيَتَصَافَحَانِ إِلَّا غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَفْتَرِقَا

Maksudnya: *“Tidaklah dua orang Muslim itu bertemu lalu mereka bersalaman melainkan diampunkan dosa keduanya sebelum mereka berpisah.”*

Riwayat Abu Daud (5212) dan al-Tirmizi (2727). Imam al-Tirmizi menilai hadith ini sebagai hasan gharib.

Berjabat tangan atau bersalaman ketika berjumpa itu adalah sunnah hukumnya. Hal ini sudah menjadi *ijma'* dalam kalangan para alim ulama'. Ibn Battal turut menyebut bahawa hukum asal berjabat tangan itu adalah baik dan sangat elok menurut para ulama' secara amnya. (Lihat **Fath al-Bari**, 11/55 dan **Tuhfah al-Ahwazi**, 7/426)

Perbuatan ini juga telah dinaskan oleh kebanyakan para ahli feqah bahawa bersalaman adalah sunnah dengan berdalilkan



kepada sejumlah *khobar-khobar* yang *sahih* dan juga *hasan*.
(Lihat ***al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah***, 356/37)

Dalam isu bersalaman, buat masa ini, keadaan di Malaysia sudah sampai ke suatu tahap yang kritikal. Maka kita dituntut untuk berusaha dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan diri dari menyumbang kepada penularan virus tersebut. Ini kerana, sentuhan merupakan salah satu cara yang boleh menyebabkan virus tersebut semakin menular. Oleh sebab itu, kami berpandangan dengan tidak bersalaman adalah lebih sesuai buat masa ini sebagai jalan *ihtiyat* (berjaga-jaga) dan juga cara atau inisiatif bagi mengekang virus ini dari terus menular walaupun pada asalnya ia merupakan satu sunnah.

Hal ini disebabkan, terdapat satu riwayat yang sahih daripada Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim berkaitan arahan Nabi SAW agar menjauhkan diri daripada orang yang dijangkiti penyakit kusta ini. Ini kerana, penyakit kusta merupakan penyakit yang berjangkit. Maka arahan Nabi SAW agar menjauhkan diri adalah bagi mengekang penularan penyakit tersebut kepada orang lain atau kawasan lain yang tidak dijangkiti.

- Daripada al-Syarid bin Suwaid R.A berkata:

كَانَ فِي وَفْدِ ثَقِيفٍ رَجُلٌ مَجْدُومٌ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى
 اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّا قَدْ بَايَعْنَاكَ فَارْجِعْ

Maksudnya: “Dalam delegasi daripada Bani Thaqif terdapat seorang lelaki yang terkena penyakit kusta. Maka Rasulullah SAW mengutuskan seorang utusan untuk menyampaikan berita kepadanya bahawa: Kami telah menerima bai’ah kamu, maka pulanglah.”

Riwayat Muslim (2231)

Menurut Imam al-Nawawi di sana terdapat dua hadith yang dilihat terdapat percanggahan dalam berinteraksi dengan orang yang mempunyai penyakit kusta ini. Kebanyakan para ulama’ cenderung kepada menghimpunkan di antara dua riwayat tersebut dengan menyatakan arahan Nabi SAW agar menjauhi atau melarikan diri daripada orang yang berpenyakit kusta ini adalah bersifat sunat bagi tujuan berhati-hati dan bukannya bersifat wajib. (Lihat **al-Minhaj**, 14/228)

Tambahan pula, selaras dengan arahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar meminimumkan sentuhan seperti bersalaman ini kerana virus tersebut mampu tersebar dengan cara tersebut. Oleh sebab itu, kami amat menyokong seruan KKM agar bersalaman itu dilakukan dengan cara mengisyaratkan tangan ke dada bagi tujuan mengelakkan bersentuhan.

Di samping itu, kita juga digalakkan untuk mengucapkan salam ketika mengisyaratkan tangan ke dada dengan disertakan senyuman. Ini kerana, memberi salam dan melontarkan senyuman merupakan sunnah yang amat dianjurkan oleh Nabi SAW sebagaimana di dalam sabdanya:

• **Daripada Abdullah bin ‘Amr bin al-Ash R.A berkata:**

أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ؟
 قَالَ: تُطْعِمُ الطَّعَامَ، وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ، وَعَلَى مَنْ
 لَمْ تَعْرِفْ

Maksudnya: “Seorang lelaki telah bertanya Rasulullah SAW: Islam manakah yang paling baik? Nabi SAW bersabda: “Kamu memberi makan dan mengucapkan salam kepada orang yang kamu kenal atau yang tidak kamu kenal.”

Riwayat al-Bukhari (5767)

• **Daripada Abu Zar R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:**

لَا تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا، وَلَوْ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهِ طَلِقٍ

Maksudnya: “Janganlah kamu menganggap remeh apa-apa amalan yang baik walaupun kebaikan itu dengan sekadar menunjukkan muka yang manis (senyum) ketika bertemu dengan saudaramu.”

Riwayat Muslim (2626)

Melihat kepada beberapa pertimbangan di atas, maka **kami cenderung kepada tidak bersalaman buat masa ini sehingga keadaan kembali seperti sediakala. Akan tetapi, bersalaman boleh dilakukan dengan cara mengisyaratkan tangan ke dada sepertimana yang telah kami jelaskan di atas.**

Mentaati Pemerintah dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

S: Dalam menghadapi COVID-19, apakah pemahaman asas dalam isu ketaatan kepada pemimpin dalam usaha mengelakkan kemudaratan yang lebih besar kepada masyarakat?

J: Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
 الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: *Wabai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.*

Surah al-Nisa' (59)

Ibn Kathir dalam menjelaskan ayat ini menyebut bahawa *Ulil Amri* mencakupi *umara'* (pemerintah) dan juga *ulama'* (ahli ilmu agama). Makna ketaatan kepada *Ulil Amri* adalah dalam rangka ketaatan kepada Allah dan bukan dalam perkara maksiat. (Lihat *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 2/250)

Ketaatan ini telah *diquaidkan* atau *dimuqayyadkan* (diikat/dibataskan) dengan nas hadith Nabi SAW:

لَا طَاعَةَ لِمَخْلُوقٍ فِي مَعْصِيَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: *Tiada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Allah Azza wa Jalla.*

Riwayat Ahmad (1095)

Apa yang diperintahkan oleh pemerintah, biasanya ia akan terkait dan terikat dengan maslahat. Tanpa maslahat, ia tidak akan dilakukan seperti itu oleh mana-mana pemerintah, lebih-lebih lagi yang bersifat kepedulian terhadap kemaslahatan rakyat. Kaedah menyebut:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوَّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya: *"Sebarang bentuk arahan, tindakan, pelaksanaan oleh mana-mana pemerintah terhadap rakyat hendaklah diikat dengan maslahat."*

Maka masalah yang terwujud dalam isu Perintah Kawalan Pergerakan ini tidak lain adalah bagi mengekang penularan wabak COVID-19 kerana ia termasuk dalam kes berjangkit sekiranya tiada kawalan intensif terhadap sekatan penyebaran virus. Justeru, keputusan telah diambil bagi mengawal pergerakan agar penyakit atau wabak ini tidak tersebar.

Lantaran itu, inilah sebahagian daripada apa yang telah diputuskan. Ia bukan dilakukan oleh pemerintah di Malaysia sahaja, malah kaedah ini telah diterima pakai di seluruh dunia, iaitu apa yang disebut sebagai *lock down* atau juga *Movement Control Order* (Perintah Kawalan Pergerakan). Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) juga telah mengiktiraf perkara ini. Justeru, perbuatan atau arahan ini boleh dikatakan telah disepakati di kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, China, Itali malah Saudi dan Mesir juga turut mengambil langkah seperti ini. Kebersamaan dunia dalam mengatasi isu COVID-19 ini dengan cara *lock down* serta dengan apa yang disebut ‘duduk di rumah’ ini telah diterima pakai atau dalam istilah usul feqahnya telah menjadi seperti *ijma’*. Mereka telah bersepakat bahawa ia adalah salah satu daripada caranya.





“ **Kebersamaan dunia dalam mengatasi isu COVID-19 ini dengan cara lock down serta dengan apa yang disebut ‘duduk di rumah’ ini telah diterima pakai atau dalam istilah usul feqahnya telah menjadi seperti *ijma*’.**

Apabila kerajaan mengeluarkan arahan seperti ini, sepatutnya kita semua mesti taat dan mesti patuh. Namun, mungkin timbul sedikit masalah iaitu bagaimana cara kita menyelesaikan masalah peribadi dan keluarga seperti makanan, barangan keperluan asas dan seumpamanya. Tetapi, kerajaan juga telah mengeluarkan arahan yang cukup jelas, iaitu jika keluar cukuplah hanya ketua keluarga secara berseorangan pergi membeli dan kemudian terus pulang. Tidak perlu membawa bersama isteri dan ahli keluarga yang lain.

Justeru, tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan sewajarnya kita taat dan patuh. Alhamdulillah, saya ucapkan syabas kepada rakyat Malaysia kerana kejayaan luar biasa sehingga berjaya mencapai peratusan duduk di rumah yang tinggi.

S: Apa nasihat Datuk berkenaan mereka yang sedang berkira-kira untuk pergi ke kelas agama, kelas mengaji al-Quran untuk mendapatkan ilmu agama, tetapi tidak dapat melakukannya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini sedangkan itu juga penting.

J: Alhamdulillah, dengan kecanggihan teknologi yang ada pada masa kini, saya melihat bahawa tidak timbul lagi masalah dalam hal ini. Pembelajaran masih boleh diteruskan melalui kaedah *online* seperti melalui saluran Youtube, Facebook dan sebagainya. Bahkan sudah ada pihak yang telah mengusahakan talaqqi al-Quran melalui aplikasi Facebook dan Zoom. Melalui platform ini, seseorang boleh berinteraksi antara satu sama lain dan pembetulan bacaan dapat dibuat dengan jelas. Justeru, inilah perkara yang sepatutnya kita cuba aplikasikan dalam situasi seperti ini.

Pada masa yang sama, saya berpendapat ibu dan bapa perlu memainkan peranan dengan menjadi jurubicara dan juga guru kepada anak-anaknya. Sebagai contoh, kita boleh mengambil beberapa buah buku dari perpustakaan peribadi di rumah kita untuk dibaca bersama anak-anak. Saling bertukar-tukar maklumat dan ilmu, maka itu juga menjadi satu aktiviti yang baik untuk dilakukan bersama keluarga.

Kita juga tahu pada zaman sekarang, dengan menggunakan telefon pintar atau pelbagai gajet, kita sudah boleh melayari internet untuk



memperoleh pelbagai kandungan ilmu yang bermanfaat. Kita juga boleh mengisi masa dengan menonton siaran TV seperti dalam TV al-Hijrah yang memungkinkan kita untuk mendapat ilmu misalnya melalui slot Cinta Ilmu, Coffee with Mufti dan lain-lain.

Niat kita untuk datang kepada ilmu juga adalah satu ibadat, bahkan diberi ganjaran pahala oleh Allah SWT sepertimana disebut:

نِيَّةُ الْمُؤْمِنِ خَيْرٌ مِنْ عَمَلِهِ

Maksudnya: *“Niat seorang yang beriman itu lebih baik dari amalannya.”*

Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu’jam al-Kabir (5942). Al-Baihaqi menyebut sanad hadis ini dha’if. Al-‘Ajluni pula mengisyaratkan bahawa hadis ini dha’if dalam *Kasyf al-Khafa’*.

Ini dengan maksud boleh jadi niat seseorang yang beriman itu lebih baik daripada amalannya. Imam al-Baihaqi menjelaskan bahawa niat seorang mukmin itu (boleh menjadi) lebih baik daripada amalannya kerana niat itu tidak dimasuki kerosakan, manakala amalan boleh jadi masuk kerosakan padanya. Dikatakan, niat tanpa amal, boleh menjadi satu ketaatan. Sedangkan amalan tanpa niat maka tidak menjadi satu ibadat ketaatan. (Lihat **Syu’ab al-Iman**, 5/343)

Justeru, saya ingin menasihatkan orang ramai agar bersabarlah dalam tempoh yang singkat ini dan lakukanlah pelbagai cara alternatif yang ada dalam usaha mendapatkan ilmu.

S: Apakah hukum seseorang membeli barangan dengan banyak atau disebut sebagai ‘pembelian panik’ dengan beralaskan Perintah Kawalan Pergerakan yang lama sedangkan bekalan terhad?

J: Dalam isu seperti ini, saya suka nyatakan bahawa dalam kehidupan bersosial dan bermasyarakat – kita sebagai rakyat Malaysia sebagai contoh – perlulah menganggap saudara kita, rakan kita dan juga rakyat yang lain sebagai saudara-saudara kita juga. Dalam keadaan barangan yang kadang-kadang terhad, dari sudut sekiranya kita membelinya dalam kuantiti yang banyak bahkan melebihi keperluan, akan menyebabkan orang lain tidak dapat membeli, maka cara itu adalah tidak tepat. Bagaimana kita ingin mengamalkan nas Ilahi yang menyebut:

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Maksudnya: *“Dan mereka mengutamakan (orang-orang Mubajirin), atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan dan amat berhajat.”*

Surah al-Hasyr (9)

Imam al-Qurtubi menyebut berkenaan ayat ini: “Terdapat seseorang yang didatangi tetamu yang hendak menginap, sedangkan dia tidak mempunyai makanan kecuali makanan untuk anak-anaknya. Maka dia katakan kepada isterinya: “Tidurkanlah anak-anak, matikan lampu dan hidangkan makanan untuk tetamu kita.” Maka turunlah ayat di atas. (Lihat **al-Jami’ li Ahkam al-Quran**, 24/18)

Maksud ayat ini, mereka sanggup mengorbankan diri mereka sendiri walaupun mereka menghadapi kesukaran. Justeru, railah saudara senegara kita. Jangan lakukan pembelian panik. Tetapi tanamkan dalam fikiran kita, sebagaimana saya hendak berasa selesa, kawan dan sahabat saya juga perlu berasa selesa. Melainkan jika sesuatu barang itu teramat banyak dan lebih, di mana sekiranya kita beli pun tidak akan menyebabkan bekalan terputus serta sahabat-sahabat kita yang lain turut boleh membelinya, maka bolehlah membeli mengikut kadar yang kita rasa perlu untuk bertahan mengikut kesesuaian.



S: Apakah nasihat Datuk berkenaan aktiviti yang umat Islam perlu lakukan di rumah dalam tempoh kuarantin ini?

J: Dalam isu seperti ini, perkara pertama adalah berkaitan masalah pengurusan masa. Allah SWT berfirman:

وَالْعَصْرِ

Maksudnya: *"Demi Masa!"*

Surah al-Asr (1)

Syeikh Muhammad Ali al-Sobuni menerangkan bahawa masa adalah antara penyebab kepada kebahagiaan manusia atau kebinasaannya dalam kehidupan. Ia juga menunjukkan dalil-dalil kepada kekuasaan Allah dan hikmahnya. (Lihat **Safwah al-Tafasir**, 3/578)

Justeru, di sinilah kita perlu mengambil peluang membina satu masa yang berkualiti bersama keluarga. Ramai yang selalu bercakap tentang sibuknya mereka sama ada di waktu pagi dan petang, siang dan malam. Sedangkan seorang pujangga¹⁶ pernah menyebut:

16. Beliau ialah Muhammad bin Yazid al-Mubarrid. Lahir pada tahun 210 H di Basrah dan meninggal pada tahun 286H. Seorang yang terkenal dalam pelbagai cabang ilmu terutamanya bahasa dan sastra.

نُروُحٌ وَنَعْدُو لِحَاجَاتِنَا وَحَاجَاتُ مَنْ عَاشَ لَا تَنْقِضِي ،
تَمُوتُ مَعَ الْمَرْءِ حَاجَاتُهُ وَتَبْقَى لَهُ حَاجَةٌ مَا بَقِيَ

“Kita berpetang dan berpagian dengan hajat kita sedangkan hajat orang hidup tidak berkesudahan.

Matinya seseorang bersama hajatnya sedangkan hajatnya masih lagi kekal yang belum diselesaikan.”

Jadi, apabila ada masa terluang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, apa yang kita ingin lakukan? Antaranya, pastikan solat berjemaah dilakukan bersama ahli keluarga. Mereka yang selalu menyebut bahawa tidak dapat solat di masjid kerana sukar, maka sekarang kita boleh lakukan solat berjemaah bersama keluarga.



Kedua, kita boleh membaca al-Quran beramai-ramai, saling memperbetulkan bacaan serta boleh mentadabbur ayat al-Quran. Begitu juga dengan membaca buku. Kata ulama' seperti Abdullah bin al-Mubarak, ambillah kitab atau buku dan bacalah bagi menambahkan ilmu pengetahuan. Selain itu, kita juga boleh menonton siaran TV seperti di saluran TV al-Hijrah bagi mendapatkan ilmu dan maklumat yang terbaik.

Oleh itu, gunakanlah masa dengan sebaik-baiknya bersama ahli keluarga dalam mentahqiqkan hadith Nabi SAW, di mana sabda Baginda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya: *Sebaik-baik kalian adalah yang baik kepada ahli keluarganya dan aku merupakan yang terbaik dalam melayan ahli keluargaku.*

Riwayat Ibn Majah (1977) dan al-Tirmizi (3895)

Hadith di atas merupakan salah satu bukti keagungan dan keindahan ajaran Islam yang menganjurkan orang lelaki khususnya para suami untuk berbuat baik kepada ahli keluarga yang meliputi isteri, anak-anak, kaum kerabat, dan selainnya. Syeikh Muhammad bin Abd al-Rahman al-Mubarakfuri dalam menjelaskan hadith ini berkata: laitu berbuat baik kepada kaum keluarganya dan juga mereka yang mempunyai hubungan silaturrahim dengannya. Menurut pendapat lain: laitu kepada isterinya dan juga kaum kerabatnya. (Lihat **Tuhfat al-Ahwazi**, 10/269)

Justeru, lakukanlah aktiviti dan perkara-perkara yang bermanfaat dan yang sebaiknya. Dalam situasi sekiranya majikan telah memberikan satu tanggungjawab agar bekerja dari rumah, maka hendaklah melaksanakan kerja tersebut.

Solat Jamak kepada Petugas Barisan Hadapan (Frontliner)

S: Terdapat petugas dan doktor yang mengendalikan pesakit COVID-19 menggunakan sut baju khas. Mungkin juga mereka tidak cukup masa untuk solat. Bolehkah mereka menunaikan solat secara jamak?

J: Semasa kami di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, soalan seperti ini kami telah kemukakan jawapannya. Antaranya ada dalam bab yang kita sebut darurat yang memungkinkan seseorang itu jamak.



Dalam sebuah hadith daripada Ibn ‘Abbas R.Anhuma, Nabi SAW pernah solat tanpa sebarang sebab kegawatan atau perasaan takut dan tanpa sebab hujan. Ibn ‘Abbas R.Anhuma berkata:

جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ ،
 وَبَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالْمَدِينَةِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ ،
 قَالَ : فَقِيلَ لِابْنِ عَبَّاسٍ : مَا أَرَادَ بِذَلِكَ ؟ قَالَ : أَرَادَ
 أَنْ لَا يُجْرِجَ أُمَّتَهُ

Maksudnya: “Rasulullah SAW menjamakkan di antara solat Zohor dengan Asar dan di antara solat Maghrib dengan Isyak di Madinah tanpa ada kegawatan dan bukan kerana hujan. Lalu ditanya kepada Ibnu Abbas : Apa tujuan Nabi buat sedemikian rupa?. Ibnu Abbas berkata : Baginda tidak ingin menyusahkan umatnya.”

Riwayat al-Tirmizi (187), al-Nasai'i (1574)





Sheikh Abdurrahman al-Mubarakfuri menyebut, sesiapa yang ada keuzuran maka diharuskan untuk dia menjamakkan solat. Adapun bagi mereka yang ada keuzuran akan tetapi tidak mahu menjamakkan solat sehingga meninggalkan solat maka dia berdosa tanpa syak lagi. (Lihat **Tuhfah Al-Ahwazi Syarah Jami' Al-Tirmizi**, 2/205)

Maka dapat difahami daripada hadis tersebut bahawa jika ada sebab keuzuran, atau kegawatan dan juga sekiranya terdapat urusan yang mendesak maka lebih utama baginya menjamakkan solat.

Imam al-Nawawi menukilkan pandangan sebahagian ulama mazhab al-Syafi'i seperti al-Qadhi Husain, Abu Sulaiman al-Khattabi, al-Ruyani, Abu Qasim al-Rafi'i dan lain-lain. Mereka menyatakan bahawa harus untuk menjamakkan solat kerana keadaan yang gawat, ketakutan dan sakit. Boleh dilakukan sama ada secara taqdim dan ta'khir. Keluasan ini diberikan adalah kerana ingin memberikan keringanan kepada mereka yang terlibat atau ditimpa sebab-sebab tersebut. Bahkan keadaan seperti gawat dan takut adalah lebih utama daripada hujan. (Lihat **al-Majmu' Syarh al-Muhazzab**, 4/263)



Berdasarkan hadith di atas juga, al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani mengqiyaskan dengan kebolehan melakukannya tetapi bukan bersifat adat atau kebiasaan, tetapi kerana wujudnya sebab-sebab tertentu.

Atas asas ini, jika dalam situasi petugas-petugas yang merawat pesakit COVID-19, di mana dengan faktor pekerjaan yang terlalu padat dan ketat, serta dalam keadaan masa yang begitu terhad, maka para ulama' menyatakan harus untuk jamak ketika dalam keadaan seperti itu.

Pengurusan Jenazah

S: Berkaitan isu pengurusan jenazah pesakit COVID-19, adakah memadai dengan tayammum tanpa perlu dimandikan? Apakah yang patut difahami tentang pengurusan jenazah yang paling asas dalam isu wabak COVID-19 ini?

J: Pada asasnya, jika jenazah dalam keadaan biasa dan bukan sebagai pesakit COVID-19, maka hendaklah dilakukan ke atasnya empat perkara. Pertama, memandikan. Kedua, mengkafankan.



Ketiga, menyembahyangkan iaitu melaksanakan solat jenazah ke atasnya. Keempat, mengebumikannya. Ini adalah asas fardu kifayah menurut *ijma'* para ulama' tanpa khilaf. (Lihat ***al-Majmu' Syarh al-Muhazzab***, 5/104)

Akan tetapi, dalam isu penyakit yang berjangkit seperti ini di mana ia boleh memberi kesan kepada orang yang memandikan dan mengebumikannya, maka Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 15 Mac 2020 telah memutuskan bahawa dibolehkan untuk dilakukan tayammum sahaja sebagai menggantikan proses memandikan.

Dalam rangka untuk mengemukakan jawapan seperti ini, kita mengamalkan satu kaedah yang menyebut:

الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرْعٌ عَنْ تَصَوُّرِهِ

Maksudnya: *“Mengbukum sesuatu perkara adalah cabang daripada gambaran mengenainya.”*

Begitu juga Nas Illahi turut menyebut:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *“Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetabui.”*

Surah al-Nahl (43)

Justeru, kami telah berbincang dengan panjang lebar bersama Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan isu ini. Pakar-pakar perubatan termasuklah pakar kawalan penyakit berjangkit juga turut hadir sebanyak dua kali ke Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan – ketika saya masih menjadi Mufti – untuk kita adakan sesi penerangan dan soal jawab dan bertanya kepada mereka. Kemudian – pada masa itu – kita telah mengambil satu garis panduan yang kelihatan jelas.

Selepas itu, datang pula satu pandangan yang lain yang menyatakan betapa besarnya kesan dan bahaya wabak ini. Oleh itu, pandangan pertama yang ingin dikemukakan kelihatan tidak munasabah dan mudaratnya cukup besar, terutamanya kepada

tukang mandi mayat yang biasanya bukan dari kalangan ahli perubatan. Akhirnya, dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 15 Mac 2020, kita putuskan bahawa mereka hanya ditayammum sahaja. Ini mengambil kira pandangan fatwa yang diputuskan terdahulu. Fatwa ini dilihat sesuai kerana penyakit yang berjangkit ini cukup sukar untuk diatasi.

Dalam Islam, terdapat pengecualian dan kelonggaran (*rukhsah*) kepada hukum sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada nyawa manusia. Kemudaratan ini mestilah mengikut asas pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak pengamal perubatan seperti doktor perubatan, pakar forensik dan lain-lain. *Rukhsah* ini terpakai dalam keadaan sekiranya terdapat risiko tinggi berlakunya jangkitan COVID-19 yang boleh membawa maut kepada orang yang menguruskan jenazah melalui kontak secara langsung dengan air mandian yang telah dicemari dengan cairan badan daripada jenazah seperti darah, muntah, najis, air kencing dan



Kenyataan terbaru oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham, bahawa virus COVID-19 ini juga terdapat pada permukaan badan pesakit atau si mati. Justeru pendapat ditayammum di atas *body bag* amat bertepatan dengan masalah.



sebagainya. Oleh itu, jenazah tersebut bolehlah diuruskan melalui prosedur tayammum sebagai ganti kepada mandi wajib.

Secara jelas, kaedahnya adalah apabila berlaku sesuatu kematian, maka mayat itu akan diletakkan di dalam *body bag*, ditutup, kemudian ditayammum di atas *body bag* tersebut.

Kenyataan terbaru oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham, bahawa virus COVID-19 ini juga terdapat pada permukaan badan pesakit atau si mati. Justeru pendapat ditayammum di atas *body bag* amat bertepatan dengan masalah.

Saya mengesyorkan kepada ustaz-ustaz yang terlibat, contohnya di Wilayah Persekutuan, apabila selesai sahaja proses ini, terus dilaksanakan solat jenazah ke atasnya. Kemudian diberikan kawalan yang ketat dan terus dibawa ke tanah perkuburan. Hadkan juga mereka yang dibenarkan untuk menziarahi dan menghadirinya.

Sesampai di tanah perkuburan, hendaklah terus dikebumikan. Kita tidak mahu jenazah itu dibawa dahulu pulang ke rumah atau ke masjid. Jika boleh, kita mengambil semangat hadis Nabi SAW tentang menyegerakan pengebumian jenazah. Ini sepertimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda:

أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ

Maksudnya: “Hendaklah kamu bersegera dengan urusan jenazah.”


Riwayat Muslim (944)

Imam al-Nawawi dalam menjelaskan hadith ini menyebut: “Pada hadis ini terdapatnya arahan untuk menyegerakan (pengurusan jenazah) disebabkan hikmah yang telah disebut oleh Rasulullah SAW.” Kata beliau lagi: “Telah berkata para *ashab* kami: Disunatkan untuk bersegera dengan membawanya (jenazah) selama mana tidak tamat tempoh yang ditakuti buruknya jenazah.” (Lihat ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim***, 7/13)

Saya juga mengesyorkan bagi mereka yang berada jauh dari jenazah, maka lakukanlah solat jenazah ghaib. Ini adalah lebih baik sebagai meraikan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan.

Untuk penjelasan lebih terperinci, bolehlah merujuk kepada **Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam (COVID-19)** yang telah disediakan oleh JAKIM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, JAWI dan Kementerian Kesihatan Malaysia.¹⁷

17. Lihat di laman web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di pautan berikut: <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/2380-garis-panduan-tatacara-pengurusan-jenazah-orang-islam-covid-19>



Insyallah, Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan arahan kepada pihak JAKIM dengan kerjasama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan untuk merakamkan satu video mengenai bagaimana cara pengurusan menggunakan kaedah tayammum bagi memberi gambaran yang setepatnya.

S: Jika kita mendapat berita berkenaan kematian ahli keluarga atau orang kampung yang meninggal kerana COVID-19, adakah salah jika kita tidak pergi menziarahi jenazah?

J: Dalam masalah dan situasi seperti ini, terdapat dua pertimbangan. Pertama, apabila kita tidak pergi, maka ia boleh difahami oleh sahabat handai dan rakan taulan. Ini ditambah dengan situasi Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan menjadikan mereka maklum bahawa perkara ini merupakan satu arahan.

Kedua, dalam hal ini juga kami menyatakan, bagi kaum kerabat yang hampir, yang terpaksa menguruskan jenazah, maka janganlah membiarkan mayat terbiar tidak dikebumikan. Ini kerana hak itu tetap ada sebagai fardu kifayah. Justeru, raikanlah mengikut apa yang sepatutnya iaitu dengan:

- **Memandikan di mana ganti kepada proses mandi adalah dengan ditayammum di atas *body bag*.**
- **Mengkafankan dengan memasukkan ke dalam *body bag*.**
- **Menyembahyangkannya.**
- **Mengebumikannya.**

Ini adalah fardu kifayah yakni wajib bagi sebahagian dari kalangan masyarakat menguruskan jenazah tersebut.

Adapun yang tidak pergi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan, maka adalah difahami. Ini kerana dalam hal ini, ia termasuk dalam fardu kifayah.



S: Orang yang mati dengan sebab wabak COVID-19, adakah dianggap sebagai syahid? Bagaimana pula dengan rakan-rakan Jemaah Tabligh?

J: Bagi menjawab persoalan di atas, kami nyatakan hadith Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

الشُّهَدَاءُ خَمْسَةٌ: الْمَطْعُونُ، وَالْمَبْطُونُ، وَالْغَرِيقُ، وَصَاحِبُ
 الْهَدْمِ، وَالشَّهِيدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: “Orang yang mati syahid ada lima golongan iaitu orang yang mati kerana taun (wabak), mati kerana penyakit perut, mati lemas, mati dtimpa runtuban dan mati syahid di jalan Allah.”

Riwayat al-Bukhari (2829) dan Muslim (1914)

Di dalam riwayat yang lain bahawa Baginda SAW bersabda:

مَنْ قُتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَهُوَ شَهِيدٌ، وَمَنْ مَاتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
 فَهُوَ شَهِيدٌ، وَمَنْ مَاتَ فِي الطَّاعُونِ فَهُوَ شَهِيدٌ، وَمَنْ مَاتَ
 فِي الْبَطْنِ فَهُوَ شَهِيدٌ

Maksudnya: “Sesiapa yang dibunuh di jalan Allah ialah orang yang syahid, sesiapa yang mati kerana taun juga ialah orang yang syahid dan sesiapa yang mati kerana penyakit perut juga ialah orang yang syahid.”

Riwayat Muslim (1915)

Begitu juga, hadith yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

الطَّاعُونَ شَهَادَةٌ لِكُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya: *“Wabak taun itu adalah (penyebab) mati syahid bagi setiap Muslim.”*

Riwayat al-Bukhari (2830) dan Muslim (1916)

Hadith-hadith di atas jelas menunjukkan bahawa orang Islam yang mati kerana wabak (taun) dianggap sebagai mati syahid. Kurniaan gelaran syahid ini dianugerahkan sendiri oleh Baginda SAW sebagaimana yang dapat kita lihat menerusi hadith-hadith tersebut.

Imam al-Nawawi menyebutkan bahawa kesemua jenis kematian itu dianggap sebagai mati syahid disebabkan kelebihan kurniaan Allah SWT (kepada mereka) kerana dahsyatnya kesakitan dan kepedihan kematian tersebut yang ditanggung mereka. (Lihat ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim***, 5/550)

Oleh itu, kita ketahui bahawa mati kerana wabak taun adalah termasuk dalam syahid di akhirat tetapi tidak di dunia. Ini bermakna bagi mereka di akhirat pahala mati syahid tetapi di dunia mereka masih perlu dimandikan dan disolatkan. Mengenai ini, Imam al-Nawawi menukulkan bahawa: *“Syahid yang dimaksudkan ialah mereka semua kecuali yang gugur di jalan Allah, kelak di akhirat akan mendapat pahala mati syahid.*

Adapun di dunia mereka masih perlu dimandikan dan disolatkan (tidak seperti yang gugur di jalan Allah).” (Lihat **al-Minhaj Syarah Sahih Muslim**, 5/550)

Bolehkah Covid-19 Dikategorikan Sebagai Taun?

Dalam menjawab isu ini kami kongsiikan beberapa definisi taun seperti yang disebutkan oleh para ulama *lughah* (bahasa). Antaranya ialah :

- Al-Jauhari mengatakan : Taun merujuk kepada kematian yang meliputi umum sama seperti wabak.
- Syeikh Ibrahim al-Harbi dalam kitab **Gharib al-Hadith** pula menyatakan : Wabak adalah taun dan juga penyakit yang meliputi umum.
- Ibn Al-‘Arabi pula menyatakan dalam **Syarah al-Tirmizi** : Dinamakan sebagai taun kerana musibahnya meliputi umum serta cepat berlaku kematian disebabkan nya. Maka penyakit-penyakit yang seumpamanya turut termasuk sebagainya (taun). (Lihat **Bazl Al-Ma’un**, hlm. 95)

Maka seperti yang diketahui umum Covid-19 merupakan virus yang merebak serta membawa kepada penyakit-penyakit berjangkit yang boleh membawa kepada kematian dalam skala yang besar. Justeru, berdasarkan ciri-ciri ini maka ia boleh dianggap sebagai taun sepertimana yang disebutkan dalam

riwayat-riwayat yang sah.

Berkeenaan dengan jemaah Tabligh, mereka juga dianggap sebagai syahid apabila mati disebabkan wabak taun. Ini kerana ketika *ijtima'* dijalankan pada masa itu, belum lagi diperintah untuk PKP. Keduanya, mereka hadir ke *ijtima'* tersebut semata-mata untuk mendengar sejumlah maklumat *Bayan* dan ilmu tanpa niat untuk menyebarkan dan pada masa yang sama tidak mengetahui akan keberadaan wabak COVID-19 ketika itu. Semoga Allah mengampuni dosa kita dan dosa mereka. Amin.

Kesimpulannya:

Berdasarkan kepada perbahasan dan perbincangan di atas, kami menyimpulkan bahawa sesiapa yang meninggal dunia kerana wabak Covid-19 ini dianggap sebagai mati syahid sebagaimana yang telah difahami daripada hadis-hadis yang sah. Namun, syahid yang dimaksudkan di sini ialah syahid akhirat iaitu mendapat pahala syahid di hari akhirat kelak. Adapun semasa di dunia, jenazah mereka masih perlu diuruskan seperti biasa iaitu perlu dimandikan dan disolatkan.

Kurniaan gelaran syahid kepada mereka ini sebenarnya dianugerahkan sendiri oleh Rasulullah SAW berdasarkan riwayat-riwayat yang sahih. Namun, hakikatnya hanya Allah SWT jualah yang Maha Mengetahui hakikat seseorang itu sama ada syahid ataupun sebaliknya. Walau bagaimanapun, kita terus berdoa kepada Allah SWT, agar menerima saudara-saudara seagama kita yang terkorban kerana Covid-19 ini sebagai mati syahid di sisi-Nya.



Berdasarkan kepada perbincangan dan perbincangan di atas, kami menyimpulkan bahawa sesiapa yang meninggal dunia kerana wabak Covid-19 ini dianggap sebagai mati syahid sebagaimana yang telah difahami daripada hadith-hadith yang sahih

Infaq kepada Tabung COVID-19

S: Apakah hukum memberikan Infaq pada Tabung COVID-19?

J: Pada 11 Mac 2020, kerajaan Malaysia telah melancarkan satu tabung khas bagi memberi bantuan kewangan kepada pihak yang memerlukan. Seperti yang diketahui, kes COVID-19 menelan belanja dan kos pemulihan serta pengurusan yang agak besar merangkumi kos perbelanjaan perubatan, kemudahan dan alat bantuan pernafasan, kos pakaian khas bagi petugas-petugas COVID-19, serta kos-kos lain. Selain itu, kes COVID-19 ini juga memberi kesan ke atas mana-mana individu yang disahkan positif dari sudut kewangan, mereka ini terpaksa dikuarantinkan lalu menyebabkan mereka tidak dapat memperoleh sebarang pendapatan untuk menampung kehidupan seharian mereka sepanjang tempoh kuarantin tersebut.



Langkah kerajaan menubuhkan Tabung COVID-19 adalah langkah yang sesuai dan proaktif bagi meringankan beban mereka yang terkesan di samping boleh juga digunakan bagi membantu kos-kos perbelanjaan yang lain. Kerajaan juga turut menggalakkan pihak swasta, badan sukarela serta orang perseorangan untuk memberikan sumbangan kepada tabung ini demi keprihatinan terhadap kebajikan rakyat yang terkesan dengan penularan COVID-19.

Justeru, sebarang derma atau pemberian yang disalurkan bagi tujuan kebajikan dengan niat yang ikhlas lagi murni, serta mengharapkan balasan Allah SWT

tanpa mengharapkan apa-apa balasan maka ia adalah suatu bentuk infaq pada jalan Allah SWT (setiap perkara yang mendekatkan diri kepada Allah SWT dan juga jalan kebaikan), di samping ia juga sebagai suatu sedekah dan suatu amal yang amat dituntut di dalam Islam. (Lihat *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, 24/166)



Syeikh Muhammad al-Zuhaili menyatakan di dalam kitabnya, pemberian pada dasarnya atau secara umumnya adalah pemilikan tanpa pertukaran yakni pemberian semata-mata sama ada untuk golongan kaya atau fakir, dengan tujuan mendapat pahala atau tidak, sama ada berlakunya perpindahan barangan ataupun tidak. Dan sekiranya sesuatu pemberian itu adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, mengharapkan ganjaran

pahala di Akhirat maka ia adalah sedekah. (Lihat **al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie**, 3/175) Maka, dari sini, dapat kita membezakan di antara pemberian mutlak dan juga sedekah. Kedua-duanya adalah perkara yang baik, namun sedekah dengan niat yang betul dan kerana Allah SWT boleh mendatangkan pahala manakala pemberian tanpa apa-apa niat maka ia hanyalah sekadar pemberian semata.

Terdapat banyak dalil daripada al-Quran dan juga hadith Nabi Muhammad SAW menceritakan dan juga menyatakan mengenai kelebihan bersedekah, antaranya kami dapat kongsi di sini:

Pertama : Allah SWT melipat-gandakan pahala orang-orang yang bersedekah.

- Firman Allah SWT:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ
سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ
يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

Surah al-Baqarah (261)

Kedua : Pahala untuk diri sendiri.

- Firman Allah SWT:

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلِأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ
 اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُؤَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan apa jua barta yang balal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pabalanya) adalah untuk diri kamu sendiri dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah dan apa jua yang kamu dermakan dari barta yang balal, akan disempurnakan (balasan pabalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan.”

Surah al-Baqarah (272)

Ketiga : Sedekah dibalas dengan kecukupan.

- Firman Allah SWT:

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُؤَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا
 تُظْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.”

Surah al-Anfal (60)

Keempat : **Darjat lebih tinggi di sisi Allah SWT.**

- Firman Allah SWT:

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

Maksudnya: “(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sabaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

Surah al-Taubah (20)



Kelima : Mendekatkan diri kepada Allah SWT.

- Firman Allah SWT:

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَتَّخِذُ مَا
يُنْفِقُ قُرْبَاتٍ عِنْدَ اللَّهِ وَصَلَوَاتِ الرَّسُولِ أَلَا إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَهُمْ
سَيُدْخِلُهُمُ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Dan sebahagian dari orang-orang Arab itu ada yang beriman kepada Allah dan hari akbarat, dan memandang apa yang mereka dermakan (pada jalan Allah itu) sebagai amal-amal bakti (yang mendampirkan) di sisi Allah dan sebagai (satu jalan untuk mendapat) doa dari Rasulullah (yang membawa rahmat kepada mereka). Ketabuilah, sesungguhnya apa yang mereka dermakan itu adalah menjadi amal bakti bagi mereka (yang mendampirkan mereka kepada Allah); Allah akan masukkan mereka ke dalam rahmatNya; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Surah al-Taubah (99)

Berdasarkan kepada nas ayat-ayat al-Quran ini, jelaslah bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk bersedekah atau menginfakkan harta pada jalan Allah SWT. Justeru dalam hal ini, kami melihat bahawa Tabung COVID-19 ini merupakan sebuah usaha yang baik oleh pihak kerajaan bagi membantu rakyat yang memerlukan. Maka, berilah sumbangan pada tabung ini dengan niat yang baik, hati yang ikhlas, tanpa unsur *riya'* dan juga menunjuk-nunjuk, dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

S: Bagaimanakah keutamaan pengagihan dilakukan menerusi tabung-tabung bantuan seperti Musa'adah COVID-19 dan tabung-tabung masjid dalam membantu mereka yang terjejas kerana wabak ini?

J: Alhamdulillah, berdasarkan kepada gerak kerja yang dilakukan, kita dapati wujud kerjasama yang cukup erat antara sekretariat. Pengagihan kepada mereka yang memerlukan adalah bersasar dan mengikut apa yang telah dikemukakan. Hal ini tercapai apabila berlaku satu penyelarasan dengan sekretariat-sekretariat yang terlibat. Sebagai contoh, kita berikan bantuan dan sumbangan kepada golongan asnaf, gelandangan, golongan yang menjalani rawatan pemulihan di Rumah Pengasih, golongan yang cuba untuk berubah dari komuniti transgender dan lain-lain. Justeru, pengagihan tersebut berlaku tanpa mengabaikan kumpulan-kumpulan seperti ini.

Saya dapati agensi seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga turut mensasarkan golongan-golongan tertentu apabila wujudnya kolaborasi dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan seumpamanya dalam menentukan siapa yang berhak menerima agihan sumbangan.

Ini bermaksud, pengagihan tersebut dipastikan berlaku secara menyeluruh berdasarkan kumpulan yang memerlukan tanpa melihat kepada bangsa dan agama. Sesiapa yang perlu

dibantu, akan dibantu. Ini kerana sumber-sumber tersebut bukanlah dari satu sumber seperti zakat semata-mata, tetapi di sana ada juga sumber-sumber am. Ini berlaku dengan kerjasama oleh semua kementerian, Badan Bukan Kerajaan (NGO), para dermawan dari orang perseorangan, bank-bank, institusi-institusi dan seumpamanya yang jika hendak disenaraikan sudah tentu banyak. Kesemuanya menyatakan kesanggupan untuk sama-sama membantu dalam menangani masalah wabak ini. Pada saya, perkara ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia seperti ini. Dan saya juga melihat kepada apa yang Allah firmankan:

﴿٨﴾ وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾
 إِنَّمَا نَطْعِمُكُمْ لِرُؤْحَةِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكْرًا
 ﴿٩﴾ إِنَّا نَخَافُ مِنْ رَبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَمْطَرِيرًا

Maksudnya: Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dibajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan, (Sambil berkata dengan lidah atau dengan hati): “Sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih, “Kami sebenarnya takutkan Tuhan kami, takut Ia kenakan kami azab hari yang padanya muka orang-orang yang bersalah: masam berkerut-kerut.”

Surah al-Insan (8-10)

YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) sebanyak RM250 bilion dengan matlamat melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkukuhkan ekonomi dalam menghadapi kesan pandemik Covid-19. Ia bukan sekadar mesra rakyat malah terus kepada membantu rakyat dan bersasar. Dari situ, tampak jelas konsep keadilan yang dikemukakan.

Berkenaan tabung masjid itu, kami mengemukakan hal tersebut di Wilayah Persekutuan dan kami serahkan kepada negeri masing-masing tentang pengurusan mengikut keadaannya. Di Wilayah Persekutuan, kita mempunyai Majlis Perundangan Hukum Syarak yang telah menyebutkan beberapa *dhawabit* (garis panduan) berkenaan hal ini.

“
**Ia bukan
sekadar mesra
rakyat malah
terus kepada
membantu rakyat
dan bersasar.
Dari situ, tampak
jelas konsep
keadilan yang
dikemukakan.**



Sekiranya bagi orang yang sakit, uzur dan memerlukan, sudah tentu dibuat satu tabung yang bersifat umum berdasarkan kepada apa yang kita rasa perlu, mengikut kepada situasi sekarang ini. Hal tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan JAWI telah melaksanakan tugas tersebut dengan baik. Kita tidak mahu ada orang yang menanggung kelaparan dan kesusahan. Nabi Muhammad SAW bersabda:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ الَّذِي يَشْبَعُ وَجَارُهُ جَائِعٌ

Maksudnya: “Bukanlah sifat orang beriman sejati sesiapa yang kenyang sedangkan jirannya dalam keadaan lapar.”

Riwayat al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad* (112), al-Baihaqi dalam *Syua'ab al-Iman* (9089) dan *al-Tabarani* (12741)

Kita akan cuba untuk melaksanakannya dengan sebaik mungkin kerana Allah SWT juga telah menyebut berkenaan dengan keadilan sepertimana firman-Nya:

اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ

Maksudnya: “Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa.”

Surah al-Maidah (8)

- Firman-Nya lagi :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya).*”

Surah al-Nisa' (58)

Justeru, kita akan cuba memastikan pengagihan ini dilakukan dengan sebaiknya dan seupaya mungkin, insya Allah.



Panduan Menghadapi Wabak

S: Apakah garis panduan yang diletakkan oleh Islam dalam menangani wabak-wabak seperti COVID-19 ini?

J: Sebenarnya dalam isu seperti wabak ini, perkara pertama yang perlu kita insafi adalah ia merupakan satu ujian daripada Allah SWT yang kami telah nyatakan bahawa ia boleh dikiaskan kepada wabak penyakit taun. Maka, sebaik-baiknya bergantunglah kepada apa yang telah diputuskan oleh para pemerintah.

Jika kita melihat kepada apa yang Rasulullah SAW ajarkan, kuarantin itu adalah perkara yang amat penting. Dalam Bahasa Arab, ia dipanggil sebagai 'الحَجْرُ الصَّحِّي'. Ini telah pun dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin iaitu melalui Perintah Kawalan Pergerakan. Ia sebagai salah satu cara bagi kita mengurangkan serta membasmi wabak ini daripada tersebar dan menular dengan mudah.

Jika kita menelusuri sejarah para sahabat, dari segi praktikalnya adalah sebagaimana hadis Saidina Umar R.A yang membatalkan niatnya untuk masuk ke negeri yang menular *Taun* 'Amawas di dalamnya. Tujuannya adalah kerana beliau tidak mahu dijangkiti lalu boleh menyebabkan berkembang-biaknya gelombang wabak tersebut, dan kaedah ini adalah diterima.



Cara yang terbaik dalam isu seperti ini juga adalah dengan menjaga kesihatan. Begitu juga dengan menjaga jarak antara kita dengan sahabat-sahabat kita supaya dapat menghindarkan diri daripada dijangkiti mahupun menjangkiti orang lain. Dalam hal ini, kita melihat pada sebuah hadith, Nabi SAW bersabda:

وَفَرِّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: *“Larilah daripada penyakit berjangkit seperti mana kamu lari daripada singa.”*

Riwayat al-Bukhari (57)

Justeru, hendaklah kita berwaspada dengan mengambil sebab-sebab yang boleh menghindarkan diri kita daripada terjangkit dengan wabak ini. Langkah-langkah seperti ini adalah amat penting.

S: Bagaimanakah kita melihat dalam isu COVID-19 ini, bahawa usaha itu mesti juga diiringi dengan doa, dan doa itu mesti juga dengan usaha yang bersungguh-sungguh?

J: Jika kita memahami maksud doa, ia mesti terangkum padanya empat perkara. Pertama, sudah pasti jika kita sebut doa itu, ia dengan makna satu harapan yang tinggi. Kedua, ia mestilah berdasarkan strategi tertentu. Maka tidak boleh tanpa ada sebarang strategi. Ketiga, dengan doa tersebut, seseorang itu juga mesti laksanakan dari segi perbuatan, tekad dan azamnya. Keempat, apa-apa keputusan selepas daripada mengadu dan munajat serta merafakkan hajatnya kepada Tuhan, maka dia hendaklah redha. Ketika itu, insya Allah akan menatijahkan sebuah hasil.

- Allah SWT berfirman :

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ

Maksudnya: “Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa bampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyabut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul.”

Surah al-Baqarah (186)

Ibn Kathir menjelaskan, ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT tidak akan mengecewakan orang yang memanjatkan doa kepada-Nya. Dia tidak menolak dan mengabaikan doa seseorang, bahkan Dia Maha Mendengar. Di dalam pengertian ini terkandung anjuran untuk sentiasa berdoa, dan Allah SWT tidak akan mensia-siakan doa yang dipanjatkan kepada-Nya. (Lihat **Tafsir al-Quran al-'Azim**, 1/506)

Maka jelas menunjukkan bahawa penerimaan itu adalah hak Tuhan. Dia boleh beri kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh itu, kita hendaklah berdoa kepada Allah SWT sebagaimana arahan-Nya:

ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: *“Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.”*

Surah Ghafir (60)

Justeru, apa yang perlu kita buat adalah dengan memanjatkan doa, melakukan solat hajat, dan dalam masa yang sama mesti melakukan pelbagai usaha. Begitu juga kita turun kepada masyarakat bagi memastikan golongan yang memerlukan tidak terabai.

Kita akan terus melaksanakannya dengan seupaya mungkin; melalui perancangan ekonomi dan pemberian bantuan serta

dengan segala susun atur dan strategi. Begitu juga dengan apa yang diusahakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh, menggembelng seluruh keringat dan tenaga.

Dengan itu, kami amat yakin sebuah kejayaan akan dapat kita kecapai selepas ini, insya Allah.



Justeru, apa yang perlu kita buat adalah dengan memanjatkan doa, melakukan solat hajat, dan dalam masa yang sama mesti melakukan pelbagai usaha. Begitu juga kita turun kepada masyarakat bagi memastikan golongan yang memerlukan tidak terabai.



S: Apakah nasihat Datuk kepada individu atau keluarga yang menghidap penyakit wabak COVID-19 ini?

J: Pertama, ini adalah satu bentuk ujian daripada Allah SWT untuk menguji hamba-Nya. Justeru, ujian ini perlulah diisi dengan kesabaran. Nabi SAW telah mengajar kita supaya bersabar. Bahkan nas al-Quran menyatakan:

وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: *“Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.”*

Surah al-Baqarah (155)

Kedua, wabak ini adalah sejuzuk daripada penyakit yang merupakan suatu ujian yang cukup besar sebagaimana taun dan seumpamanya, maka kita harapkan pahala daripada Allah SWT atas sebab kita bersabar terhadapnya.

Ketiga, bagi orang Islam, perkara ini menginsafkan kita untuk melipatgandakan lagi amalan dengan sebaik-baiknya. Kita juga hendaklah ber*husnu zhon* (bersangka baik) dengan Tuhan. Allah SWT berfirman dalam sebuah hadith qudsi:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي

Maksudnya: *“Aku mengikuti sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku.”*

Riwayat al-Bukhari (7405)

Justeru, *husnu zhon* ketika dalam keadaan seperti ini manfaatnya dan kebaikannya cukup besar.

Akhir sekali, hendaklah seseorang itu sentiasa ingat kepada Allah SWT. Mudah-mudahan dengan mengingati Allah, maka diri seseorang akan menjadi jauh lebih baik ditambah lagi apabila ada bersamanya tekad dan azam untuk berubah.

Mendapatkan Berita dari Sumber Sahih

S: Apabila merujuk kepada berita di media sosial, kadangkala kita tidak pasti sumbernya sah ataupun tidak. Tetapi ramai yang terus menyebarkannya dan berkongsi dengan orang ramai. Dalam situasi COVID-19 ini, serta dalam keadaan begitu menekan sekarang ini, apakah tanggungjawab yang perlu kita lakukan sebagai umat Islam terhadap apa jua berita yang disebar dalam media sosial?

J: Kami telah menjawab beberapa kali sebelum ini dalam isu *tabayyun* dan isu tentang pemberitaan. Selalu saya nyatakan bahawa, pertama sekali apabila sampai sesuatu berita kepada kita, hendaklah dipastikan terlebih dahulu keabsahan dan kesahihannya.

Kedua, kita perlu fahami naratif atau maksud di sebalik pemberitaan tersebut. Inilah makna *tabayyun*. Allah SWT berfirman:

إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا

Maksudnya: "Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa suatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya."

Surah al-Hujurat (6)

Imam al-Tabari menjelaskan: Hendaklah kamu *tabayyun* dengan makna tangguh seketika maklumat atau berita yang sampai kepada kamu sehingga kamu mengetahui dan yakin akan kebenarannya. Jangan sekali-kali kamu gelojoh untuk menerimanya. (Lihat **Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran**, 22/286)

Apa makna *tabayyun*? Imam al-Syaukani berkata, yang dimaksudkan dengan *tabayyun* adalah memeriksa dengan teliti, berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, serta melihat dengan keilmuan yang mendalam terhadap sesuatu peristiwa dan khabar yang diterima, sehingga menjadi jelas dan terang baginya. (Lihat **Fath al-Qadir**, 5/65).

Tabayyun juga bukan dengan makna kita menyebarkan sesuatu berita, tetapi ia adalah dengan memahami apa isi tersurat dan tersirat di sebalik berita tersebut. Sebagai contoh, apabila kelihatan seseorang menaiki kereta pulang ke rumahnya pada waktu Zohor pada hari Jumaat ketika bukan waktu darurat, lalu seseorang mengambil gambar tersebut dan ditular ke dalam media sosial. Orang akan memberi komen dengan menimbulkan prasangka bahawa orang itu tidak menunaikan solat Jumaat. Tetapi apa yang mereka tidak tahu adalah perkara di sebaliknya iaitu mungkin ketika itu orang tersebut berada dalam keadaan uzur, sakit atau kurang sihat.



Oleh kerana itu, dalam isu *tabayyun* seperti ini, sebaiknya hendaklah dirujuk kepada sumber yang berautoriti. Jika dalam bidang kesihatan, maka rujuklah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jika dalam bidang agama, kita ada Majlis Fatwa, mufti-mufti dan orang yang thiqah ilmunya. Justeru, rujuklah sesuatu berita sesuai dengan bidang kepakarannya.



Dalam isu *tabayyun* seperti ini, sebaiknya hendaklah dirujuk kepada sumber yang berautoriti. Jika dalam bidang kesihatan, maka rujuklah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Isu-isu Lain Berkaitan Covid-19

S: Adakah sah membayar zakat secara *online*? Ini kerana kekangan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan.

J: Hukum mengenai transaksi zakat secara dalam talian (*online*) tidak dibincangkan secara khusus oleh sarjana fiqh pada masa lalu. Pada hari ini, telah timbul persoalan mengenai kesahihan akad zakat secara dalam talian. Oleh itu, kita perlu melihat kembali kepada konsep akad di dalam fiqh.

Makna umum bagi akad adalah merangkumi akad jual beli atau pertukaran pemilikan, nikah, sumpah, nazar dan perjanjian damai. Manakala **Makna khusus** bagi akad pula bermaksud ikatan antara pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi dengan berlakunya *ijab* (penawaran) dan *qabul* (penerimaan) yang membawa implikasi syarak. (Lihat **al-Ta'rifat**, hlm. 129; **Mausu'ah Fiqhiyyah**, 30/198)

Persoalan mengenai transaksi dalam talian ini berkait secara khusus terhadap perbincangan para ulama' mengenai transaksi melalui



penulisan (*al-Ta'atud bi al-Kitabah*). Para ulamak telah berbeza pandangan mengenai kesahihan transaksi melalui penulisan.

i. Pandangan Pertama

Transaksi secara penulisan merupakan akad yang sah secara mutlak sama ada kedua-duanya bertemu atau tidak. Ini merupakan pendapat jumhur fuqaha' Malikiyyah, Hanabilah dan sebahagian Syafi'iyah. Namun dikecualikan dalam akad nikah kerana ia mempunyai syarat khusus yang tersendiri. (Lihat ***Bulghah al-Salik***, 2/17; ***Hasyiyah al-Dusuqi***, 3/3; ***Hasyiyah al-Sawi 'ala al-Syarh al-Saghir***, 2/166 dan ***al-Mughni***, 7/239)

ii. Pandangan Kedua

Transaksi melalui penulisan tidak berlaku melainkan bagi mereka yang tidak berupaya untuk bertransaksi melalui pertuturan. Ini merupakan pendapat di sisi mazhab Ibadhiyah, rajih di sisi mazhab Imamiyah, satu wajah dalam Syafi'iyah dan satu pendapat dalam mazhab Zaidiyah. (Lihat ***Syarai' al-Islam***, 2/8; ***al-Majmu'***, 9/167; ***al-Raudhah***, 8/39 dan ***al-Bahr al-Zakhar***, 4/26).

iii. Pandangan Ketiga

Transaksi secara penulisan sah sekiranya kedua-dua pihak tidak bertemu antara satu sama lain. Namun begitu, sekiranya kedua-dua pihak bertemu, maka tidak perlu lagi transaksi secara penulisan kerana pertuturan didahulukan dan lebih kuat berbanding penulisan. Pendapat ini merupakan yang zahir di sisi

mazhab Hanafiyah. (Lihat **Syarh al-'Inayah**, 5/79 dan **al-Fatwa al-Hindiyah**, 3/9)

Di samping itu, ulama' telah bersepakat bahawa niat adalah syarat sah ibadat zakat. Menurut mazhab Syafi'e, niat adalah wajib dengan hati dan tidak disyaratkan untuk dilafazkan. Dalam masalah berkaitan dengan zakat secara dalam talian, isu niat dikira selesai dengan perbuatan pembayar (*muzakki*) memindahkan wangnya menerusi transaksi atau kemudahan dalam talian berdasarkan arahan yang diberikan iaitu dengan menekan butang atau ikon khas yang terdapat dalam laman sesawang atau aplikasi dalam talian.

Seterusnya, keabsahan pemberian zakat adalah dengan disyaratkan berlakunya proses pindah milik. Pindah milik berlaku setelah selesai transaksi pembayaran zakat secara dalam talian sama ada secara langsung atau dalam tempoh yang ditetapkan.

Proses pengesahan dan persetujuan antara kedua transaksi *Ijab* dan *Qabul* dalam akad secara elektronik adalah sama seperti akad-akad lain dalam perbincangan fiqh selagi mana memenuhi syarat utama iaitu: Setiap isi kandungan perjanjian atau butiran transaksi adalah sama dan tidak berbeza antara satu pihak dengan yang lain ketika berlakunya proses *Ijab* dan *Qabul*.

Keharusan pembayaran zakat secara dalam talian ini juga berdasarkan kepada kaedah fiqh antaranya:

- Kaedah “الْكِتَابُ كَالْخِطَابِ” (Penulisan adalah sama seperti percakapan). Terdapat perbezaan pendapat dalam hal ini di kalangan para ulama’ empat mazhab, namun yang diambil di sini adalah pandangan jumhur iaitu harus menjalankan urusan antara dua pihak atau memeterai akad secara bertulis, kerana ia lebih rasional dan wajar diamalkan dalam hal transaksi secara atas talian berdasarkan kaedah Fiqh ini.
- Kaedah “الْوَسَائِلُ لَهَا حُكْمُ الْغَايَاتِ أَوْ الْمَقَاصِدِ ” (Semua wasilah atau cara, baginya hukum berdasarkan matlamat yang hendak dicapai). Menunaikan ibadah zakat yang merupakan salah satu dari rukun Islam yang utama adalah maqasid (tujuan) terbesar dari aspek pemeliharaan agama. Oleh itu, wasilah yang memudahkan dan mampu mencapai maksud penunaian ibadah zakat antaranya adalah melalui transaksi pembayaran zakat secara atas talian dan penggunaan teknologi terkini, dan ia bertepatan dengan kaedah ini.
- Kaedah “ الْعِبْرَةُ فِي الْعُقُودِ لِلْمَقَاصِدِ وَالْمَعَانِي لَا لِلأَلْفَاظِ وَالْمَبَانِي ” (Perkara yang diambil kira di dalam akad-akad adalah maksud dan makna yang ingin dicapai, bukan bentuk-bentuk dan lafaz-lafaznya). Berdasarkan kaedah ini, transaksi zakat yang hanya memerlukan kepada niat dan pindah milik telah dianggap sah dan selesai dengan menggunakan kemudahan menerusi atas talian apabila pembayaran selesai dilakukan.

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-116/2019 yang bersidang pada 01 April 2019 telah memutuskan bahawa **bersetuju mengenai hukum pembayaran zakat secara atas talian (online)**.¹⁸



Justeru, hukum membayar zakat secara dalam talian (*online*) adalah sah dan harus di sisi syarak.


S: Apakah hukum puasa bagi orang yang terpaksa menjalani ujian saringan perubatan Covid-19 seperti *nose swab test*? Adakah ia membatalkan puasa?

J: Sepertimana yang dijelaskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Garis Panduan yang dikeluarkan, terdapat dua kaedah saringan dalam menentukan individu positif COVID-19, iaitu melalui *Nasopharyngeal swab* dan *Oropharyngeal swab*.

Kaedah *Nasopharyngeal swab* ialah alat swab akan dimasukkan ke dalam rongga hidung individu sehingga ke kawasan *nasopharynx* (rongga hidung paling atas) dengan kedalaman

18. Lihat: <https://efatwa.muftiwp.gov.my/?page=2>, Laman web diakses pada 23 April 2020.

lebih kurang 4.8 cm bagi kanak-kanak dan 8-12 cm bagi orang dewasa untuk mengambil sampel mukus. Manakala kaedah *Oropharyngeal swab* pula ialah alat swab dimasukkan ke dalam mulut hingga ke kawasan *oropharynx* iaitu di belakang anak tekak bagi mengambil sampel mukus.



Nasopharyngeal swab.



Kaedah *Nasopharyngeal swab* ialah alat swab akan dimasukkan ke dalam rongga hidung individu sehingga ke kawasan *nasopharynx* (rongga hidung paling atas) dengan kedalaman lebih kurang 4.8 cm bagi kanak-kanak dan 8-12 cm bagi orang dewasa untuk mengambil sampel mukus.

Dalam menjawab persoalan di atas, kami mulakan dengan mengemukakan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Laqith bin Sobirah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَبَالِغٍ فِي الْإِسْتِشْقِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا

Maksudnya: "Hendaklah kamu berlebihan dalam beristinsyaq (memasukkan air ke dalam hidung) kecuali jika kamu sedang berpuasa."

Riwayat Abu Daud (142)

Imam al-Khattabi menjelaskan: “Hadith ini menunjukkan bahawa sampainya air ke bahagian otak boleh membatalkan puasa seseorang sekiranya ia berlaku dengan perbuatannya. Dan qiyas ke atasnya, meliputi kesemua benda yang sampai ke bahagian dalam badannya dengan perbuatannya seperti suntikan dan selainnya.” (Lihat **Ma’alim al-Sunan**, 2/108)

Syeikh Abu al-Husin al-‘Imrani dalam memahami hadith ini berkata: “Sekiranya seseorang menghadapi kecederaan dalaman lalu dia merawatnya, kemudian ubat tersebut sampai ke bahagian *jauf* (dalaman badan) atau ke bahagian otak, maka batallah puasanya, sama ada ubat tersebut bersifat basah ataupun kering.” (Lihat **al-Bayan fi Mazhab al-Imam al-Syafi’i**, 3/504)

Jika dilihat, kaedah *Nasopharyngeal swab* tidaklah menyebabkan alat *swab* dimasukkan sehingga sampai ke rongga (*jauf*) di bahagian dalam. Ia hanya sampai ke kawasan *nasopharynx* iaitu rongga hidung paling atas. Justeru, hal ini tidak menyebabkan puasa seseorang terbatal.

Manakala kaedah *Oropharyngeal swab* pula, alat *swab* akan dimasukkan ke dalam rongga mulut hingga ke kawasan *oropharynx* iaitu belakang anak tekak dan ia tidaklah sampai melepasi bahagian halkum. Selain itu, ia juga tidaklah termasuk perbuatan yang menggambarkan perkara yang boleh mengenyangkan dan menghilangkan dahaga sebaliknya ia adalah bagi keperluan perubatan. Oleh itu, kami berpandangan bahawa kaedah saringan seperti ini adalah tidak membatalkan puasa.

Hal ini juga selaras dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Kali Ke-3 yang bersidang pada 21 April 2020 yang jelas menyebut bahawa kedua-dua kaedah seperti ini tidaklah menyebabkan puasa seseorang terbatat. Muzakarah antara lain menyatakan: “Prosedur saringan



Oropharyngeal swab.

*bagi mengesan penyakit Covid-19 adalah dengan mengambil sampel lendir (mukus) yang berada di dalam hidung sehingga ke kawasan nasopharynx (rongga hidung paling atas) dan rongga mulut hingga ke kawasan oropharynx (anak tekak) adalah **tidak membatalkan puasa.**”*

Al-Majma’ al-Fiqh al-Islami juga pernah mengeluarkan satu keputusan pandangan hukum berkaitan beberapa isu perubahan yang tidak membatalkan puasa. Keputusan ini menyebut bahawa termasuk perkara yang tidak membatalkan puasa adalah perbuatan “memasukkan *gastroscope* (teropong perut) ke dalam perut tanpa sebarang bendalir dan seumpamanya.” (Lihat majalah **al-Majma’**, 10/453-455). Maka, ujian saringan yang dilakukan ketika ini dengan hanya memasukkan alat swab ke dalam rongga hidung dan mulut bagi tujuan memperoleh sampel sudah tentu terlebih lagi tidak membatalkan puasa.

Justeru, bagi mereka yang perlu melalui saringan melalui kaedah *Nasopharyngeal swab* atau *Oropharyngeal swab*, maka puasa mereka masih sah dan tidaklah terbatat.

S: Apakah hukum seseorang yang menyimpan makanan melebihi keperluan dan apakah hukum peniaga yang menaikkan harga barangan dalam suasana Covid-19 ini?

J: Pada asasnya, hendaklah seseorang itu bersikap berpada dalam pembelian sesuatu barangan mengikut keperluan biasa. Dalam suasana krisis dan wabak yang sedang berlaku ini, maka terlebih utama lagi bagi setiap individu untuk bersikap bersederhana semampu yang mungkin.

Hal ini kerana, perbuatan membeli dan menyimpan barangan melebihi dari keperluan ini boleh mendatangkan kemudaratatan terhadap orang lain. Malah, ia juga boleh mengakibatkan kenaikan harga barang.

Manakala perbuatan menaikkan harga barangan atau menyembunyikan barangan untuk dinaikkan harganya oleh seorang peniaga adalah amat dilarang. Perbuatan ini termasuk dalam larangan daripada melakukan *al-ihthikar*.

Istilah *al-ihthikar* bermaksud seseorang membeli barangan keperluan manusia lalu menyimpannya sehingga waktu *al-ghala'* (krisis kekurangan bahan), kemudian menjualnya dengan harga yang lebih tinggi daripada yang dia beli. Barangan keperluan ini dianggap sebagai bahan keperluan asas bagi manusia. (Lihat ***al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie***, 2/64; ***al-'Inayah Syarh al-Hidayah***, 8/126 dan ***al-Muntaqa***, 5/15)

Perbuatan *al-ihthikar* ini jelas dilarang sepertimana terdapat di dalam hadith Nabi SAW. Ia berdasarkan apa yang diriwayatkan daripada Mu’ammar al-Adawi, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَحْتَكِرُ إِلَّا خَاطِئٌ

Maksudnya: *“Tidak boleh melakukan ihtikar. Jika tidak, dia termasuk orang yang bersalah (berdosa).”*

Riwayat Muslim (1605)

Imam al-Nawawi menjelaskan: “Ahli bahasa menyebut bahawa makna “خاطي” di sini adalah seorang yang berdosa. Para ulama menyatakan bahawa hikmah dari pengharaman *al-ihthikar* ini adalah bertujuan bagi menolak kemudaratan terhadap orang ramai.” (Lihat ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim***, 6/358)

Barisan ulama’ al-Azhar yang diketuai oleh Syeikh al-Azhar sendiri, Syeikh al-‘Allamah Prof. Dr. Ahmad Tayyib pernah menjelaskan isu seperti ini dalam satu penjelasan hukum yang dikeluarkan. Antara lain, ditegaskan bahawa: *“Memonopoli barangan keperluan (al-ihthikar) pada zaman wabak seperti ini hukumnya haram, bahkan pengharamannya lebih daripada keadaan biasa.”*

Justeru, perbuatan seperti ini amat ditegah kerana buruknya natijah akibat perbuatan tersebut di mana ia boleh mengundang pelbagai perkara negatif dan perasaan ketidaktenteraman dalam

masyarakat.

Selain itu, menjadi satu kewajiban bagi seorang Muslim untuk membentuk dirinya dengan akhlak melebihi orang lain, bukan mendahulukan diri sendiri terutama dalam waktu-waktu krisis dan wabak yang berlaku sekarang ini.

S: Bolehkah kita berhimpun secara beramai-ramai untuk melakukan munajat agar dihilangkan wabak dalam suasana Covid-19 ini?

J: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataannya telah menyatakan bahawa semua aktiviti perhimpunan membabitkan kehadiran yang ramai hendaklah ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19. Ini merupakan satu langkah proaktif, berjaga-jaga dan inisiatif daripada pihak pemerintah bagi menghalang wabak Covid-19 daripada terus merebak di dalam negara. Justeru, berdasarkan hal ini, himpunan keagamaan untuk melakukan doa munajat juga termasuk dalam perkara yang sangat berisiko, yang boleh mengakibatkan jangkitan kepada ramai orang.

Al-Hafiz Ibn Hajar di dalam kitabnya, *Bazl al-Ma'un fi Fadhl al-Ta'un*, pernah menceritakan tentang beberapa kisah dalam sejarah Islam, di mana pernah berlaku perbuatan berhimpun untuk tujuan berdoa menghilangkan wabak. Namun, sebaliknya yang didoakan tidak tercapai, malah kemudaratan semakin besar.



Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataannya telah menyatakan bahawa semua aktiviti perhimpunan membabitkan kehadiran yang ramai hendaklah ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19.

Diceritakan bahawa pada tahun 749H, telah berlaku wabak taun di Damsyik. Kemudian, orang ramai keluar berhimpun di padang pasir bersama-sama dengan pembesar-pembesar negeri. Mereka berdoa dan memohon daripada Allah SWT secara beramai-ramai. Namun selepas itu, wabak taun makin merebak dan menular.

Pada tahun 833H, Mesir pula telah ditimpa wabak. Pada awalnya, angka kematian tidak mencapai 40 orang. Lalu orang ramai keluar sebagaimana *istisqa'*, untuk berdoa beramai-ramai seketika. Tidak sampai sebulan selepas itu angka kematian meningkat mendadak melebihi seribu orang sehari.

Ibn Hajar kemudian mengulas berkenaan hukum perbuatan tersebut: *“Kalau sekiranya perbuatan itu adalah syar’ie, nescaya para salaf dan kemudian ulama-ulama selepas mereka pada zaman-zaman kemudian pasti mengetahuinya. Sedangkan tidak sampai pun kepada kami sebarang hadith dan athar daripada para ulama hadis, dan tidak ada pun satu bab dalam tulisan para fuqaha berkenaannya”*. (Lihat **Bazl al-Ma’un fi Fadhl al-Ta’un**, hlm. 65)


Dalam fatwa semasa, para ulama’ al-Azhar yang diketuai oleh Syeikh al-Azhar sendiri, Syeikh al-‘Allamah Prof. Dr. Ahmad Tayyib pernah menjawab isu seperti ini dalam satu penjelasan hukum yang dikeluarkan. Antara lain, ditegaskan: *“Mengajak orang ramai untuk berhimpun bagi berdoa dan beristighfar sekalipun wujudnya kemudahan yang pasti berlaku adalah merupakan satu tindakan yang bercanggah dan melampau ke atas Syariat Allah. Sebaran yang penuh kekeliruan ini adalah perkara yang keji dan dicela mengikut Syariat Islam.”*

Justeru perhimpunan keagamaan dengan tujuan berdoa menghilangkan wabak pada waktu tersebarnya wabak adalah tidak dibenarkan malah ia merupakan satu bentuk kejahatan dalam ilmu dan boleh menimbulkan kemudaratatan.

Sebaliknya, ia memadai dengan hanya dilakukan di rumah kediaman masing-masing bersama ahli keluarga. Mudah-mudahan dengan usaha munajat dan doa yang dipanjatkan kepada Allah SWT, kabus wabak ini akan berlalu pergi dan digantikan dengan sinar kesihatan yang terbaik untuk seluruh masyarakat di Malaysia dan juga di tempat lain. Amin.



DOA MENGHADAPI WABAK



Kami akhiri perbincangan ini dengan menukilkan beberapa doa yang diajar oleh Rasulullah SAW dalam memohon keselamatan serta dijauhkan daripada sebarang perkara-perkara yang memudaratkan. Antaranya:

Pertama : Doa Mohon Keselamatan

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: “Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudharatan di bumi mahupun di langit. Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

Riwayat Abu Daud (5088), al-Tirmizi (3388), Ibn Majah (3869), al-Nasa’ie dalam al-Sunan al-Kubra (10178) dan Ahmad (446)

Doa ini berdasarkan sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Uthman bin Affan R.A, katanya: “Aku mendengar Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ، فِي الْأَرْضِ،
 وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ
 فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ، حَتَّى يُصْبِحَ، وَمَنْ قَالَهَا حِينَ يُصْبِحُ ثَلَاثَ
 مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى يُمْسِيَ

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca: “*Bismillah*” dalam nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudharatan di bumi mahupun di langit, Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga subuh. Dan barangsiapa yang membacanya ketika subuh sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpa bala yang datang secara tiba-tiba sehingga petang (malam).”

Riwayat Abu Daud (5088), al-Tirmizi (3388), Ibn Majah (3869), al-Nasa’ie dalam al-Sunan al-Kubra (10178) dan Ahmad (446). Menurut Syeikh Syaib al-Arna’uth, hadits ini adalah hasan.

Dalam hadits ini, dinyatakan kelebihan orang yang membaca doa ini pada awal siang hari dan awal malam hari. Doa tersebut dimulakan dengan nama Allah adalah untuk memohon perlindungan Allah daripada segala keburukan yang mana tidak akan memberi mudarat sesuatu pun dengan nama Allah apabila ia diucapkan

dengan pegangan yang betul dan niat yang ikhlas. Adapun, kita bukan sahaja memohon perlindungan daripada keburukan dari bumi sahaja, bahkan juga keburukan dari langit iaitu apa-apa yang turun dari langit. Tambahan pula, Allah bersifat Maha mendengar iaitu akan ucapan-ucapan kita dan Allah juga bersifat Maha Mengetahui akan keadaan kita. (Lihat **Tuhfah al-Ahwazi**, 9/234)

Di samping itu juga, tidak memberi mudarat dengan nama-Nya di dalam doa ini juga membawa maksud bahawa penduduk bumi berada di dalam keadaan aman dan selamat disebabkan keberkatan nama Allah serta keterikatan dengan-Nya. Samalah keadaannya kepada penduduk di langit bilamana mereka melazimi nama Allah dalam setiap perkara. (Lihat **Syarh Hisn al-Muslim**, hlm. 149)¹⁸

Kedua : Doa ‘Afiyat dan Pemeliharaan

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ، اللَّهُمَّ إِنِّي
 أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي ،
 اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي وَآمِنْ رَوْعَاتِي ، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ
 يَدَيْ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي ،
 وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

18. Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk *Irsyad al-Hadith Siri ke-463: Maksud Doa Tolak Waba' (Siri 1)* untuk bacaan lanjut.

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pada-Mu keampunan dan keselamatan (‘afiyat) di dunia dan akhira. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pada-Mu keampunan dan keselamatan (‘afiyat) dalam agamaku, duniaku, keluargaku dan bartaku. Ya Allah, tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di batiku. Ya Allah, jagalah aku; dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atasku, serta aku memohon perlindungan dengan keagungan-Mu agar tidak disambar dari bawabku.”

Doa ini berdasarkan sebuah hadith riwayat Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُ هُوَ لِأَنَّ الدَّعَوَاتِ
، حِينَ يُمَسِّي ، وَحِينَ يُصْبِحُ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي
وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي ، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي ، وَقَالَ عُثْمَانُ :
عَوْرَاتِي وَأَمِنْ رَوْعَاتِي ، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ ، وَمِنْ
خَلْفِي ، وَعَنْ يَمِينِي ، وَعَنْ شِمَالِي ، وَمِنْ فَوْقِي ، وَأَعُوذُ
بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

Maksudnya: “Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan zikir-zikir ini ketika waktu petang dan pagi... (Lalu beliau menyebut doa seperti di atas).

Riwayat Abu Daud (5074), al-Nasa'ie (5530), Ibn Majah (3871), Ibn Hibban (961), Ahmad (4785) dan al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (1200)

Imam al-Nawawi berkata: “Lafaz ‘*afiyah*’ adalah satu lafaz yang umum dan terkandung di dalamnya penolakan terhadap segala perkara yang tidak baik pada badan dan juga batin, pada agama sama ada di dunia dan juga di akhirat.” (Lihat ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim***, 46/12)

Al-Munawi berkata, al-‘*Afiyah*’ adalah keselamatan (kesejahteraan) daripada penyakit-penyakit dan bala. Ia juga menghimpunkan di antara dua kesejahteraan iaitu di dunia dan agama. Selain itu, ‘*Afiyah*’ akan menolak penyakit-penyakit dunia yang ada di hati dan juga yang wujud pada badan. (Lihat ***Faidh al-Qadir***, 107/4)

Menurut Syeikh al-Mubarakfuri, makna al-‘*Afiyah*’ adalah benteng Allah kepada hamba-Nya. Maka orang yang memohonnya adalah seseorang yang sedang memohon pemeliharaan daripada Tuhannya di atas setiap yang diniatkan itu. (Lihat ***Tuhfah al-Ahwazi***, 348/9)



Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Ibn Umar R.Anhuma, beliau berkata:

لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُ هَؤُلَاءِ
 الدَّعَوَاتِ، حِينَ يُمَسِّي، وَحِينَ يُصْبِحُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ
 العافية في الدنيا والآخرة

Maksudnya: “*Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan doa tersebut ketika petang dan pagi iaitu: “اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ العافية في الدنيا والآخرة: (Ya Allah aku memohon kepada-Mu keselamatan di dunia dan akhiraat).”*

Riwayat Abu Daud (5074). Menurut Syeikh Syaib al-Arna'uth, sanad hadits ini adalah sahih.

Syeikh Abu al-Hasan al-Mubarakfuri menjelaskan, maksud keselamatan (العافية) di dalam hadis tersebut adalah keselamatan daripada perkara-perkara yang merosakkan agama serta sebarang bentuk kesusahan di dunia. Dikatakan juga, keselamatan daripada penyakit-penyakit dan bala-bala. (Lihat **Mir'ah al-Mafatih**, 139/8)¹⁹

19. Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk **Irsyad Al-Hadith Siri Ke-260: Doa Berkenaan Al-'Afiyah (العافية)** untuk bacaan lanjut.

Ketiga : Doa Berlindung Daripada Kejahatan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya: “*Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta.*”

Riwayat Muslim (2709), Abu Daud (3899), al-Tirmizi (3604), al-Nasa’ie dalam al-Sunan al-Kubra (10421), Ibn Majah (3518) dan Ahmad (7898)

Doa ini berdasarkan beberapa buah hadith. Antaranya, dalam satu riwayat menyebut bahawa sesiapa yang mengamalkannya, maka dia akan diberi keselamatan sepanjang berada di sesuatu tempat itu. Diriwayatkan daripada Khaulah binti Hakim al-Sulamiyah R.Anha, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ نَزَلَ مَنْزِلًا ثُمَّ قَالَ : أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ، لَمْ يَضُرَّهُ شَيْءٌ حَتَّى يَرْتَحِلَ مِنْ مَنْزِلِهِ ذَلِكَ

Maksudnya: “*Barangsiapa yang singgah pada suatu tempat, kemudian mengucapkan: “أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ” (Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta), tidak akan dimudaratkannya oleh sesuatu, sebilangal dia meninggalkan tempat tersebut.*”

Riwayat Muslim (7053)

Imam al-Nawawi berkata: “Ungkapan Rasulullah SAW “أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ (Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna), bermaksud kalimat yang tidak mengandungi kekurangan atau cela, atau maksudnya yang bermanfaat dan menyembuhkan, atau makna lain yang dimaksudkan dengan kalimat di sini adalah al-Quran. Wallahu a’lam.” (Lihat **al-Minhaj Syarh Sahih Muslim**, 17/31)

Di dalam Syarah Hisn al-Muslim, dikatakan maksud kalimat Allah yang sempurna itu adalah nama-nama Allah yang mana tidak ada padanya kekurangan. (Lihat **Syarh Hisn al-Muslim**, hlm. 154)

Abu al-‘Abbas al-Qurtubi menyebut: Ungkapan Nabi SAW “لَمْ يَضُرَّهُ شَيْءٌ حَتَّى يَرْحَلَ مِنْ مَنَزِلِهِ ذَلِكَ” (tidak akan dimudaratkannya oleh sesuatu, sehinggalah dia meninggalkan tempat tersebut), ini adalah khabar yang sahih, perkataan yang benar berlandaskan dalil dan pengalaman. Ini kerana sejak mendengarnya, sungguh aku selalu mengamalkannya dan aku tidak pernah tertimpa mara bahaya sehinggalah aku meninggalkannya, lalu aku disengat kala jengking pada suatu malam. Kemudian aku merenung, ternyata aku lupa berlindung (kepada Allah) dengan kalimat-kalimat tersebut. (Lihat **al-Mufhim li ma asykala min Talkhis Syarh Sahih Muslim**, 4/1527)

Manakala dalam hadith lain, yang diriwayatkan daripada Suhail bin Abi Salih, daripada bapanya, daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَالَ حِينَ يُمْسِي ثَلَاثَ مَرَّاتٍ : أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ
 مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ، لَمْ يَضُرَّهُ حُمْمَةٌ تَلِكَ اللَّيْلَةَ

Maksudnya: “Sesiapa yang mengucapkan pada waktu petang tiga kali:
 “ أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (Aku berlindung dengan kalimah Allah
 yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta), tidak
 akan terkena sengatan binatang berbisa pada malam itu.”

Riwayat al-Tirmizi (3604)



Suhail (perawi hadits ini) berkata: “Keluarga kami mempelajari dan mengucapkannya pada setiap malam, hingga tiba suatu hari seorang anak perempuan kami disengat oleh seekor binatang, namun dia tidak merasa sakit sedikit pun.” (Lihat **Sunan al-Tirmizi**, 5/475)

Dalam hadits lain, sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, beliau berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ
اللَّهِ مَا لَقِيتُ مِنْ عَقْرَبٍ لَدَغَنِي الْبَارِحَةَ، قَالَ: أَمَا لَوْ
قُلْتَ، حِينَ أَمْسَيْتَ: أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا
خَلَقَ، لَمْ تَضُرَّكَ

Maksudnya: “Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW lalu berkata: Wabai Rasulullah, ketika aku sedang tidur, ada seekor kala jengking datang menyengatku. Maka Nabi SAW bersabda: Jika kamu membaca ketika waktu petang (malam) itu: “أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ” (Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah SWT cipta), nescaya tidak akan berlaku perkara yang memudaratkan kamu.”

Riwayat Muslim (2709)

Keempat : Doa Berlindung Daripada Penyakit Kronik

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ
 سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya: “Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.”

Riwayat Abu Daud (1554), Ahmad (13027), al-Nasa'ie (5493) dan Abu Ya'la (2897)

Doa ini diriwayatkan oleh Anas bin Malik R.A. Beliau berkata:

كَانَ يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ،
 وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya: “Nabi SAW pernah berdoa: “ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ (Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk).”

Riwayat Abu Daud (1554). Menurut Syeikh Syaib al-Arna'uth, sanad hadith ini adalah sahih

Imam al-Khattabi menyatakan bahawa kita dituntut untuk memohon perlindungan daripada penyakit-penyakit ini kerana ia mencacatkan badan dan kekal kesannya serta sebahagiannya memberi kesan kepada akal. Penyakit-penyakit ini tidak sama dengan penyakit-penyakit lain yang mana ia tidak kekal seperti demam, pening dan seumpamanya yang mana ia adalah *kaffarat* (penghapus dosa) dan bukannya hukuman. (Lihat **Ma'alim al-Sunan**, 1/297)

Tambahan pula, penyakit gila adalah sesuatu penyakit yang menyebabkan hilangnya akal di mana akal adalah permulaan kepada kebaikan ilmu dan amal sehingga dikatakan ia (akal) lebih utama daripada ilmu.

Adapun penyakit kusta pula adalah penyakit yang menyebabkan badan menjadi hitam, lalu ia akan merosakkan anggota dan kemungkinan ia akan memakan anggota tersebut sehingga menyebabkan ia terputus daripada badan. Justeru, kita dituntut untuk memohon perlindungan dengan Allah daripada apa-apa yang boleh merosakkan batin kita seperti hilangnya akal serta apa-apa yang boleh mencacatkan zahir kita seperti penyakit kusta ini.

Maka dengan sebab itu, disebut (pada akhir doa) perlindungan dari setiap penyakit yang membinasakan diri atau badan dengan menyebut penyakit-penyakit yang buruk. (Lihat **al-Futuhat al-Rabbaniyyah**, 7/217/218)

Al-Tibi pula dalam menjelaskan hadith ini menyebut bahawa Nabi SAW tidak meminta berlindung secara mutlak dari segala penyakit kerana sebahagian penyakit ada yang tidak terlalu parah dan mengandungi banyak pahala jika dihadapi dengan sabar. Ia seperti demam, pening, sakit mata dan sebagainya. Baginda SAW hanya minta berlindung daripada penyakit-penyakit yang kronik, yang berpanjangan, di mana menjadikan manusia menjauhinya seperti sopak, gila, kusta dan seumpamanya. (Lihat **Syarah al-Tibi ‘ala Misykat al-Masabih**, 6/1918)

Kami pernah bertanya kepada Syeikh Muhamad ‘Awwamah berkenaan makna “*penyakit-penyakit yang buruk*”. Menurutnya, ia adalah apa-apa sahaja penyakit teruk yang berbahaya seperti selsema burung, kanser dan sebagainya. Maka, virus Covid-19 yang sedang tular pada waktu ini juga boleh dikategorikan ke dalam penyakit-penyakit yang buruk sepertimana disebutkan di dalam hadith ataupun doa di atas.²⁰

20. Berdasarkan pertemuan YBM bersama Syeikh ‘Awwamah di kediaman beliau di Istanbul, Turki pada 27/1/2020. Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk *Irsyad al-Hadith Siri ke-465: Maksud Doa Tolak Waba’ (Siri 3)* untuk bacaan lanjut.

Kelima : Diselamatkan Daripada Kemungkaran

اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ ، وَالْأَهْوَاءِ ، وَالْأَسْوَاءِ ،
وَالْأَدْوَاءِ

Maksudnya: “Ya Allah, jauhkanlah aku daripada akhlak yang mungkar, hawa nafsu yang mungkar, juga dari segala keburukan serta dari penyakit-penyakit yang membawa kepada kebinasaan.”

Riwayat al-Tirmizi (3591), Ibn Hibban (960), al-Tabarani (19/19) dan al-Bazzar (9/155)

Doa ini adalah mengikut lafaz yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban, iaitu daripada Ziyad bin ‘Ilaqah, daripada bapa saudaranya, bahawa Nabi SAW membaca doa: “ اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ ، وَالْأَهْوَاءِ ، وَالْأَسْوَاءِ ، وَالْأَدْوَاءِ ” (“Ya Allah! Jauhkanlah aku daripada kemungkaran akhlak (akhlak-akhlak yang keji), mengikut hawa nafsu, keadaan yang buruk dan penyakit yang berbahaya.”)

Riwayat Ibn Hibban (960)

Manakala mengikut lafaz dalam riwayat al-Tirmizi, daripada Ziyad bin ‘Ilaqah, daripada bapa saudaranya, bahawa Nabi SAW membaca doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ
 وَالْأَهْوَاءِ

Maksudnya: “Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari keburukan akhlak, amalan yang buruk dan juga kemungkarannya hawa nafsu.”

Riwayat al-Tirmizi (3591)

Di dalam riwayat al-Hakim terdapat perbezaan sedikit iaitu pada kalimah “الأَسْوَءِ (keadaan yang buruk)” yang mana di dalam riwayat al-Hakim disebutkan “الأَعْمَالِ (perbuatan yang buruk) dan bukannya keadaan yang buruk.” (Lihat **al-Mustadrak**, 1/714) Adapun dari sudut status hadith ini, ia disahihkan oleh Imam Ibn Hibban dan juga Imam al-Hakim. Imam al-Hakim menyatakan hadith ini sanadnya sahih mengikut syarat Imam Muslim.


Hadith ini mendorong kita untuk menjauhkan diri daripada akhlak yang keji serta menyeru kita agar berakhlak dengan akhlak yang terpuji di samping beramal soleh. Antara yang dimaksudkan dengan kemungkarannya akhlak adalah seperti ‘*ujub*, *takabbur*, sombong, bangga diri, hasad dengki dan zalim.

Adapun kemungkarannya amalan pula adalah seperti zina, minum arak dan perkara-perkara haram yang lain. Manakala kemungkarannya hawa nafsu pula bermaksud pegangan (*i’tiqad*) yang salah, tujuan yang *bathil* (salah), pemikiran yang merosakkan, serta adat yang mengaibkan. (Lihat **Nuzhah al-Muttaqin**, 2/242)

Maksud “penyakit yang berbahaya” di dalam doa tersebut adalah seperti penyakit kusta, sopak, batuk kering, penyakit rongga paru-paru atau seumpamanya yang kesemuanya adalah penyakit yang berbahaya. (Lihat **Faidh al-Qadir**, 2/110) Untuk itu, lafaz hadith atau doa ini adalah bersifat umum. Maka ia boleh dimaksudkan dengan apa jua penyakit yang berbahaya.

Nabi SAW selalu berdoa agar dipelihara oleh Allah SWT daripada penyakit-penyakit yang berbahaya ini serta memohon agar dijauhi daripada seburuk-buruk penyakit. (Lihat **Subul al-Salam**, 2/673)²¹

Marilah kita sama-sama mengamalkan doa-doa yang disebutkan ini. Semoga Allah SWT memelihara kita daripada penyakit-penyakit atau sebarang perkara yang tidak baik lagi berbahaya daripada berlaku ke atas diri kita. Amin.



21. Lihat juga artikel di laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertajuk *Irsyad al-Hadith Siri ke-466: Maksud Doa Tolak Waba' (Siri 4)* untuk bacaan lanjut.

PENUTUP

Sehingga kini, Covid-19 telah merebak dan menular dengan begitu pantas sehingga meragut ribuan nyawa dan menggugat kehidupan jutaan manusia dari segi ekonomi, kesihatan, pentadbiran, keselamatan dan lain-lain lagi.

Sesungguhnya Covid-19 ini bukan hanya sekadar wabak yang mesti dijauhi dan dihindari oleh setiap individu, bahkan ia juga suatu bentuk ujian daripada Allah SWT untuk menguji hamba-Nya. Benarlah firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
 وَالْأَنْفُسِ وَالشَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.

Surah al-Baqarah (155)

Maka, dengan ujian inilah, perlunya bagi setiap individu Muslim menghadapinya dengan sebuah kesabaran, setinggi kepatuhan kepada para pemerintah, sedaya usaha dan upaya mengatasi wabak ini serta menjaga kesehatan diri dan ahli keluarga, diiringi dengan sejambak doa yang penuh pengharapan dan juga permohonan agar Allah SWT menjauhkan diri kita dari wabak yang berbahaya ini.

Akhir kalam, semoga Allah SWT memberikan kesabaran dan ketenangan dalam hati kita, meletakkan keikhlasan dan juga keringanan dalam diri kita untuk sentiasa beribadah kepadaNya agar diangkat segera ujian ini dan dijauhkan diri kita daripadanya, di samping diberikan juga kemudahan dan kesenangan dalam usaha menangani dan membasmi wabak pandemik ini. Moga Allah SWT juga memberikan kefahaman dalam memahami agama-Nya, menetapkan keimanan dalam jiwa serta memberkati segala amal perbuatan kita.

Mudah-mudahan dengan usaha dan doa yang dilakukan akan menatijahkan sebuah kejayaan dan kebaikan. InsyaAllah.

